DR. 13 TAHUN 2022

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT BELAS



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

(PAC) PARLIMEN KEEMPAT BELAS

BERHUBUNG PEROLEHAN KAPAL PERONDA GENERASI KEDUA – *LITTORAL COMBATANT SHIP (LCS)* BAGI TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA

DI BAWAH

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

JILID 1



AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN PENGGAL KE 14

1.	YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]	***- Pengerusi***
2.	YB. Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort]	***- Naib Pengerusi***
3.	YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]	
4.	YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]	
5.	YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]	
6.	YB. Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]	
7.	YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]	
8.	YB. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Lumut]	
9.	YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]	
10.	YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]	
11.	YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]	
12.	YB. Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]	
13.	YB. Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]	
14.	YB. Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]	
15.	YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin	***- Setiausaha PAC / Setiausaha Dewan Rakyat***

WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC
(EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)

1. Jabatan Peguam Negara (AGC)
2. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
3. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
4. Jabatan Audit Negara (JAN)
5. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)
6. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)
7. Unit Perancang Ekonomi (EPU)

LAPORAN

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERKARA		Muka surat
INFO GRAFIK		i.
LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA		1
1.	PENDAHULUAN	1
2.	OBJEKTIF PERBINCANGAN	1
3.	SKOP DAN METODOLOGI	2
4.	LATAR BELAKANG PEROLEHAN ENAM (6) BUAH KAPAL PERONDA GENERASI KEDUA – *LITTORAL COMBATANT SHIP (LCS)*	6
4.1	STATUS PEMBINAAN LCS	6
5.	KETERANGAN AWAL SAKSI SEMASA PROSIDING	12
5.1	PERANCANGAN PEROLEHAN LCS	12
5.1.1	KELEMAHAN PERANCANGAN PEROLEHAN	12
A.	Kelewatan Pembekalan Kapal	12
B.	*Detailed Design* Belum Dimuktamadkan	14
C.	Reka Bentuk Kapal Dan *Combat Management System* (CMS) Ditentukan Oleh Kontraktor Bukan TLDM	16
D.	Pandangan TLDM Tidak Diambil Kira	32
E.	*Due Diligence* Tidak Dilaksanakan	35
5.2	KELEMAHAN PROSES PEROLEHAN LCS	40
5.2.1	Rundingan Harga Yang Berlarutan & Peningkatan Kos *Integrated Logistic Support (ILS)*	40
5.3	PENGURUSAN KONTRAK PEROLEHAN LCS	43
A.	Pertukaran Peralatan berlarutan dan Tidak Dimuktamadkan	43
B.	Peningkatan Kos Projek Akan Berlaku Disebabkan Kelewatan	44
5.4	KELEMAHAN KLAUSA KONTRAK	54
5.5	CADANGAN DAN HALA TUJU LCS	54
6.	PENEMUAN PAC PARLIMEN	57
6.1	KELEMAHAN PERANCANGAN PEROLEHAN LCS	57
A.	*Detailed Design Belum Dimuktamadkan*	57
B.	*Pelantikan OEM/Subkontraktor Melalui Syarikat*	63
6.2	KELEMAHAN PROSES PEROLEHAN LCS	65
6.3	PEMBERHENTIAN KERJA (*STOP WORK*) PEMBINAAN KAPAL	67

PERKARA		Muka surat
6.4	PENGURUSAN KONTRAK PEROLEHAN LCS	70
A.	Pemilihan Peralatan Utama	70
B.	Pemilihan dan Perubahan Reka Bentuk	73
6.5	*Variation Order* (VO) Bagi Pertukaran Peralatan Utama Dan Kelewatan Projek	83
6.6	*Liquidated Ascertained Damages* (LAD) / Denda Lewat Berjumlah RM180 juta	92
6.6.1	Penetapan *Capping* Sejumlah 12% Atau RM180 Juta Dalam Kontrak Utama	94
6.7	Kelemahan Klausa Kontrak	97
A.	Kemajuan Pembayaran Melebihi Kemajuan Kerja Sebenar – Pembayaran Mengikut Kemajuan Aktiviti Dan Bukan Kemajuan Kerja	97
B.	Pindaan Jadual Pembayaran Dalam Kontrak Utama	101
6.8	Penggunaan Pembayaran Bukan Untuk Tujuan Projek dan *Cost Overrun*	104
6.9	Peralatan Yang Disimpan Dalam Stor	109
6.10	Perancangan LCS1 Pada Tahun 2017	113
7.	PENGAUDITAN FORENSIK PROJEK LCS	116
8.	LAPORAN AUDIT FORENSIK "REVIEW OF THE LCS PROGRAMME" OLEH ALLIANCE IFA (M) SDN. BHD.	121
A.	Latar belakang	121
B.	Struktur Perolehan LCS	127
C.	Terma Rujukan Jawatankuasa Pemandu LCS atau *LCS Steering Committee* (LCSSC)	130
D.	Fakta Yang Didedahkan Semasa Perbincangan Dengan Bekas Ahli LCSSC	131
E.	Penglibatan Anuar Murad	133
F.	Penglibatan CAD	134
G.	Potensi Kerugian BNS Kerana Penglibatan CAD/CED	144
H.	Peranan Naval Group	145
I.	Kelemahan Dalam Kontrak Naval Group	147
J.	Pengeluaran LOA Kepada IHC Metalix	148
K.	Rumusan Pengauditan Forensik	151
9.	CADANGAN DAN HALA TUJU LCS	152
A.	Kronologi	152
B.	Memorandum Jemaah Menteri Terkini	156
10.	PERKEMBANGAN TERKINI	162
11.	RUMUSAN PAC PARLIMEN	165
12.	SYOR PAC PARLIMEN	168
GLOSARI		-
AGENDA MESYUARAT		-
GAMBAR PROSIDING		-

RINGKASAN EKSEKUTIF
LAPORAN PAC PARLIMEN

PEROLEHAN KAPAL LCS TLDM

STATUS BAYARAN & BELANJA

RM6.083 BILION (66.64%)
telah dibelanjakan.

SAKSI

- JAN
- MINDEF
- JSKTUPKK
- BHIC & BNS
- ALLIANCE IFA


LATAR BELAKANG KONTRAK

Nilai Kontrak : **RM9.1286 Bilion**
Tempoh Kontrak : 10 tahun
Rundingan Terus; Boustead Naval Shipyard (BNS)

ISU UTAMA

Belanja sejumlah **RM6.083 bilion**
Namun **TIADA** kapal **DISIAPKAN**

TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA
LITTORAL COMBAT SHIP
3 OKT 2013 - 2 OKT 2023



PENEMUAN PAC

- *Detailed Design* Belum Dimuktamadkan
- Kelemahan Perancangan Perolehan
- *Stop of Work* Pembinaan Kapal
- Pemilihan Peralatan Utama
- Perubahan Reka Bentuk
- *Variation Order* Pertukaran Peralatan Utama & Kelewatan Projek
- Denda Lewat
- Kelemahan Klausa Kontrak
- Pembayaran Melebihi Kerja Sebenar
- Pindaan Jadual Pembayaran
- *Cost Overrun*
- Inventori Di Stor
- Pelancaran LCS Pada Tahun 2017

FAKTOR KEGAGALAN

- Perubahan Reka Bentuk SIGMA Ke GOWIND
- Perolehan Peralatan Utama
- Kelewatan Memuktamadkan *Detailed Design*
- *Variation Order*
- Kelewatan Dalam Pembinaan Kapal
- *Stop of Work* Oleh Subkontraktor Projek LCS
- Pelantikan Syarikat CAD & CED Dalam Proses Pembelian Peralatan
- Masalah aliran tunai BNS
- *Cost Overrun*

PEROLEHAN KAPAL LCS TLDM

PERANCANGAN KONTRAK

2010
- 15 Oktober 2010 — LOI (*Letter of Intent*)

2011 - 2012
- 16 Disember 2011 — LOA (*Letter of Award*)

2013
- 3 Oktober 2013 — *Commencement Date*

2014 - 2018
- 17 Julai 2014 — Kontrak Ditandatangani

2019
- April 2019 — Serahan LCS1

2020
- February & Mac 2020 — Serahan LCS2 & LCS3

2021
- Oktober 2021 — Serahan LCS4

2022
- Ogos 2022 — Serahan LCS5

2023
- Jun 2023 — Serahan LCS6

* Nota
- Basic Design (Oktober 2013 - Jun 2015)
- Detailed Design (November 2015 - November 2016)

NILAI INVENTORI DI STOR
RM1758 BILLION

STATUS LCS




LCS 1 | LCS 2 | LCS 3 | LCS 4 | LCS 5 | LCS 6

RANCANGAN VS BAYARAN

LCS 1	LCS 2	LCS 3	LCS 4	LCS 5	LCS 6
PERANCANGAN: RM 1.427 BILION	PERANCANGAN: RM 1.237 BILION	PERANCANGAN: RM 1.122 BILION	PERANCANGAN: RM 0.890 BILION	PERANCANGAN: RM 0.710 BILION	PENCANGAN: RM0.571 BILION
BAYARAN: RM 0.910 BILLION	BAYARAN: RM 0.747 BILLION	BAYARAN: RM 0.599 BILLION	BAYARAN: RM 0.432 BILLION	BAYARAN: RM 0.257 BILLION	BAYARAN: RM 0

KEMAJUAN FIZIKAL



PEROLEHAN KAPAL LCS TLDM

RINGKASAN RUMUSAN & SYOR PAC

RINGKASAN RUMUSAN

- Kerajaan membayar **RM6.083 bilion** namun **tiada kapal LCS** yang **siap**.
- Pandangan **TLDM** selaku *end user* **tidak diendahkan** oleh **MINDEF** dan **BNS** dalam pelaksanaan projek.
- ***Due diligence* dilaksanakan** namun **gagal mengesan masalah kewangan BNS**.
- Kedudukan **kewangan BNS lemah** dan **kritikal akibat salah guna kuasa**.
- Pelantikan **CAD/CED merugikan syarikat**.
- **Terma kontrak lemah**, **tidak memihak** kepada **Kerajaan**.
- ***Detailed design* masih belum dimuktamadkan** oleh Kerajaan dan syarikat.
- ***Cost overrun*** sebanyak **RM1.4005 bilion**.
- **Inventori** dianggarkan **bernilai RM1.7 bilion** dan **15% daripadanya sudah usang (*obselete*)**.

RINGKASAN SYOR

I. **Laporan JKSTUPKK** berhubung **Perolehan LCS dinyahklasifikasikan sepenuhnya**.

II. Insiden perubahan reka bentuk kapal dijadikan pengajaran, **perolehan alatan** dan **kelengkapan pertahanan negara** perlu **mengutamakan keperluan *end user***.

III. Keperluan **pembentangan perancangan perolehan ketenteraan substantif** kepada **JKPK Pertahanan dan Keselamatan**, **melibatkan pihak berkepentingan.**

IV. **Pentadbiran Kontrak Kerajaan diperkemaskan** bagi **meminimumkan VO**, bagi **mengelak kenaikan kos** projek.

V. **SPRM** perlu **mengambil tindakan ke atas penemuan Laporan PAC, Laporan JKSTUPKK,** dan **Laporan Pengauditan Forensik.**

VI. **MINDEF melihat semula opsyen** dan penetapan **hala tuju terbaik bagi LCS**, **memastikan wang awam dibelanjakan** secara bertanggungjawab.

VII. **MINDEF perlu membentangkan laporan kemajuan** projek LCS **setiap 3 bulan kepada PAC**.

LAPORAN

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG PEROLEHAN KAPAL PERONDA GENERASI KEDUA - *LITTORAL COMBATANT SHIP* (LCS) BAGI TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA DI BAWAH KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA (MINDEF)

1. PENDAHULUAN

Perolehan Kapal Peronda Generasi Kedua – *Littoral Combatant Ship* (LCS) Bagi Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di bawah Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF) dengan nilai kontrak berjumlah RM9.128 bilion secara rundingan terus adalah sebahagian daripada penemuan audit yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2019, Pengauditan Pematuhan Kementerian dan Jabatan Persekutuan yang dibentangkan di Parlimen pada 24 Ogos 2020. Isu ini turut dilaporkan dalam Laporan Jawatankuasa Khas Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) yang dibentangkan pada PAC pada 1 Disember 2020.

2. OBJEKTIF PERBINCANGAN

Selaras dengan mandat yang diberikan di bawah Peraturan Mesyuarat (PM) 77 (1) (c) dan 83 (2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan

Rakyat serta Arahan Perbendaharaan 304 (a), PAC Parlimen telah membincangkan penemuan Jabatan Audit Negara (JAN) berhubung Perolehan LCS bertujuan untuk mengkaji dan meneliti sama ada perolehan dan pembinaan kapal dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai objektif utama yang ditetapkan.

3. SKOP DAN METODOLOGI

3.1. Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

a. memanggil pihak yang berkepentingan dan terlibat dalam Perolehan LCS iaitu:

i. Timbalan Ketua Audit Negara (TKAN) (Kewangan), JAN;
ii. Ketua Setiausaha (KSU) MINDEF;
iii. Pengerusi, Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK);
iv. Ketua Pengarah Pasukan Projek LCS TLDM;
v. Mantan Ketua Pengarah Pasukan Projek LCS TLDM;
vi. Mantan Panglima Tentera Laut;
vii. Mantan Menteri Pertahanan;
viii. Syarikat Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. (BNS) (Kontraktor LCS); dan
ix. Syarikat Alliance IFA (M) Sdn. Bhd. (Juruaudit Forensik BNS).

untuk memberi keterangan mengenai peranan dan penglibatan mereka dalam isu yang dibincangkan;

b. menjemput *ex-officio* PAC daripada agensi Kerajaan Persekutuan seperti Jabatan Peguam Negara (AGC), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Jabatan

Perkhidmatan Awam (JPA), JAN, Jabatan Akauntan Negara (JANM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk menghadiri prosiding PAC Parlimen berhubung isu ini.

3.2. Prosiding yang telah diadakan adalah seperti berikut:

BIL.	TARIKH / MASA	RUJUKAN PROSIDING	SAKSI
1.	18 November 2020 / 10.30 pagi	Bil. 1(a)/2020	Jabatan Audit Negara: - YBhg. Dato' Che Isa bin Che Kob [Timbalan Ketua Audit Negara (Kewangan) Sektor Audit Kewangan]
2.	18 November 2020 / 11.46 pagi	Bil. 1(b)/2020	Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF) - YBhg. Dato' Sri Muez Bin Abd Aziz [Ketua Setiausaha, MINDEF]
3.	1 Disember 2020 / 10.30 pagi	Bil. 1(c)/2020	Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK): - YBhg. Tan Sri Ambrin bin Buang [Pengerusi, JKSTUPKK]
4.	16 Disember 2020 / 10.30 pagi	Bil. 1(d)/2020	Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF): - YBhg. Dato' Sri Muez Bin Abd Aziz [Ketua Setiausaha, MINDEF] Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM): i. YBhg. Laksamana Pertama Shaiful Bahri bin Baharuddin [Ketua Pengarah Pasukan Projek LCS TLDM] ii. YBhg. Laksamana Muda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung bin Abdullah [Ketua Pengarah Pasukan Projek LCS TLDM (Mantan)] iii. YBhg. Laksamana Pertama Azuwan bin Harun [Ketua Pengarah Pasukan Projek LCS TLDM (Mantan)] iv. YBhg. Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [Ketua Pengarah Pasukan Projek LCS TLDM (Mantan)]

BIL.	TARIKH / MASA	RUJUKAN PROSIDING	SAKSI
5.	29 Julai 2021 / 10.30 pagi	Bil. 1(e)/2020	Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF): - YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz [Ketua Setiausaha] Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM): - YBhg. Laksamana Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Jaafar [Mantan Panglima Tentera Laut]
6.	27 September 2021 / 11.00 pagi	Bil. 1(g)/2020	Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF): - YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd. Aziz [Ketua Setiausaha] Syarikat Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd (BNS) i. Tuan Low Kok Chiang [Ketua Pegawai Operasi] ii. YBhg. Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [Pengarah Program LCS]
7.	25 Oktober 2021 / 10.00 pagi	Bil. 1(f)/2020	Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF) i. YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz [Ketua Setiausaha] ii. YB. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi [Mantan Menteri Pertahanan]
8.	11 Disember 2021 / 9.00 pagi (Lawatan Kerja dan Prosiding di Pangkalan TLDM Lumut)	Bil. 1(h)/2020	Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF): i. YBhg. Datuk Dr. Shahrazat binti Ahmad [Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)] ii. Encik Mohammad Abiddin bin Abd Rahman [Setiausaha Bahagian Perolehan] iii. Encik Amiruddin bin Ahmad Kamal [Timbalan Setiausaha Bahagian Perolehan] Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM): i. Laksamana Pertama Azuwan bin Harun [Asisten Ketua Staf Perancangan Pembangunan] ii. Laksamana Muda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung bin Abdullah [Asisten Ketua Staf Kejuruteraan] Boustead Heavy Industries Corporation

BIL.	TARIKH / MASA	RUJUKAN PROSIDING	SAKSI
			Berhad: - Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf [Ketua Pegawai Eksekutif] Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. (BNS) i. Encik Low Kok Chiang [Ketua Pegawai Operasi] ii. YBhg. Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [Pengarah Program LCS]
9.	25 Januari 2022 / 10.30 pagi	Bil. 1(i)/2020	Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF): i. Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein, [Menteri Kanan Pertahanan] ii. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz [Ketua Setiausaha] Tentera Laut Diraja Malaysia: - Tan Sri Laksamana Mohd Reza bin Mohd Sany [Panglima Tentera Laut] Lembaga Tabung Angkatan Tentera: - Dato' Ahmad Nazim Abd Rahman [Ketua Eksekutif]
10.	8 Mac 2022 / 10.30 pagi	Bil. 1(j)/2020	Boustead Heavy Industries Corporation Berhad: i. Dr. Salihin bin Abang [Pengarah Bebas Bukan Eksekutif] ii. Puan Hajah Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad [Pengarah Bebas Bukan Eksekutif] Alliance IFA (M) Sdn. Bhd.: i. Tuan Prabhat Kumar [Pengarah Eksekutif] ii. Encik Prakashchandra Bhagwandas Chetwani [Pengurus]

3.3 Pada 11 Disember 2021, PAC turut mengadakan lawatan kerja ke limbungan kapal BNS bagi melihat perkembangan pembinaan LCS1 yang dikenali sebagai KD Maharajalela.

4. LATAR BELAKANG PEROLEHAN ENAM (6) BUAH KAPAL PERONDA GENERASI KEDUA – *LITTORAL COMBATANT SHIP* (LCS)

Perolehan enam (6) buah kapal LCS telah diberi kelulusan oleh Kementerian Kewangan untuk dilaksanakan secara rundingan terus dengan nilai kontrak berjumlah RM9.128 bilion. Tempoh kontrak bermula pada 3 Oktober 2013 hingga 2 Oktober 2023. Tujuan perolehan ini bagi meningkatkan keupayaan TLDM dalam melaksanakan pelbagai operasi.

Namun demikian sehingga kini tiada sebuah kapal LCS yang telah siap dibina. Ekoran daripada itu, laporan JKSTUPKK telah diterbitkan pada 20 Ogos 2019 dan LKAN Tahun 2019 Pengauditan Pematuhan Kementerian dan Jabatan Persekutuan telah dibentangkan di Parlimen pada 24 Ogos 2020.

4.1. Status Pembinaan LCS

Status pembinaan LCS pada Mei 2019 dan Oktober 2020 adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1
Status Pembinaan LCS

Bil	Pembinaan Kapal	Tarikh Serah (Kontrak)	Kemajuan Kerja Mei 2019 Berdasarkan Kontrak (%)	Status Pembinaan Pada Mei 2019 (%)	Status Pembinaan Pada Oktober 2020 (%)
1.	LCS1	April 2019	100	36.8	63.77
2.	LCS2	Februari 2020	91.7	32.6	60.39
3.	LCS3	Disember 2020	72.1	29.1	53.39
4.	LCS4	Oktober 2021	48.6	22.0	48.49
5.	LCS5	Ogos 2022	23.83	1.6	36.2
6.	LCS6	Jun 2023	Tiada sebarang kemajuan		

Sumber: JKSTUPKK – Pembentangan pada 1 Disember 2020

i. **YBrs. Puan Norliza binti Md Nuruddin @ Nordin [Pengarah (Sektor Audit Kewangan, Bahagian Audit Kewangan IV)] dalam prosiding Bil. 1(a)/2020 bertarikh 18 November 2020** yang mewakili TKAN memaklumkan bahawa perolehan bagi enam (6) buah LCS adalah bernilai RM9 bilion. Tempoh kontrak adalah daripada 3 Oktober 2013 hingga 2 Oktober 2023. Skop pengauditan JAN hanya tertumpu kepada kapal LCS1 sahaja yang mana pembekalan sepatutnya dibuat pada bulan April 2019.

Selain itu beliau juga mengesahkan sekiranya kelewatan melebihi 12 bulan, MINDEF mempunyai hak untuk menamatkan kontrak atau meneruskan kontrak dengan memastikan syarikat menunaikan obligasinya termasuk membayar denda lewat. Walau bagaimanapun, beliau menyatakan terdapat suatu *capping* untuk denda lewat iaitu sehingga RM180 juta sahaja.

Penemuan audit adalah seperti berikut:

a. *Liquidated Ascertained Damages* (LAD) / Denda Lewat Berjumlah RM116.54 Juta Tidak Dikenakan

Semakan audit mendapati kelewatan penyerahan kapal LCS1 selama 245 hari dari tarikh sepatutnya diserahkan menyebabkan denda lewat sejumlah RM116.54 juta perlu dikenakan kepada syarikat sehingga 31 Disember 2019. Berdasarkan maklum balas daripada MINDEF, setakat 10 Jun 2020, kelewatan adalah 435 hari dengan nilai denda berjumlah RM217.50 juta. Walau bagaimanapun setelah mengambil kira elemen *capping*, denda maksimum yang boleh dikenakan hanyalah RM180 juta sahaja.

Sehingga 30 Jun 2020, MINDEF tidak mengeluarkan surat tuntutan kepada syarikat bagi menuntut denda lewat dan sebaliknya hanya mengeluarkan notis peringatan sahaja pada 14 Jun 2019. Untuk status terkini pada 23 Oktober 2020, sejumlah RM80.64 juta telah diambil tindakan *set off* dengan bayaran kemajuan kepada syarikat.

b. Bayaran Kemajuan Kapal LSC1 Melebihi Kemajuan Kerja Sebenar Sebanyak 21.1%

Sehingga 31 Disember 2019, bayaran kemajuan yang telah dibuat adalah berjumlah RM990 juta atau 63.8% berbanding dengan kemajuan kerja sebenar kapal LCS1 iaitu 42.7% sahaja. Audit mendapati bayaran kemajuan yang telah dibuat terhadap kapal LCS1 adalah terlebih sebanyak 21.1%.

Perkara ini berlaku kerana Pasukan Projek LCS TLDM membuat pengesahan kemajuan kerja berdasarkan Jadual *5B, Progress Payment Plan* yang belum dikemas kini dalam kontrak (tambahan ketiga) iaitu pembayaran kemajuan mengikut aktiviti.

Audit berpendapat kemajuan kerja sebenar harus berdasarkan kemajuan pembinaan fizikal, sistem senjata dan persediaan kapal untuk belayar.

ii. **YBrs. Encik Guna Arulalan David (Timbalan Ketua Sekretariat, JKSTUPKK) dalam prosiding Bil. 1 (c)/2020 bertarikh 1 Disember 2020** memaklumkan bahawa LCS ialah perolehan terbesar MINDEF dan sehingga Mei tahun 2019, Kerajaan telah pun membuat bayaran sebanyak RM5.94 bilion

untuk projek ini. Walau bagaimanapun, selepas sembilan (9) tahun kontrak ini berlangsung, masih belum ada satu buah kapal pun yang dapat dibekalkan. Sehingga 28 Oktober 2020, jumlah pembayaran yang dibuat ialah RM6.08 bilion.

Projek LCS merupakan salah satu projek di bawah *Navy Transformation Plan 15 to 5*. Bermaksud daripada 15 jenis kelas kapal yang diguna pakai oleh pihak TLDM, cadangan adalah untuk mengurangkan kelas tersebut kepada lima (5) jenis kelas sahaja dan *Navy Transformation* ini digubal pada tahun 2018 sebagai satu lanjutan daripada *Force Development Plan for Royal Malaysian Navy* yang dibuat sebelum itu. Di bawah *Navy Transformation*, LCS seharusnya ada dua belas (12) buah kapal. Walau bagaimanapun dalam kontrak ini, ia melibatkan sebanyak enam (6) buah kapal LCS sahaja.

Isu utama dalam projek ini adalah kelewatan pembekalan keenam-enam buah kapal LCS. Salah satu isu utama yang telah membawa kepada kelewatan adalah kegagalan kedua-dua pihak iaitu kementerian dan juga syarikat untuk memuktamadkan *variation proposal* yang dikemukakan. Seterusnya juga ada isu berkaitan dengan kedudukan kewangan syarikat BNS dan konsep projek yang *contractor centric* iaitu lebih menjurus kepada apa yang dicadangkan oleh pihak kontraktor dan bukannya berdasarkan kepada keperluan sebenar *end user*.


Sejarah Syarikat BNS

Sejarah syarikat BNS bermula dengan limbungan TLDM di Lumut yang diperbadankan dan dikenali sebagai Naval Dockyard Sdn. Bhd. (NDSB) pada tahun 1991. Seterusnya

pada 1995 diswastakan kepada konsortium yang diketuai oleh Penang Shipbuilding and Construction (PSC) dan dikenali sebagai PSC Naval Dockyard.

Pada tahun 2005 berlaku perubahan struktur ekuiti PSC dan NDSB di mana 58% dimiliki oleh Syarikat Boustead Berhad dan pada tahun 2006 PSC NDSB telah ditukar nama kepada Boustead Naval Shipyard. Kedudukan BNS dalam Boustead Holdings Berhad adalah seperti di rajah di bawah.

Kedudukan BNS Dalam Boustead Holdings Berhad



Sumber: JKSTUPKK – Pembentangan pada 1 Disember 2020

iii. **YBhg. Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [Pengarah Program LCS, Syarikat Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd] dalam prosiding Bil. 1 (h)/2020 bertarikh 11 Disember 2021** memaklumkan mengenai sejarah penubuhan syarikat BNS. Limbungan BNS pada asalnya dibangunkan dan dibina pada tahun 1984 bersama pembangunan pangkalan TLDM di Lumut dengan kos asal pembinaan RM650 juta dengan keluasan 42 hektar. Pada tahun 1991, limbungan ini telah

diperbadankan sebagai Naval Dockyard Sdn. Bhd. dengan jumlah pekerja seramai 724 orang. Empat (4) tahun kemudian pada tahun 1995, limbungan ini telah diswastakan sebagai PSC Naval Dockyard di mana bilangan pekerja telah bertambah tiga (3) kali ganda kepada 1,718 orang.

Dalam tempoh tersebut, kontrak pembinaan kapal telah dianugerahkan kepada syarikat iaitu pembinaan *new generation patrol vessel* oleh Kerajaan, di mana syarikat PSC Naval Dockyard telah mengalami masalah untuk melaksanakan kontrak pembinaan tersebut. Lanjutan daripada situasi tersebut, BNS telah diambil alih oleh Kumpulan Boustead Holdings Berhad dan ia dijenamakan semula sebagai Boustead Naval Shipyard pada tahun 2005. Penubuhan limbungan BNS ini pada dasarnya adalah untuk memberi perkhidmatan khusus kepada TLDM.

Perjanjian Penswastaan 1995

Pada tahun 1995, NDSB diswastakan kepada Konsortium yang diketuai oleh PSC yang telah membayar kepada Kerajaan sejumlah RM300 juta dalam bentuk pelaburan. Syarikat selepas itu dikenali sebagai PSC Naval Dockyard Sdn Bhd.

Sebagai timbal balas kepada obligasi Kerajaan maka syarikat diberi kontrak pembinaan kapal berjumlah 27 buah, dipanggil *patrol vessel,* dan juga beberapa obligasi lain seperti untuk keperluan penyelenggaraan ataupun senggaraan kapal secara berkala untuk kapal-kapal TLDM.

Lanjutan daripada obligasi Kerajaan dalam Perjanjian Penswastaan, kontrak pembinaan 12 *patrol vessel* telah

dianugerahkan kepada syarikat dalam bentuk enam (6) *New Generation Patrol Vessel* (NGPV) yang telah disiapkan dan enam (6) buah kapal LCS.

5. KETERANGAN AWAL SAKSI SEMASA PROSIDING

PAC mengadakan sembilan (9) sesi prosiding bagi mendapatkan keterangan dan penjelasan daripada semua pihak berkepentingan dalam perolehan LCS. Perkara yang dibincangkan adalah seperti berikut:

5.1. Perancangan Perolehan LCS

5.1.1. Kelemahan Perancangan Perolehan

A. Kelewatan Pembekalan Kapal

i. **YBhg. Tan Sri Ambrin bin Buang (Pengerusi, JKSTUPKK) dalam prosiding Bil. 1 (c)/2020 bertarikh 1 Disember 2020** memaklumkan bahawa JKSTUPKK mendapati projek ini mengalami beberapa masalah yang menyumbang kepada kelewatan penyerahan LCS1 oleh syarikat BNS seperti berikut:

a. Wujud ketidaksefahaman di antara TLDM dengan syarikat BNS yang berlarutan sepanjang tempoh kontrak pembekalan;

b. BNS mengalami masalah dengan syarikat Naval Group (sebelum ini dikenali sebagai DCNS) dalam pembangunan LCS; dan

c. BNS mengalami masalah kekangan kewangan yang amat serius.

JKSTUPKK berpendapat sekiranya masalah-masalah di atas tidak ditangani maka Kerajaan terpaksa menanggung peningkatan kos yang tidak terancang demi melaksanakan projek nasional ini.

ii. **YBrs. Encik Guna Arulalan David (Timbalan Ketua Sekretariat, JKSTUPKK) dalam prosiding Bil. 1 (c)/2020 bertarikh 1 Disember 2020** memaklumkan bahawa secara keseluruhannya, isu utama yang dikenal pasti dalam projek ini adalah kelewatan pembekalan LCS1 yang sepatutnya dibekalkan pada bulan April 2019 dan LCS2 pada bulan Februari 2020. Kelewatan bagi kedua-dua pembekalan ini telah memberi kesan kepada pembekalan LCS3 hingga LCS6.

Salah satu faktor yang membawa kepada kelewatan ialah kegagalan kedua-dua pihak iaitu MINDEF dan juga syarikat untuk memuktamadkan *variation proposal* yang dikemukakan. Kedua-dua pihak masih ada pertikaian atas isu bayaran denda lewat dan tempoh lanjutan masa untuk menyiapkan projek yang masih belum diselesaikan.

JKSTUPKK juga mendapati di awal projek ini sebelum ia dimulakan, EPU telah pun meminta pihak MINDEF untuk menangguhkan projek sekiranya projek ini memerlukan peruntukan melebihi apa yang telah pun ditetapkan oleh pihak EPU iaitu sebanyak RM9 bilion. Ini kerana pihak syarikat telah memohon lebih daripada RM10 bilion.

Pada masa yang sama, berikutan kelewatan yang dihadapi oleh pihak TLDM dalam projek Patrol Vessel yang juga dibina

oleh BNS, pihak TLDM juga telah memohon supaya kewibawaan BNS ini dikaji supaya masalah yang sama tidak dihadapi dalam projek LCS.

Selain itu, spesifikasi LCS TLDM juga telah berubah khususnya daripada segi spesifikasi berkaitan dengan dimensi peperangan yang mana ia berubah daripada tiga (3) dimensi kepada empat (4) dimensi dan ini juga telah mengakibatkan peningkatan kos.

B. *Detailed Design* Belum Dimuktamadkan

i. **YBrs. Encik Guna Arulalan David (Timbalan Ketua Sekretariat, JKSTUPKK) dalam prosiding Bil. 1 (c)/2020 bertarikh 1 Disember 2020** memaklumkan bahawa *detailed design* termasuk *production drawings* telah mengalami kelewatan sehingga 30 bulan untuk disiapkan. Sehingga kini, *detailed design* masih belum disiapkan kerana terdapat isu di antara *design authority* iaitu Naval Group dan BNS.

"Tuan Pengerusi: *Okey terima kasih. Tan Sri ada satu soalan daripada saya berkenaan dengan design itu. Kita tahu dalam core issue, dalam isu ini sekarang adalah design. Perbezaan pendapat antara Naval Group dan BNS ataupun tidak ada keputusan dibuat oleh TLDM dan sebagainya.*

Boleh tak kita dapatkan penjelasan yang lebih lanjut berkenaan dengan the actual reason. Sama ada ia adalah disebabkan ketiadaan keputusan daripada pihak MINDEF ataupun masalah disebabkan oleh perbezaan idea antara TLDM dengan BNS ataupun Naval Group ataupun

disebabkan BNS masih berhutang dengan Naval Group, mungkin sesetengah progress payment atau bagaimana?

Tan Sri Ambrin bin Buang: *...Boleh tambah tetapi pada pengamatan kita, what is glaring is pada keadaan biasa, sepatutnya kita sudah finalized the design before you sign the contract. You cannot sign the contract when you do not know what is the design. Itu yang menjadi masalah sehinggakan berpusing-pusing isu ini. Kemudian timbullah masalah dengan OEM. Encik Guna, you want to add?*

...

Encik Guna Arulalan David: *Yang Berhormat, in term of design, sebenarnya apabila berlaku beberapa perubahan kepada peralatan yang akan dipasang di atas kapal tersebut umpamanya surface-to-surface missile, integrated platform, management system, decoy launching system semua ini mengalami perubahan. Apabila ia mengalami perubahan according to syarikat, ia akan menjejaskan the critical path. When it affects the critical path, jadi memang akan ada kelewatan.*

Bagi pihak project team di pihak TLDM, mereka sanggup untuk berbincang berkenaan dengan perubahan ini untuk menyelesaikan masalah. Sekiranya pihak syarikat tidak menggunakan itu sebagai alasan untuk menuntut extension of time because that design delay is not by pihak project team. Design delay adalah daripada pihak syarikat. Apabila mereka juga mengalami masalah because of design authority is naval group daripada Perancis. Sehingga sekarang pihak BNS berhutang dengan pihak naval group

up to RM200 million, RM198 to be very precise, RM198 million. So, they need to start paying them.

So, end of the day, that process to finalize the design, is still subject to the design authority which is naval group. Kalau naval group tidak terlibat dalam memuktamadkan the design process, then it will delay the whole process. Jadi, di sini project team juga mengalami kekangan sebab pihak syarikat menuntut extension of time because once extension of time is given, maka pihak kementerian ataupun pihak kerajaan tidak dapat mengenakan sebarang denda ke atas pihak syarikat di atas kelewatan yang telah dialami.

Pada masa ini, pihak syarikat pula membuat pelbagai tuntutan yang mana kedudukan kewangan mereka juga terjejas disebabkan oleh bayaran hampir RM50 juta sebulan untuk extend the warranty of the parts yang telah pun dibeli dan berada dalam stok. Jadi, ini adalah isu-isu yang telah pun melambatkan the whole process. Pihak project team is ever ready to sit down to discuss and kami juga dimaklumkan naval group is also ready. Cuma pihak syarikat kena mulakan sedikit pembayaran. Bayaran berapa banyak itu is beyond us Yang Berhormat. Jadi, ini adalah antara isu-isu yang telah melambatkan the whole process."

[Muka surat 19 – 21, Laporan Prosiding Bil. 1(c)/2020 bertarikh 1 Disember 2020]

C. Reka Bentuk Kapal Dan *Combat Management System* (CMS) Ditentukan Oleh Kontraktor Bukan TLDM

i. **YBrs. Encik Guna Arulalan David (Timbalan Ketua Sekretariat, JKSTUPKK) dalam prosiding Bil. 1 (c)/2020 bertarikh 1 Disember 2020** memaklumkan bahawa pada

asalnya TLDM telah bersetuju dan mengehendaki reka bentuk SIGMA. SIGMA ialah LCS daripada negara Belanda yang pada asalnya telah pun dipersetujui oleh pihak pengurusan atasan MINDEF dan YB Menteri Pertahanan pada ketika itu. Akan tetapi, disebabkan oleh cadangan yang dikemukakan oleh pihak syarikat iaitu BNS maka reka bentuk tersebut telah ditukar kepada GOWIND iaitu daripada negara Perancis.

> ***"Tuan Pengerusi:*** *Boleh tak kami dapatkan bilakah SIGMA dicadangkan dan dipersetujui dan siapakah Menteri? Keadaan yang sama untuk GOWIND.*
>
> ***Encik Guna Arulalan David:*** *Ya. Pada 26 Mei 2011, kita dapati Yang Berhormat Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi bersetuju dengan cadangan TLDM untuk reka bentuk SIGMA dan Combat Management Systems yang berkaitan adalah daripada Palaise, Perancis. Akan tetapi pada tahun yang sama, iaitu pada 11 Julai 2011, Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi bersetuju pula untuk memilih reka bentuk GOWIND. Pada 26 September 2011, bersetuju untuk perubahan kepada Combat Management System daripada yang asalnya tactical ditukar kepada SETIS. Jenis SETIS dari Perancis juga atas syor syarikat BNS."*
>
> [Muka surat 6 – 7, Laporan Prosiding Bil. 1(c)/2020 bertarikh 1 Disember 2020]

Seterusnya **YBrs. Encik Guna Arulalan David** juga memaklumkan bahawa pihak TLDM tidak bersetuju dengan cadangan tersebut tetapi terpaksa menerima memandangkan keputusan dibuat oleh pihak pengurusan atasan MINDEF.

> ***"Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:*** *Encik Guna, cadangan perubahan daripada tactical kepada SETIS dipersetujui oleh Menteri, tetapi adakah TLDM bersetuju?*
>
> ***Encik Guna Arulalan David:*** *Sebenarnya TLDM tidak bersetuju dengan cadangan tersebut, malahan kita juga dapati ada surat daripada Panglima Tentera Laut pada masa itu yang menyatakan dengan jelas, I quote, "tidak pernah berlaku pemilihan reka bentuk yang ditentukan oleh kontraktor utama dan bukannya oleh pihak pengguna". Ini adalah ayat daripada surat yang dikemukakan oleh Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Abdul Aziz bin Jaafar pada masa itu."*
>
> [Muka surat 7, Laporan Prosiding Bil. 1(c)/2020 bertarikh 1 Disember 2020]

ii. **YBhg. Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat (Mantan Ketua Pengarah Pasukan Projek LCS TLDM) dalam prosiding Bil. 1 (d)/2020 bertarikh 16 Disember 2020** memaklumkan bahawa beliau adalah mantan ketua pengarah projek LCS yang pertama dan terlibat dalam fasa penilaian opsyen-opsyen reka bentuk dan juga pilihan yang dibuat oleh pihak pengguna. Pihak pengguna diwakili oleh Pasukan Projek. Pasukan Projek telah membuat penilaian dan membuat cadangan kepada MINDEF untuk reka bentuk SIGMA 10614 yang dipilih berdasarkan satu reka bentuk yang telah terbukti. Walau bagaimanapun cadangan tersebut telah ditolak dan MOF telah meluluskan reka bentuk GOWIND dari Perancis.

iii. **YBhg. Laksamana Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Jaafar [Mantan Panglima Tentera Laut] dalam prosiding Bil. 1 (e)/2020 bertarikh 29 Julai 2021** memaklumkan bahawa beliau mengambil alih jawatan Panglima Tentera Laut pada 1 April 2008 sehingga 17 November 2015 dan bertanggungjawab sepenuhnya dalam aspek perbincangan dan juga cadangan TLDM kepada MINDEF dengan perolehan kapal LCS.

Cadangan perolehan LCS telah dibangkitkan sejak tahun 2009. Surat Niat telah dikeluarkan oleh MINDEF pada awal tahun 2010 kepada BNS. Dari tempoh tersebut, TLDM telah berbincang dalam satu Jawatankuasa yang dipanggil sebagai Lembaga Pengurusan Keupayaan atau *Capability Management Board* (CMB) TLDM. Jawatankuasa ini diketuai oleh beliau sendiri dan dianggotai oleh Timbalan Panglima Tentera Laut, ketua-ketua jabatan, Panglima Armada serta beberapa orang ahli yang akan dipanggil mengikut keperluan perbincangan.

Beliau juga memaklumkan bahawa beliau telah mengemukakan sekurang-kurangnya 10 surat teguran, surat tidak puas hati, surat untuk memaklumkan pendirian TLDM kepada KSU, lima (5) surat kepada Yang Berhormat (YB) Menteri, satu (1) kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP), satu (1) surat kepada Ketua Setiausaha Negara (KSN) dan dua (2) kepada Yang Amat Berhormat (YAB) Perdana Menteri. Ini kerana beliau mendapati terdapat sesuatu yang luar biasa berlaku dalam proses perolehan tersebut di mana perolehan dilakukan oleh Kerajaan bagi pihak TLDM sebagai pengguna, tetapi kuasa sepenuhnya diberi kepada BNS. BNS telah mengeluarkan beberapa kenyataan atau pun surat

menyatakan bahawa semua pilihan TLDM adalah tertakluk pada evaluasi dan verifikasi BNS.

"Laksamana Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Jaafar [Mantan Panglima Tentera Laut]: *... Untuk makluman, saya telah majukan sekurang-kurangnya 10 surat teguran, surat tidak puas hati, surat untuk memaklumkan pendirian TLDM kepada KSU sebanyak 10 surat, kepada Yang Berhormat Menteri lima surat, kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan satu surat, kepada Ketua Setiausaha Negara satu surat, dan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dua surat. Jadi surat-suratnya telah pun di-archive. It was archived. We archived to ensure that it will be available for reference, and I would not be blamed for the failure to perform in my job as the Chief of Navy. Saya anticipated that, in fact, untuk makluman.*

Kerana daripada awal lagi saya telah menegur tatacara perolehan. Daripada awal lagi. Saya telah menegur tatacara perolehan, saya kata, "Something is gravely wrong". So, saya tidak mengeluarkan kenyataan-kenyataan ini di luar tapi ini adalah peluang terbaik saya untuk memaklumkan bahawa I have registered my greatest disappointment to everyone that was supposed to be listening to me.

Saya buat analogi bahawa keadaan ini adalah satu yang pelik kerana perolehan dilakukan oleh Kerajaan bagi pihak Tentera Laut Diraja Malaysia sebagai pengguna, tetapi kuasa sepenuhnya diberi kepada BNS. BNS telah mengeluarkan beberapa kenyataan atau pun surat menyatakan bahawa semua pilihan TLDM adalah

tertakluk pada evaluasi dan verification mereka. Evaluation dan verification mereka. Jadi, ini pelik. Kalaulah kita buat rumah, if I say I want that, you bloody well get it done. Betul atau tidak? The fact that it happened the other way around, jelas menunjukkan bahawa tidak telus. ...”

[Muka surat 17 – 19, Laporan Prosiding Bil. 1(e)/2020 bertarikh 27 Julai 2021]

Selain itu, beliau juga turut memaklumkan bahawa BNS telah menyatakan beberapa langkah untuk pemilihan-pemilihan peralatan bagi tujuan penjimatan. Bagaimanapun selepas verifikasi kos dilaksanakan, perkara tersebut didapati adalah tidak benar.

“***Laksamana Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Jaafar [Mantan Panglima Tentera Laut]:*** *... Kita, despite all the letters, despite seeing personal presentation to all those sama ada KSU, Yang Berhormat Menteri, KSN, KSP dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, we were fighting a losing battle. We were fighting a losing battle. Right from the start, it was not right already. Apabila Boustead diberi leeway untuk memilih peraturan-peraturan yang sesuai dengan mereka.*

Saya sebagai Panglima Tentera Laut dapat perhatikan. I do not put it on record. Barangkali ada some mengatakan bahawa– Saya berasakan bahawa dalam suatu keadaan, Boustead ini sudah angkuh, angkuh. It means very arrogant dan juga mereka seolah-olahnya being very well protected. Maknanya, I can write anything. The Chief of Navy can write anything but would not do any harm to

them. That is it. That to prove the point. I put it on record, it is there. [Merujuk kepada kepingan surat] I put and sent it to the KSU berkenaan surat.

Beberapa perkara yang di akhir sekali apabila mereka menyatakan beberapa langkah untuk pemilihan-pemilihan peralatan tersebut untuk ke arah penjimatan. It was proven wrong. Apabila kita buat cost verification, was proven wrong and I got it on the letter also. You can have a look. It is in there dan ia menyatakan bahawa apa yang diuar-uarkan, apa yang dihasratkan tidak tercapai.

Jelas memberikan gambaran bahawa kita tertipu. Sort of saying that we have been cheated. I did not say 'cheat' and I did not want to tell the Government that we have been cheated but sort of saying that there was sort of. So, that was something yang boleh mendukacitakan. If anybody were to be in my position, I say you must be ready. That is why apabila saya hampir bersara, apabila saya apa itu, ditawarkan untuk jawatan, saya refused. Ditawarkan jawatan untuk take over from Tan Sri Dato' Seri Ahmad Ramli bin Mohd Nor, I refused and I said no. I do not want to go and eat up with my– ini.

So, because saya tahu, they will not put it in the right, apa orang kata, not in the right frame ya. Right platform ataupun right foundation. They are not in the right foundation. Banyak perkara yang itu. Juga, saya sepanjang tempoh sebagai Panglima Tentera Laut, saya juga adalah lembaga mewakili LTAT dalam Boustead Naval Shipyard. Setiap kali perbincangan I will have a special session dengan Pengerusi and the group of MoD iaitu Yang Berbahagia Laksamana Madya Dato' Seri

Panglima Mohammed Noordin Ali dan juga Yang Berbahagia Datuk Seri Ahmad Ramli Bin Mohd Nor untuk memberi teguran TLDM and always I put it on record. Put on record.

These all the board of directors pun menunjukkan ketidaksetujuan TLDM dalam beberapa, beberapa– Ada satu contohnya. Apabila mereka membincangkan tentang pemilihan apa ini, pemilihan the design, GOWIND, as opposed to the recommendation by TLDM on SIGMA.

Jelas menggambarkan penipuan, manipulasi and I put it in the letter, it is recorded. I reported all those, tunjukkan apa yang kami perhatikan, the manipulation. But somehow rather, I was not powerful enough, maybe and they were too powerful, maybe. They were too powerful. So, apa yang kami lakukan ialah untuk menentukan bahawa sebarang peralatan yang dipilih adalah satu, value for money. Kedua, canggih, teknologi advanced. Ketiga, will benefit the– will enhance our capability. Keempat, kita akan memenuhi keperluan capability requirement Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sesuai dengan hasrat kita untuk menjadikan satu navy yang berkeupayaan tinggi."

[Muka surat 21 - 23, Laporan Prosiding Bil. 1(e)/2020 bertarikh 27 Julai 2021]

iv. **YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Mantan Menteri Pertahanan] dalam prosiding Bil. 1 (f)/2020 bertarikh 25 Oktober 2021** memaklumkan bahawa reka bentuk yang telah diubah daripada SIGMA kepada GOWIND adalah keputusan yang telah dicapai susulan dari

cadangan dan syor kontraktor pembinaan kapal LCS iaitu BNS dan Naval Group. Kedua-dua syarikat tersebut telah menjelaskan kelebihan reka bentuk GOWIND dan menunjukkan bahawa reka bentuk GOWIND adalah reka bentuk yang terbaik di dalam memenuhi keperluan dan penggunaan kapal-kapal LCS di Malaysia.

Selain itu, perubahan reka bentuk kapal LCS adalah tertakluk kepada pilihan kontraktor pembinaan kapal iaitu BNS dan Naval Group dan bukan atas pilihan dan keputusan Menteri Pertahanan ketika itu. Keputusan perubahan reka bentuk tidak akan dibuat sewenang-wenangnya tanpa cadangan dan syor daripada pasukan arkitek pembinaan LCS. Menteri Pertahanan dan KSU ketika itu tidak terlibat secara langsung dengan perubahan spesifikasi kapal LCS dan ia menjadi tanggungjawab sepenuhnya BNS dan Naval Group.

Penentuan reka bentuk tersebut adalah bergantung dan terletak dalam bidang kuasa kontraktor yang terlibat. Sebarang perubahan yang dilakukan adalah atas nasihat teknikal kedua-dua syarikat tersebut.

> *"**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Mantan Menteri Pertahanan]:** … Saya sebagai Menteri Pertahanan, tidak ada latar belakang teknikal terutamanya dari segi menentukan reka bentuk kapal itu. Ini kerana pertamanya, reka bentuk yang telah diubah sebagaimana Yang Berhormat sebut daripada SIGMA kepada GOWIND adalah keputusan yang telah dicapai susulan cadangan syor dan syor daripada kontraktor pembinaan kapal LCS iaitu Boustead Naval Shipyard sendiri dan juga French Naval Group yang memberikan khidmat nasihat kepada BNS. Menurut cadangan dan*

syor tersebut, kedua-dua BNS dan French Naval Group telah menjelaskan kelebihan reka bentuk GOWIND dan telah menunjukkan bahawa reka bentuk GOWIND adalah reka bentuk yang terbaik di dalam memenuhi keperluan dan penggunaan kapal-kapal LCS di Malaysia. Itu faktor pertama Yang Berhormat.

Faktor yang kedua, perubahan reka bentuk kapal LCS adalah tertakluk kepada pilihan kontraktor pembinaan kapal. Saya sebutkan tadi BNS dengan French Naval Group dan bukan atas pilihan dan keputusan Menteri Pertahanan ketika itu. Saya ada beberapa literature yang akan saya serahkan nanti untuk jadikan bahan rujukan sebelum kertas PAC ini dapat dikeluarkan ya, untuk membantu Yang Berhormat dan Ahli-ahli PAC untuk melihat duduk perkara yang sebenarnya.

Ketiganya, keputusan perubahan reka bentuk tidak akan dibuat sewenang-wenangnya tanpa cadangan syor daripada pasukan arkitek pembinaan LCS.

It was recommended by the naval architectural group. It was not by the Minister. Saya ingin menyebut perkara ini kerana apa yang telah dikemukakan pada MinDef ketika itu. Di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri juga turut terlibat di dalam mendengar cadangan-cadangan itu bersama-sama dengan KSU ketika itu dan TKSU Pembangunan serta SUB Pembangunan yang melihat bahawa cadangan itu datang daripada the end user. Iaitu daripada navy sendiri atas pandangan-pandangan yang dibuat oleh BNS dan France's Naval Group tadi.

Jadi, sebagai Menteri Pertahanan dan KSU sendiri ketika itu tidak terlibat secara langsung dengan perubahan spesifikasi kapal LCS dalam penyediaan blueprint kapal LCS ini. Ia menjadi tanggungjawab sepenuhnya BNS dan France's Naval Group. Jika Panglima Tentera Laut ketika itu mengatakan ini keputusan Menteri, saya ingin menyanggah bahawa Menteri tidak ada latar belakang architecture dalam naval dan kementerian sendiri tidak ada latar belakang termasuk Timbalan Menteri dan KSU serta TKSU. Jadi, perkara ini adalah perkara di bawah tanggungjawab pihak BNS dengan France's Naval Group tadi.

Tidak ada campur tangan daripada Menteri dalam penentuan reka bentuk. Ini kerana penentuan reka bentuk tersebut adalah semata-mata bergantung dan terletak dalam bidang kuasa kontraktor yang terlibat. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi iaitu BNS dan juga France's Naval Group. Sebarang perubahan yang dilakukan itu adalah atas nasihat teknikal BNS dan the France's Naval Group itu. Tidak kena mengena dengan pihak kementerian sendiri dan pihak Menteri. Kita bersetuju mengikut cadangan itu kerana end user tahu apakah reka bentuk yang perlu untuk perairan Malaysia iaitu SIGMA ataupun GOWIND."

[Muka surat 8 - 9, Laporan Prosiding Bil. 1(f)/2020 bertarikh 25 Oktober 2021]

PAC membangkitkan isu yang mana pada 26 Mei 2011, YB Menteri telah bersependapat dengan TLDM selaku *end user* untuk memilih reka bentuk SIGMA. Namun, setelah BNS mengemukakan syor pada 8 Julai 2011, YB Menteri telah

pun membuat keputusan pada 11 Julai 2011 untuk memilih reka bentuk GOWIND seperti yang dicadangkan oleh BNS.

PAC seterusnya mendapati terdapat percanggahan keterangan oleh **YB. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi** yang mana beliau turut memaklumkan bahawa penukaran reka bentuk kapal dari SIGMA kepada GOWIND haruslah dipertanggungjawabkan oleh *end user* dan bukan Menteri.

> *"**Tuan Pengerusi**: Yang Berhormat Dato' Seri, may I pause you here. Persoalan saya di sini adalah apabila Yang Berhormat Dato' Seri menyatakan bahawa pemilihan untuk reka bentuk Gowind ini adalah atas cadangan— setelah perbincangan telah pun dibuat antara BNS dengan France's Naval Group dan juga dipersetujui oleh end user.*
>
> *Namun dalam seperti yang dinyatakan dalam laporan siasatan oleh Tan Sri Ambrin Buang dan juga daripada keterangan-keterangan saksi yang hadir di hadapan PAC ini sebelum ini, memang pendirian end user adalah berlainan iaitu pendirian end user adalah lebih kepada Sigma. Mungkin saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Seri di sini adalah apabila kita memerhatikan timeline pada 26 Mei 2011, sememangnya Yang Berhormat Dato' Seri selaku Yang Berhormat Menteri Pertahanan bersependapat dengan TLDM selaku end user untuk memilih reka bentuk Sigma dari Belanda semasa taklimat TLDM. Akan tetapi, pada 11 Julai iaitu kurang daripada dua bulan selepas itu, setelah pihak KEMENTAH telah bersetuju dengan syor BNS dalam memilih reka bentuk Gowind dari DCNS. So, itu dan di*

sini ada satu persetujuan daripada Yang Berhormat Menteri Pertahanan dalam surat kepada BNS pada 11 Julai 2011.

So, there is a change of decision. Ada satu perubahan daripada segi keputusan yang mana satu reka bentuk kena dibuat. So, mungkin saya minta penjelasan lanjut daripada Yang Berhormat Dato' Seri.

***Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi**: Okey Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya tidak tahu detil perubahan itu sebab kita membuat keputusan di peringkat kementerian berdasarkan kepada keperluan end user. Oleh sebab, kita bukan orang teknikal. Apatah lagi, kita bukan ada latar belakang naval architecture dalam perkara ini. Jadi, sebagai Menteri yang bertanggungjawab kita membuat keputusan berdasarkan pilihan yang terbaik oleh end user.*

Tentunya, clash of personalities saya tidak perlu bincangkan di dalam PAC ini. Clash of personalities di dalam TLDM itu sendiri. Saya tidak perlu perbincangkan kerana tidak profesional kalau saya bincangkan di sini. Akan tetapi, meletakkan bahawa Yang Berhormat Menteri menghantar surat pada 11 Julai pada tahun itu kerana menukar reka bentuk daripada the Dutch design pada 26 Mei adalah sesuatu yang harus diletakkan tanggungjawabnya pada end user. It was not us. Because we do not know anything about the details of the architectural design.

***Puan Wong Shu Qi [Kluang]**: Tuan Pengerusi.*

***Tuan Pengerusi**: Sebelum saya menjemput Yang Berhormat Kluang. Yang Berhormat Dato' Seri so maksudnya sekiranya ada percanggahan pendapat dari end user dengan kontraktor yang terlibat. Apakah pendirian yang akan diambil oleh KEMENTAH?*

***Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi**: Kita mempunyai pendirian bahawa end user lebih mengetahui apakah spesifikasi yang bersesuaian dengan perairan Malaysia. Di dalam perkara ini kerana kontraktor mungkin boleh hanya memberi cadangan tetapi end user yang akan mengendalikan fleet pada LCS ini adalah lebih layak untuk memberikan pendapat dan pandangan mereka.*

[Muka surat 10, Laporan Prosiding Bil. 1(f)/2020 bertarikh 25 Oktober 2021]

...

***Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Ya saya dimaklumkan oleh Yang Berhormat Chairman bahawa antara 26 Mei hingga 11 Julai. Di situ ada jeda waktu selama enam minggu perubahan keputusan untuk reka bentuk itu adalah berdasarkan kepada keperluan ketika itu sebab Menteri sendiri membuat keputusan berdasarkan kepada nasihat teknikal ketika itu. Sama ada daripada Belanda ataupun daripada Perancis, kita tidak kisah. Ini adalah sebab keutamaan kementerian ketika itu adalah kepada end user. Bukan mengikut kepentingan kontraktor. Tidak begitu. Jadi kalau ada sebarang dokumen surat dan sebagainya ialah ia berdasarkan kepada recommendations daripada pihak end user.*

Saya sebutkan tadi sebelum Yang Berhormat masuk ada clash of personalities di dalam TLDM ketika itu. Saya tidak mahu sebutkan namanya dan tidak mahu sebutkan latar belakangnya. Jadi mungkin dalam keadaan itu ia menyebabkan end user mahukan perubahan reka bentuk itu. Menteri atas nasihat membuat keputusan berdasarkan kepada keperluan end user. Bukan ada sebarang kepentingan kepada mana-mana pihak sebab BNS sendiri adalah anak syarikat LTAT. Jadi sebarang keuntungan atau kerugian akan melibatkan kepada pencarum-pencarum LTAT. Jadi itu keutamaan kami. Kami konsisten. Siapa juga menjadi KSU, siapa juga menjadi Menteri Pertahanan kita memang berpegang kepada keperluan daripada end user.

***Tuan Pengerusi**: Okey, Yang Berhormat Permatang Pauh ada soalan follow up selepas itu saya jemput Yang Berhormat Lumut dan Yang Berhormat Kluang.*

***Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Terima kasih Chairman, terima kasih Dato' Seri. Maksudnya daripada apa yang disebut surat BNS itu juga mewakili end user? Adakah ini mungkin yang mahu disebut oleh Dato' Seri dan kerana ada isu-isu dalaman yang menyebabkan end user itu tidak satu hati ataupun tidak sekata dalam permohonan mereka. Ini adalah kerana daripada sini saya nampak mungkin daripada luaran ada satu end user iaitu pihak TLDM, dan keduanya adalah kontraktor iaitu pihak BNS. Jadi, mungkin Dato' Seri boleh jelaskan that means there were some internal voices yang juga diwakili oleh BNS dalam surat kepada Menteri Pertahanan dan juga Perdana Menteri.*

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: *Untuk maklumat Ahli-ahli PAC, Pengerusi Eksekutif BNS adalah juga bekas Panglima Tentera Laut. Dia sangat mengetahui tentang keperluan kepada end user. Jadi di dalam hal ini, pada hemat saya, Pengerusi ketika itu yang mempunyai latar belakang yang terlalu luas di dalam bidang kelautan dan keperluan perairan di sini, setelah mendapat pandangan daripada end user tentunya mencadangkan supaya perubahan reka bentuk itu dibuat. Jadi, saya ingin ulang sekali lagi bahawa pihak kementerian, Menteri, KSU dan lain-lain mengikut apa yang telah dicadangkan oleh pihak end user.*

[Muka surat 13-14, Laporan Prosiding Bil. 1(f)/2020 bertarikh 25 Oktober 2021]

v. **YBrs. Datuk Dr. Mohd Tap bin Salleh [Ahli, JKUSTUPKK] dalam prosiding Bil. 1 (c)/2020 bertarikh 1 Disember 2020** menyatakan projek LCS adalah *contractor driven* dan pandangan *end user* tidak diambil serius.

"Datuk Dr. Mohd Tap bin Salleh*: The first one is basically is the contractor driven in the sense that the end user was never taken very seriously in terms of their needs. Sebab itu kita nampak misalannya the change from SIGMA to GOWIND itu was done within a few days and the negotiation of the pricing was also done within the few days, which is not possible. Unless there are hidden hands involved in this. I think the biggest issue that JKS have faced all this while is basically the end user in the military especially was never very high in the agenda. Misalannya kita ini eight by eight dan sebagainya is basically become a second issue. Dia hendak kontrak ini*

to be done. Akan tetapi opinion mereka and also their needs were not 100 percent being taken care of. Itu satu."

[Muka surat 39, Laporan Prosiding Bil. 1(c)/2020 bertarikh 1 Disember 2020]

D. Pandangan TLDM Tidak Diambil Kira

YBrs. Encik Guna Arulalan David (Timbalan Ketua Sekretariat, JKSTUPKK) dalam prosiding Bil. 1 (c)/2020 bertarikh 1 Disember 2020 memaklumkan bahawa pandangan TLDM tidak diambil kira seperti yang ditunjukkan di **Jadual 2**.

Jadual 2
Bukti Pandangan TLDM Tidak Diambil Kira

BIL	Pilihan TLDM	Pilihan Syarikat BNS
	Reka bentuk SIGMA	**Reka bentuk GOWIND**
1.	Tiada syarat pakej CMS dari pengeluar yang sama	Syarat CMS SETIS dari DCNS, pengeluar sama dari Perancis
2.	*Proven design* diguna Tentera Laut Indonesia & dalam pembinaan untuk Tentera Laut Maghribi	• Tahap konsep • Hanya *Offshore Patrol Vessel*
3.	*Proven track record*	DCNS tawar pakej menubuhkan usaha sama bidang *design dan engineering* serta *transfer of technology*
	Combat Mgt System (CMS)TACTICOS	**CMS SETIS**
1.	• Konsep teknologi *computer architecture* dan *processor* terkini dalam pasaran. • Tidak mengalami isu *obsolescence*.	• Teknologi *server* akan obsolete dalam 5 - 10 tahun. • Ciri-ciri *open architecture* & ditambah dengan server untuk tujuan *redundancy*.
2.	Rekod integrasi seragam dengan 10 dari 11 peralatan pilihan TLDM	• Masih dalam pembangunan ke atas French Navy dan Tentera Laut Maghribi. • Boleh integrasi hanya satu peralatan pilihan TLDM
3.	Kos lebih rendah termasuk integrasi & *currency hedging (RM349.45 juta)*	Kos lebih tinggi termasuk integrasi & tanpa *currency hedging (RM479.4 juta)*

Sumber : JKSTUPKK – Pembentangan pada 1 Disember 2020

*"**Encik Guna Arulalan David**: Tuan Pengerusi, I think we have already discuss this and I will move on to the next one, this is a perubahan reka bentuk. Ini adalah buktinya yang menunjukkan pandangan TLDM tidak diambil kira. That is the difference between reka bentuk SIGMA dan juga reka bentuk GOWIND. I can just highlight one of few things dekat sini misal kata untuk item pertama CMS untuk reka bentuk SIGMA, Combat Management System (CMS) tidak semestinya*

daripada pengeluar yang sama berbanding dengan reka bentuk GOWIND, ia perlu menggunakan Combat Management System daripada pengeluar yang sama iaitu daripada DCNS. For your information, DCNS is the company that did the Scorpion project, submarine. GOWIND is more of an offshore Patrol Vessel, not a littoral combat ship. Akan tetapi SIGMA adalah satu design yang proven, yang telah pun digunakan oleh Tentera Laut Indonesia dan dalam pembinaan untuk Tentera Laut Maghribi. Kita juga lihat dari segi kos juga, termasuk integrasi dan dengan membuat currency hedging di mana pihak TACTICOS bersetuju untuk membuat currency hedging dan kos yang terlibat adalah dalam RM349.45 million berbanding dengan kos yang lebih tinggi for integration of the peralatan dan juga pihak syarikat GOWIND tidak bersetuju untuk currency hedging. Jadi, pada masa kita selesaikan siasatan itu kos ini telah meningkat kepada RM479 juta. So, there is significant difference in terms of the system price for the system yang digunakan.

***Tuan Pengerusi**: Encik Guna, sedikit pencerahan. Reka bentuk GOWIND ini dikatakan masih dalam tahap konsep dan hanya offshore Patrol Vessel. So, that means they do not have proven record for the combat ship.*

***Encik Guna Arulalan David**: At the point of appointing – at the point of agreeing to GOWIND lah Tuan Pengerusi.*

***Tuan Pengerusi**: At that particular point lah but the reka bentuk, whatever that we are building LCS now is a combat ship, right? Although it is using GOWIND. It's still a combat ship right? It is not a Patrol Vessel?*

***Encik Guna Arulalan David**: Ya, it is still a combat ship. They made sudden changes. In fact it slightly larger, bigger than the original PV.*

***Tan Sri Ambrin bin Buang**: Tuan Pengerusi, kita panggil 'GOWIND P', GOWIND prototype.*

***Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli**: So, my question Tuan Pengerusi, Tan Sri, at the point of making this summary, surely you did mention this to either BNS or MinDef or TLDM. What make them still insist on the GOWIND prototype rather than a proven...*

***Tan Sri Ambrin bin Buang**: Well, the government has decided to go for GOWIND. So, whether they like it or not the Navy has to follow lah because there is already a contract. You cannot break the contract just like that. Siapa hendak bayar kalau dia minta compensation semua itu?*

***Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli**: [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

***Seorang Ahli**: [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

***Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli**: At the point of year 2012 before the contract was sign tetapi benda ini maybe di JKS baru discover lah ya. At the point of time they was very impress with the prototype lah.*

***Tan Sri Ambrin bin Buang**: [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara] ...Discover yang GOWIND yang dia hendak*

pakai ini is a prototype and this goes also with the general practice in MINDEF, everything must be prototype.

[Muka surat 23-24, Laporan Prosiding Bil. 1(f)/2020 bertarikh 25 Oktober 2021]

E. *Due Diligence* Tidak Dilaksanakan

(i) Keupayaan Kewangan BNS Yang Terhad – Pembayaran Pendahuluan Di Luar Kebiasaan Oleh Kerajaan

YBrs. Encik Guna Arulalan David (Timbalan Ketua Sekretariat, JKSTUPKK) dalam prosiding Bil. 1 (c)/2020 bertarikh 1 Disember 2020 memaklumkan bahawa Kerajaan telah pun bersetuju untuk membuat pembayaran pendahuluan bagi projek LCS di luar kebiasaan (*beyond norm*).

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan hanya 25% ataupun RM10 juta mengikut mana yang lebih rendah, boleh dibayar sebagai wang pendahuluan.

(**Nota PAC**: Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, Perkara 55.1 (a) menetapkan bagi pembuat atau pembekal tempatan, bayaran pendahuluan boleh diberi sehingga 25% daripada nilai kontrak atau maksimum RM10 juta mengikut mana yang lebih rendah.)

Bagaimanapun, oleh sebab syarikat BNS mengalami kekangan kewangan maka Kerajaan telah meluluskan untuk membuat pembayaran pendahuluan sehingga RM1.36 bilion. Bagi tujuan pembayaran pendahuluan ini pindaan sebanyak dua kali telah pun dibuat ke atas surat setuju

terima. Perkara ini juga merupakan salah satu punca kelewatan dalam menandatangani kontrak.

> *"**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]**: Pembayaran yang disebut sebagai beyond the norm, tidak mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 itu, adakah tidak bertentangan dengan mana-mana tatacara kewangan?*
>
> ***Encik Guna Arulalan David**: Sebenarnya about Pekeliling Perbendaharaan (PP) adalah ditentukan oleh Kementerian Kewangan dan sebarang pengecualian hanya boleh diberikan oleh Kementerian Kewangan. Di sini kalau ikut peraturan, Kementerian Kewangan telah pun memberikan pengecualian.*
>
> [Muka surat 25, Laporan Prosiding Bil. 1(f)/2020 bertarikh 25 Oktober 2021]

(ii) Kedudukan Kewangan BNS Yang Lemah

YBrs. Encik Guna Arulalan David (Timbalan Ketua Sekretariat, JKSTUPKK) dalam prosiding Bil. 1 (c)/2020 bertarikh 1 Disember 2020 memaklumkan kedudukan kewangan BNS adalah lemah di mana syarikat telah mengalami kerugian pada tahun 2015, 2016 dan 2018. Kerugian terkumpul telah meningkat sehingga RM462 juta. Hutang projek LCS pada masa itu adalah sebanyak RM733 juta dan hutang-hutang lain mencecah lebih daripada RM60 juta. Sehingga kini sebanyak 23 *Original Equipment Manufacturer* (OEM) telah pun memberhentikan kerja.

Manakala pinjaman BNS daripada institusi kewangan jangka masa panjang dan jangka pendek telah mencecah hampir RM1 bilion. Kedudukan kewangan BNS yang amat lemah telah menjejaskan kemajuan kerja bagi pembinaan kapal LCS.

YBrs. Tan Sri Dr. Abdul Samad bin Alias (Ahli, JKSTUPKK) dalam prosiding Bil. 1 (c)/2020 bertarikh 1 Disember 2020 memaklumkan kedudukan kewangan BNS adalah begitu lemah dan nisbah kewangan tidak mencapai nisbah yang dikehendaki. Keseluruhan operasi tidak menjana keuntungan dan hanya bergantung kepada wang pendahuluan dan juga bayaran oleh Kerajaan sahaja. Walaupun BNS mempunyai *business line* yang lain tetapi tidak dapat menjana keuntungan dalaman yang boleh menampung "lubang" yang besar.

PAC juga dimaklumkan bahawa syarikat BNS telah membeli *parts* sebelum sampai ke tahap kemajuan pembinaan.

> *"**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli**: Juga, my own conclusion ya. Kalau betul yang disebutkan tadi itu, the company has been procuring spare parts ahead of the proper stages sampai boleh expire benda-benda macam itu. In ship building, I do not know. Is this a normal practice or is this miscalculation or purposely done by people you know who want to go one up?*
>
> ***Datuk Dr. Mohd Tap bin Salleh**: Actually we don't know but one information Yang Berhormat , they bought tv's for all the ships even though the ships that has not been started.*

***Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli**: TV apa itu?*

***Datuk Dr. Mohd Tap bin Salleh**: Television.*

***Seorang Ahli**: [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara] Television?*

***Datuk Dr. Mohd Tap bin Salleh**: Probably untuk mereka tengok kah, I do not know.*

***Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli**: Must be - bukan smart tv?*

***Datuk Dr. Mohd Tap bin Salleh**: No, no. Just, just to show you or to demonstrate to you, how crazy it was. They just buy because the money is there or the contract was there. This is because as Tuan Pengerusi says earlier that the contract was designed in such a way that any activity is considered a progress. So, we have to pay. Activity means you buy anything or you move something, you have to pay.*

***Tan Sri Ambrin bin Buang**: I think the point to note is that a lot of money has been spend on buying the spare parts when they are not ready.*

***Beberapa Ahli**: [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara] Parts.*

***Tan Sri Dr. Abdul Samad bin Alias**: Parts, parts. Not spare parts.*

***Tan Sri Ambrin bin Buang**: I meant parts [Ketawa] When the...*

***Tan Sri Dr. Abdul Samad bin Alias**: When the ship is not even ready.*

***Tan Sri Ambrin bin Buang**: When the ship is not ready. Okay. [Ketawa] Sorry though. So, maknanya banyak duit sudah disalurkan untuk bayar parts itu tadi.*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

***Tuan Pengerusi**: Okey.*

***Tan Sri Ambrin bin Buang**: I think they're in the position to know when exactly they should be paying? When exactly they should make the purchase? So, if ada elemen-elemen yang tidak sihat, beli dulu you know, dalam keadaan apa sekalipun dan dapatkan duit itu cepat-cepat. That is a different story-lah.*

[Muka surat 28-29, Laporan Prosiding Bil. 1(f)/2020 bertarikh 25 Oktober 2021]

Dalam lawatan kerja PAC ke limbungan kapal BNS pada 11 Disember 2021, PAC telah ditunjukkan stor penyimpanan inventori peralatan dan kelengkapan milik kapal LCS yang telah disimpan.

Sebahagian daripada stor berkenaan dilengkapi dengan sistem penyaman udara bagi memastikan kelengkapan berkenaan sentiasa berada dalam keadaan baik.

5.2. Kelemahan Proses Perolehan LCS

5.2.1 Rundingan Harga Yang Berlarutan Dan Peningkatan Kos *Integrated Logistic Support* (ILS)

YBrs. Encik Guna Arulalan David (Timbalan Ketua Sekretariat, JKSTUPKK) dalam prosiding Bil. 1 (c)/2020 bertarikh 1 Disember 2020 memaklumkan bahawa proses rundingan harga berlarutan untuk dimuktamadkan kerana kesukaran mendapat persetujuan bersama antara MINDEF dan BNS. Dalam beberapa siri rundingan harga berdasarkan kepada keputusan EPU untuk mengekalkan peruntukan siling sebanyak RM9 bilion, beberapa skop asal kontrak telah pun dikeluarkan termasuk sistem *Integrated Logistic Support* (ILS) yang bernilai RM121 juta telah dikeluarkan daripada skop asal.

Bagaimanapun apabila kontrak lain ditandatangani untuk ILS tersebut, harganya telah mencecah sehingga RM600 juta. Oleh yang demikian harga kontrak keseluruhannya telah meningkat daripada RM9.128 bilion kepada RM9.728 bilion.

Tambahan RM600 juta tersebut telah menggunakan perbelanjaan mengurus di bawah MINDEF dan bukan dikawal oleh EPU.

> *"**Tuan Pengerusi**: Ya Mr. Guna, I read from the report there is an extra RM600 million and I really cannot understand bagaimana RM600 juta ini masuk dalam kontrak ataupun it is a separate on top of the contract dan kepada siapa RM600 juta ini dibayar?*

***Encik Guna Arulalan David**: We do not have that details Yang Berhormat. Akan tetapi pecahan RM600 juta ini adalah apa yang kita dapati daripada team project.*

***Tuan Pengerusi**: Dapati daripada mana? [Disampuk] Team project?*

***Encik Guna Arulalan David**: Team project, yes.*

***Tuan Pengerusi:** So, who is supposed to pay this RM600 million? The government...*

***Encik Guna Arulalan David:** Kerajaan.*

***Tuan Pengerusi:** Kerajaan. Bayar kepada siapa?*

***Encik Guna Arulalan David:** Kepada syarikat yang mendapat kontrak itu.*

***Tuan Pengerusi:** BNS? Is it BNS?*

***Seorang Ahli:** Yes.*

***Tuan Pengerusi:** Or a lot other company.*

***Encik Guna Arulalan David:** BNS Tuan Pengerusi.*

***Tuan Pengerusi:** BNS.*

***Encik Guna Arulalan David:** Ya.*

***Tuan Pengerusi:** So, this is just something like a variation order. Not so sure?*

Encik Guna Arulalan David: *No. This is a new contract because the original scope was removed from the original contract in the - during the negotiation and then a separate contract was entered into...*

Tuan Pengerusi: *So, that means this scope was actually in the contract...*

Puan Phan Yng Yih [Timbalan Sekretariat]: *Original.*

Encik Guna Arulalan David: *Original.*

Tuan Pengerusi: *Original contract but not signed right?*

Encik Guna Arulalan David: *Not signed, yes.*

Tuan Pengerusi: *Not signed. So, it was removed, but eventually found out that they actually need this, they enter another contract for this RM600 million.*

Encik Guna Arulalan David: *RM600 million, yes.*

Tuan Pengerusi*: I think that is ridiculous."*

[Muka surat 32 – 33, Laporan Prosiding Bil. 1(c)/2020 bertarikh 1 Disember 2020]

...

"***Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli****: Very nice job. Akan tetapi somebody is still sore, so buat another tambahan kontrak, tambah balik RM600 million. Dia tidak dapat the*

RM93 million sahajalah. So, ertinya macam I do not know, especially ILS itu. If we held on to the original contract itu, its just RM121 million plus other things. Akan tetapi nampaknya they won-lah."

[Muka surat 34, Laporan Prosiding Bil. 1(c)/2020 bertarikh 1 Disember 2020]

5.3. Pengurusan Kontrak Perolehan LCS

i. **YBrs. Encik Guna Arulalan David (Timbalan Ketua Sekretariat, JKSTUPKK) dalam prosiding Bil. 1 (c)/2020 bertarikh 1 Disember 2020** memaklumkan bahawa kontrak LCS mendapat kelulusan daripada MOF pada 23 Mac 2011. Bagaimanapun kontrak tersebut hanya ditandatangani pada 17 Julai 2014 dan kelewatan ini adalah disebabkan oleh beberapa siri rundingan yang telah diadakan serta beberapa pindaan kepada surat setuju terima asal yang dikeluarkan. Pindaan-pindaan tersebut adalah untuk memudah cara pembayaran wang pendahuluan kepada syarikat BNS.

A. Pertukaran Peralatan berlarutan Dan Tidak Dimuktamadkan

Isu Pertukaran peralatan yang berlarutan dan tidak dapat dimuktamadkan khususnya berkaitan dengan *Decoy Launching System* (DLS) dan *Integrated Platform Management System* (IPMS) adalah kerana pertukaran ini akan membawa kepada implikasi kewangan dan kelewatan serahan kapal. Setiap kali persetujuan terhadap perubahan ataupun pertukaran peralatan berlaku, syarikat akan menuntut untuk melewatkan serahan kapal.

Selain itu, BNS juga telah membuat tuntutan yang tidak munasabah. Misalnya, tuntutan ke atas *Surface To Surface Missile* (SSM) yang berjumlah RM38 juta adalah tidak wajar kerana pertukaran tersebut telah pun dipersetujui secara bersama tanpa sebarang kos melalui kontrak yang telah ditandatangani. Namun, syarikat tetap mengemukakan tuntutannya dan kesemua isu ini membawa kepada kelewatan proses Projek LCS.

B. Peningkatan Kos Projek Akan Berlaku Disebabkan Kelewatan

Syarikat BNS telah mengemukakan tuntutan seperti di **Jadual 3**. Sekiranya pihak Kerajaan bersetuju ke atas tuntutan yang dikemukakan, maka akan berlaku peningkatan kos projek secara keseluruhan. Jumlah kos boleh mencecah sehingga RM11.14 bilion untuk menyiapkan sebanyak enam (6) buah LCS.

Jadual 3
Peningkatan Kos Projek

BIL.	PERIHAL	KOS DITUNTUT OLEH BNS (RM JUTA)	KOS (RM JUTA)
1.	Had bumbung perolehan diluluskan oleh UPE	-	9,000.00
2.	Kos faedah pinjaman diluluskan MOF (Jadual 35 laporan)	-	128.60
3.	Perolehan *Integrated Logistic Support & Trial Aids* diluluskan MOF	-	600.00
4.	**Syarikat BNS tuntut tambahan kos (kos belum muktamad)** Kos Langsung Untuk Perubahan Peralatan *i. Surface to Surface Missile (SSM)* *ii. Integrated Platform Management System (IPMS)* *iii. Decoy Launching System (DLS)* Kos Tidak Langsung - pelanjutan tempoh antaranya kerja *Basic Design, Design Authority,* waranti, kos kewangan dan waranti	 38.00 13.28 7.13 1,358.03	 1,416.44
KOS PROJEK			**11,145.04**

Sumber : JKSTUPKK – Pembentang Pada 1 Disember 2020

*"**Encik Guna Arulalan David:** ...Sebenarnya Decoy Launching System ini yang jadi isu, Decoy Launching System yang asal ditawarkan telah pun kehabisan ammunition. Kalau DLS itu yang dipasang, yang itu tidak boleh digunakan because the ammunition is no more in production.*

Jadi, dia kena tukar juga. Apabila ditukar jadi ada peningkatan kos sebanyak RM7.13 millions and then the whole thing menjadikan kos tidak langsung yang melibatkan basic design sebab ia akan mengubah design and then warranty, design authority dan kos kewangan yang lain sehingga RM1.3 millions. Jadi, pada masa itu jumlah kos secara keseluruhan boleh mencecah sehingga RM11.14 bilion untuk menyiapkan sebanyak enam buah LCS."

[Muka surat 36, Laporan Prosiding Bil. 1(c)/2020 bertarikh 1 Disember 2020]

Impak kos (jumlah tuntutan tambahan) oleh BNS didapati adalah tidak munasabah seperti di **Jadual 4**. Sekiranya tiada rundingan dan perbincangan, Kerajaan berkemungkinan terpaksa menanggung tuntutan yang tidak munasabah tersebut. Kos telah menurun sebanyak 90.27% untuk IPMS dan 95.93% untuk DLS setelah rundingan dijalankan oleh Pasukan Projek.

Jadual 4
Impak Kos Oleh BNS Didapati Tidak Munasabah

TARIKH *VARIATION PROPOSAL*	IPMS (RM JUTA)	DLS (RM JUTA)	*IMPLEMENTATION SCHEDULE* (RM JUTA)
17.08.2018 (a)	136.45	174.98	-
09.11.2018	-	56.82	
20.12.2018	*"To be discussed and determined later"*	*"To be discussed and determined later"*	-
17.05.2019	13.28	7.13	1,375.77 (*worst case*) 693.57 (*optimistic case*)
16.07.2019 (b)	13.28	7.13	1,416.44
Perbezaan	(turun) 90.27%*	(turun) 95.93%*	

Nota * : (a-b)/a
Sumber : JKSTUPKK – Pembentangan pada 1 Disember 2020

*"**Encik Guna Arulalan David:** ... This is another example of pecahan-pecahan, yang kita hendak highlight di sini Yang Berhormat adalah perubahan yang ketara daripada apa yang ditawarkan oleh pihak syarikat dan setelah dibuat rundingan boleh dikurangkan daripada RM136 juta untuk IPMS dikurangkan terus kepada RM13.28 juta. Ini yang kita katakan tidak realistik atau tidak munasabah harga yang ditetapkan.*

Sekiranya tiada rundingan, tiada perbincangan dengan pihak project team dan pihak project team tidak tegas, kerajaan kemungkinan telah bersetuju RM136 juta tetapi disebabkan oleh pihak project team, harga itu boleh dikurangkan. So, ini yang kita cuma hendak highlight the differences Yang Berhormat..."

[Muka surat 36 – 37, Laporan Prosiding Bil. 1(c)/2020 bertarikh 1 Disember 2020]

C. **YBhg. Dato' Sri Muez Bin Abdul Aziz (KSU MINDEF) dalam prosiding Bil. 1(b)/2020 bertarikh 18 November 2020** memaklumkan bahawa terdapat dua isu yang telah dikenal pasti oleh JAN dalam LKAN Tahun 2019 iaitu:

a. LAD sejumlah RM116.54 juta tidak dikenakan terhadap syarikat atas kelewatan penyerahan kapal LCS1 selama 245 hari daripada tarikh sepatutnya diserahkan iaitu pada bulan April 2019.

b. Bayaran kemajuan yang dibuat terhadap kapal LCS1 adalah melebihi kemajuan kerja sebenar sebanyak 21.1%.

Kaedah perolehan adalah secara rundingan terus bagi enam (6) LCS dengan BNS. Reka bentuk kapal adalah berasaskan *GOWIND Variants* daripada Naval Group iaitu sebuah syarikat dari Perancis.

Kos perolehan ialah RM9.128 bilion dan kontrak telah ditandatangani pada 17 Julai 2014 bagi tempoh 10 tahun iaitu bermula pada 3 Oktober 2013 sehingga 2 Oktober 2023. Terdapat empat (4) *Supplementary Agreement* (SA) yang dibuat selepas kontrak utama ditandatangani pada tahun 2014 seperti di **Jadual 5**.

Jadual 5
Senarai *Supplementary Agreement (SA) Yang Telah Ditandatangani*

Bil.	*Supplementary Agreement (SA)*	Tarikh Kontrak	Pindaan
1.	*First*	27 Mac 2015	• *Financial interest* RM128.6 juta • Penstrukturan semula Jadual Pembayaran • *Dual Currency* (RM dan *EURO*)
2.	*Second*	14 September 2015	Penstrukturan semula Jadual Pembayaran
3.	*Third*	30 November 2016	Penstrukturan semula Jadual Pembayaran
4.	*Fourth*	24 November 2017	• Penukaran SSM • Penukaran jenama model *Surface to Surface Missile* dari MBDA kepada *Kongsberg Defence And Aerospace*

Sumber: MINDEF – Pembentangan pada 18 November 2020

Letter of Intent (LOI) projek ini telah dikeluarkan pada 15 Oktober 2010 manakala *Letter of Agreement* (LOA) ialah pada 16 Disember 2011. Kerja-kerja *Basic Design* telah dimulakan oleh BNS pada 3 Oktober 2013 hingga Jun 2015. Berdasarkan kontrak, *Physical Hand Over* (PHO) adalah pada April 2019 bagi kapal LCS1, Februari 2020 bagi kapal LCS2 dan seterusnya sehingga kapal LCS6 pada Jun 2023. Status kemajuan kerja ialah 57.01% berbanding yang dirancang sebanyak 90.11%.

Faktor utama yang menyumbang kepada kelewatan adalah seperti berikut:

i. Kelewatan dalam memuktamadkan perolehan peralatan kapal iaitu sebelum Oktober 2016. Sehingga 18 November 2020 masih terdapat 11 peralatan yang belum dimuktamadkan.

ii. Kelewatan dalam memuktamadkan *Detailed Design* dan *Production Drawing* iaitu sebelum Oktober 2016. Bagi proses kerja *Detailed Design*, BNS perlu mendapatkan kelulusan dari Naval Group selaku *Design Authority*.

iii. Kelewatan kerja-kerja pembinaan di mana kesan daripada kelewatan memuktamadkan perolehan peralatan dan kelewatan menyiapkan *Detailed Design* dan *Production Drawing.* Sub kontraktor tidak dapat melaksanakan kerja-kerja pembinaan selagi *Detailed Design* dan *Production Drawing* tidak siap sepenuhnya.

iv. *Stop Work* atau memberhentikan kerja-kerja pelaksanaan di mana *Original Equipment Manufacturer* (OEM) telah memberhentikan kerja-kerja disebabkan kegagalan BNS melunaskan bayaran kepada OEM bermula April 2018.

Jumlah pembayaran sehingga 18 November 2020 ialah RM6.083 bilion atau 66.64%. Pembayaran dibuat berdasarkan kemajuan dan aktiviti seperti yang terkandung dalam SA kedua dan ketiga.

> ***"Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:*** *..Jadi semasa yang kita sudah bayar sekarang ini adalah 66.64 percent bersamaan RM6.083 bilion. Maknanya RM6 bilion kita sudah belanja untuk membiayai kapal tersebutlah.*
>
> *...*
>
> *Setiap LCS itu pun kita sudah bayar by progress, by activity seperti terkandung dalam supplementary agreement, dua dan tiga tersebut. Jadi setiap aktiviti kapal tersebut – kapal untuk makluman Yang Berhormat kita sudah bina ini bukan satu kapal macam itu. Ia sekali aktiviti melibatkan enam kapal tersebut sekali, itu yang pertama.*
>
> *Kedua, dia macam concurrent Yang Berhormat, satu kapal, kapal kedua sekali jalan. Itu kaedahnya Yang Berhormat. Yang Berhormat tengok itu, ia tidak sama dengan projek-projek fizikal, bangunkan yang lain sudah siap baru kita bayar by progress tapi ini enam kapal, enam-enam itu sekali Yang Berhormat kita jalan sekali, serentak."*
>
> [Muka surat 7, Laporan Prosiding Bil. 1(b)/2020 bertarikh 18 November 2020]

D. **YBhg. Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [Pengarah Program LCS, Syarikat Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd] dalam prosiding Bil. 1 (g)/2020 bertarikh 27 September 2021** menjelaskan isu berkaitan tiada kapal yang disiapkan walaupun sejumlah wang RM6 bilion telah dibayar oleh pihak Kerajaan. Beliau menyatakan pembayaran berjadual adalah berdasarkan kepada reka bentuk yang memerlukan *customization* dan juga pembuatan kapal adalah berlangsung secara bersama di mana keenam-enam kapal telah dibina di Lumut secara *concurrent* atau pun bersekali. Pada ketika ini, lima (5) kapal sedang berada dalam fasa pembinaan dalam pelbagai peratus kemajuan.

TLDM mempunyai keperluan-keperluan operasi khusus yang memerlukan *customization* reka bentuk dan tidak ada reka bentuk daripada reka bentuk yang sedia ada. Proses *customization* ini mengambil masa.

Pembuatan kapal secara sekali gus ini juga adalah kerana keperluan operasi TLDM di mana mereka memerlukan setiap kapal disiapkan selang 10 bulan antara satu kapal dengan yang lain. Selain itu pembinaan kapal secara sekali gus ini juga adalah untuk mengoptimumkan keperluan sumber, sumber manusia dan fasiliti.

Oleh sebab *design and build approach* ini, RM3 bilion daripada RM6 bilion yang telah dibayar oleh pihak Kerajaan adalah untuk elemen-elemen *design right* dan kerja-kerja reka bentuk infrastruktur, kejuruteraan dari segi *software* dan *hardware*.

Projek ini mempunyai isu pertukaran peralatan dalam proses reka bentuk kapal di mana pertukaran peralatan diperlukan setelah projek berada di dalam fasa *detailed design* iaitu selepas

lebih kurang 45 bulan reka bentuk dimulakan. Apabila keperluan pertukaran peralatan ini timbul, maka proses reka bentuk terpaksa diulang semula untuk membolehkan pertukaran peralatan dan sistem dimasukkan semula ke dalam reka bentuk asal kapal.

Seterusnya, struktur pembayaran yang telah ditetapkan dalam kontrak LCS adalah berlandaskan kepada 7 elemen utama seperti elemen global yang diguna pakai secara menyeluruh untuk proses-proses guna sama atau proses umum iaitu reka bentuk, proses kejuruteraan, pengujuan, *modelling* dan lain-lain.

Bagi setiap elemen tersebut ia mempunyai perbatuan pembayaran tersendiri yang dibayar mengikut apa yang telah disiapkan oleh pihak BNS. Oleh itu, daripada RM6 bilion yang telah dibayar oleh pihak Kerajaan, RM3 bilion tersebut adalah dibayar kepada elemen-elemen aspek reka bentuk yang berjumlah lebih kurang RM3 bilion. Selebihnya adalah untuk pembayaran kemajuan setiap kapal berdasarkan apa yang telah disiapkan di lapangan ataupun di limbungan. Pembayaran yang telah dibuat oleh MINDEF kepada BNS adalah berdasarkan kepada setiap elemen yang terdapat dalam jadual kontrak.

YBhg. Kepten (B) Tuan Ir. Azhar bin Jumaat dalam prosiding yang sama turut menjelaskan bahawa proses reka bentuk menjurus kepada penghasilan *production drawing* iaitu lukisan pembuatan yang pada ketika ini berstatus 96% siap. Lukisan tersebut perlu dihantar kepada pihak Naval Group yang mana Naval Group telah memberhentikan kerja-kerja pada November 2019. Daripada 96% siap *production drawing* tersebut, pihak Naval Group telah membuat validasi, verifikasi dan meluluskan hanya pada tahap 82% sahaja. Sebagai satu elemen kawalan mutu, reka bentuk kapal LCS yang dihasilkan oleh syarikat BNS

tertakluk kepada proses kelulusan verifikasi, pengesahan oleh badan bebas antarabangsa iaitu *Bureau Veritas* yang dinamakan dan dipilih oleh pihak Kerajaan seperti yang ditetapkan dalam kontrak.

Beliau juga turut menyatakan bahawa pertukaran peralatan utama juga merupakan salah satu faktor yang menyebabkan kelewatan. Ini kerana ia mempunyai impak kepada proses reka bentuk dan pembuatan apabila keperluan pertukaran berlaku di pertengahan fasa projek iaitu lebih kurang 45 bulan selepas fasa reka bentuk bermula. *Variation order* (VO) bagi IPMS dan DLS telah diluluskan pada Januari 2019 iaitu tiga (3) bulan sebelum kapal pertama disiapkan. Ia adalah suatu yang tidak realistik atau wajar untuk menjangkakan kapal itu dapat disiapkan tiga (3) bulan selepas VO itu diluluskan.

E. YBhg. Datuk Hj. Ruji bin Hj. Ubi [Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MINDEF] dalam prosiding Bil. 1 (g)/2020 bertarikh 27 September 2021 menyatakan VO bukan sebab utama kepada kelewatan dalam penyiapan projek.

*"**Tuan Pengerusi**: Okey. Terima kasih. Dari MinDef Datuk Ruji, boleh secara general jelaskan kepada pihak PAC apakah pandangan pihak MinDef berkenaan dengan kenyataan ataupun pendirian dari BNS yang menyatakan a lot of uncertainties hasil daripada VO there is no final decision dan tidak ada keputusan muktamad so that yang menyebabkan projek tidak dapat berjalan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Anything to add from you Datuk Ruji?*

***Datuk Hj. Ruji bin Hj. Ubi**: Just a simple one Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Seperti yang saya sebut tadi ada empat perkara yang selalunya akan dijadikan oleh pihak — minta*

maaf lah ya Ir. Azhar. Dijadikan oleh pihak BNS sebagai alasan macam saya sebut tadi pernah dibangkitkan dalam mesyuarat yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri sebelum ini tetapi kita nyatakan bahawa VOV81 disebutkan itu bukanlah penyebab kepada kelewatan dan bersama kami juga Yang Berhormat Tuan Pengerusi ini saya sebut tadi ada team project kalau hendak kata dari segi teknikalnya yang IPMS dan DLS ini tadi Ir. Azhar sebut tanpa kos ya.

Sebenarnya, ada if I'm not mistaken yang "A" itu sudah diluluskan tanpa sebarang kos tetapi yang IPMS dan DLS ini kita rujuk kepada MoF dan MoF rujuk kita balik dan difahamkan oleh team project dari segi detil dan justifikasi untuk tambahan kos untuk dua perkara ini Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli PAC sebanyak RM400 juta lebih. Ini yang sukar untuk pihak MinDef untuk justified dan berdasarkan yang latest punya status ini, ini perkara-perkara yang sepatutnya dibincangkan dari segi hala tuju nanti.

Jadi, sekali lagi saya tekankan Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli PAC, perkara ini pernah dibangkitkan sama ada VO ini penyebab utama kepada kelewatan dan pernah disebut sebelum ini, ini bukan penyebab utama. Ini adalah— yes it is an issue tetapi bukan penyebab utama dan perkara-perkara yang IPMS dan DLS ini memang kita kena refer ke MoF balik tetapi difahamkan oleh pegawai saya sebelum ini perkara ini MoF minta kita untuk angkat dari segi new direction-nya itu Yang Berhormat Tuan Pengerusi. So, itu komen awal saya. Terima kasih.

***Tuan Pengerusi**: Okey, terima kasih. Saya jemput Ir. Azhar untuk teruskan. FAQ empat ya.*

***Ir. Azhar bin Jumaat**: Cuma yang saya hendak perjelaskan di sini Yang Berhormat sebelum saya pergi pada FAQ keempat ini. Memang pihak BNS akui tidak keseluruhan impak kos dan masa adalah menjurus kepada isu variation order... Ia telah berlanjutan amat panjang dan lama. Kita berkisar kepada proses yang sama dan isu-isu yang sama."*

[Muka surat 27-28, Laporan Prosiding Bil. 1(g)/2020 bertarikh 27 September 2021]

5.4. Kelemahan Klausa Kontrak

YBrs. Encik Guna Arulalan David (Timbalan Ketua Sekretariat, JKSTUPKK) dalam prosiding Bil. 1 (c)/2020 bertarikh 1 Disember 2020 memaklumkan bahawa klausa kontrak bagi *Liquidated Damages* (LAD) menetapkan tuntutan LAD hanya boleh dikira sehingga 12 bulan sahaja. Perkara ini dilihat sebagai satu klausa yang tidak menjaga kepentingan Kerajaan.

5.5. Cadangan Dan Hala Tuju LCS

i. **YBrs. Encik Guna Arulalan David (Timbalan Ketua Sekretariat, JKSTUPKK) dalam prosiding Bil. 1 (c)/2020 bertarikh 1 Disember 2020** memaklumkan bahawa berdasarkan kepada penemuan-penemuan tersebut, dua (2) opsyen telah dikemukakan oleh JKSTUPKK.

<u>Opsyen 1 – Meneruskan Kontrak</u>

a. MINDEF hendaklah memuktamadkan pertukaran peralatan dengan kadar segera. Sekiranya tidak diselesaikan, satu (1) jawatankuasa khas yang

dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Ketua Setiausaha Negara (KSN) perlu diwujudkan;

a. BNS perlu segera menyiapkan dan memuktamadkan *detailed design*;

b. BNS tingkatkan amalan tadbir urus dan pengurusan kewangan;

c. Kawalan bayaran yang ketat dan mengikut kontrak;

d. Elemen *capping* untuk LAD perlu dikemaskan dalam SA;

e. *Variation proposal* yang dikemukakan oleh syarikat perlu dimuktamadkan.

f. *Cost Benefit Analysis* dilaksanakan kerana anggaran kos projek dijangka melebihi siling kontrak iaitu RM9.128 bilion.

<u>Opsyen 2 – Menamatkan Kontrak</u>

MINDEF mematuhi klausa kontrak dan perkara berikut perlu dipertimbangkan:

a. Pencapaian fizikal LCS masih berbaki dan dijangka baki peruntukan sebanyak RM3.188 bilion ini tidak dapat menampung pembinaan LCS.

b. Kedudukan aliran tunai BNS agak kritikal dimana hutang dengan pembekal dan OEM telah mencecah lebih daripada RM800 juta dan sekiranya perkara ini tidak diselesaikan maka OEM tidak akan memulakan kerja.

Sekiranya, tiada kerjasama daripada pihak OEM, ia akan melambatkan lagi projek tersebut.

Pada pandangan JKSTUPKK, mengambil kira cadangan di Opsyen 1, projek diteruskan oleh Kerajaan dengan syarikat BNS. MINDEF hendaklah segera membentangkan kesemua penemuan dan hala tuju kepada Jemaah Menteri.

ii. **YBhg. Dato' Sri Muez Bin Abdul Aziz (KSU MINDEF) dalam prosiding Bil. 1(b)/2020 bertarikh 18 November 2020** memaklumkan bahawa MINDEF telah menyediakan beberapa pilihan sebagai cadangan hala tuju bagi projek ini seperti berikut:

a. Projek diteruskan dengan melantik Naval Group dari Perancis sebagai kontraktor penyelamat melalui *deed of assignment* dengan pihak BNS, menggunakan baki siling kontrak bagi menyiapkan sekurang-kurangnya dua (2) buah kapal tersebut;

b. Projek diteruskan oleh pihak BNS dengan baki siling kontrak iaitu lebih kurang RM3.1 bilion lagi bagi menyiapkan sekurangnya dua (2) buah kapal; dan

c. Kontrak dengan BNS ditamatkan.

iii. **YBhg. Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [Pengarah Program LCS, Syarikat Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd] dalam prosiding Bil. 1 (g)/2020 bertarikh 27 September 2021** memaklumkan bahawa BNS telah memberi cadangan balas kepada MINDEF yang mana pihak BNS menyediakan dana tambahan secara sendiri dan memohon pertimbangan dari MINDEF untuk memberi komitmen bagi kerja-kerja kontrak

(*future business*) yang akan datang. Ini bertujuan bagi membolehkan BNS mendapatkan dana sama ada melalui melalui sukuk atau bon.

Daripada aspek ketirisan dan salah tadbir urus projek di peringkat syarikat, BNS telah melaksanakan forensik audit dan hasil daripada laporan tersebut, satu laporan telah dikemukakan kepada pihak SPRM pada September 2020.

6. PENEMUAN PAC PARLIMEN

Penemuan PAC Parlimen adalah seperti berikut:

6.1. Kelemahan Perancangan Perolehan LCS

A. *Detailed Design* Belum Dimuktamadkan

i. **YBhg. Dato' Sri Muez bin Abdul Aziz (KSU MINDEF) dalam prosiding Bil. 1(b)/2020 bertarikh 18 November 2020** menjelaskan bahawa *detailed design* masih belum disiapkan atau dimuktamadkan oleh BNS dan belum disahkan atau diluluskan oleh *Design Authority* iaitu Syarikat Naval Shipyard.

> ***"Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari:*** *...Saya tanya tentang, kapal itu memang siap complete 100 peratus kah, dari sudut pelan itu memang sudah ada? Sebab saya dimaklumkan pelan pun tidak siap lagi daripada awal kontrak. Macam mana?*
>
> ***Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:*** *Ia detailed design, tidak siap Yang Berhormat.*

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari: *Detailed design tidak...*

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: *Construction design itu siap. Basic design siap tetapi satu lagi, ia ada melibatkan pelan yang satu lagi belum siap lagi.*

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari: *Kenapa tidak siap?*

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: *Ini berpunca daripada ya lah, yang hendak endorse pelan tersebut adalah dari Naval Group, daripada Perancis tersebut. Ada some communication antara BNS dengan pihak OEM atau subkontraktor ini. Dia masih belum dapat finalise kan lagi detailed design tersebut.*

Dato' Ahmad Husaini bin Abdul Rahman: *Dengan design authority.*

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: *Dengan design authority sekali.*

[Muka surat 7 – 8, Laporan Prosiding Bil. 1(b)/2020 bertarikh 18 November 2020]

ii. **YBhg. Laksamana Pertama Shaiful Bahri bin Baharuddin [Ketua Pengarah Pasukan Projek LCS TLDM, Kementerian Pertahanan] dalam prosiding Bil. 1 (d)/2020 bertarikh 16 Disember 2020** memaklumkan Pasukan Projek LCS ada memantau isu kelewatan dalam penyediaan *detailed design* dan *production design* dan perkara ini ada dibincangkan dengan BNS dalam mesyuarat kemajuan kerja pada setiap bulan.

"Laksamana Pertama Shaiful Bahri bin Baharuddin: *Yang Berhormat, berkaitan dengan delay kepada kita punya detailed design dan production drawing, for your information, kita sentiasa – maknanya we have kita punya progress meeting every month, so we keep monitoring, one of the issues is on detailed design dan production drawing. Jadi, kita sentiasa mengangkat benda ini dan berbincang dengan pihak Boustead. So, pihak Boustead sering kali mengatakan bahawa they are still learning sebab dia ada masalah dalam menyiapkan this detailed design dan production drawing sebabnya this project is the first projek yang kita buat in the country, the detailed design dan production drawing dengan niat untuk develop, untuk transfer teknologi kepada local. So that, in future kalau ada procurement of shipbuilding in future, Boustead is able to carry out, I mean themselves by local.*

Jadi, itu niat Boustead. Kita sering hasten benda ini kepada pihak Boustead. …"

[Muka surat 17, Laporan Prosiding Bil. 1(d)/2020 bertarikh 16 Disember 2020]

YBhg. Laksamana Pertama Shaiful Bahri bin Baharuddin juga turut memaklumkan bahawa *detailed design* dan *production drawing* sepatutnya siap pada November 2016. Pasukan Projek telah membangkitkan perkara ini berulangkali kerana akibat daripada kelewatan *detailed design* maka ia akan memberi impak yang besar kepada projek dan menyebabkan BNS mengalami kerugian.

"Puan Wong Shu Qi: *… Ini kerana kita semua tahu bahawa kerajaan sudah buat pembayaran mengikut*

aktiviti yang telah dilaksanakan atas keenam kapal itu yang dalam pembinaan. Walau bagaimanapun, sebenarnya detailed design pun belum habis lagi, itu satu isu, Boustead dengan Naval group. Jadi ketika semua isu ini berlaku, dan basic design itu telah siap kan dan sedang dalam proses dan kerajaan pun bayar. Akan tetapi bagaimana team project handle issue ini, iaitu ada kelewatan semua ini. Ada lapor pada orang atas kah atau pihak mana? Ini kerana kita tak boleh teruskan, biarkan masalah ini berlaku. Bolehkah saya tahu adakah KP ambil apa-apa tindakan tak apabila dimaklumkan bahawa sebenarnya detailed design ini belum disiapkan dan kita terus membayar semua itu.

Laksamana Pertama Shaiful Bahri bin Baharuddin: *Yang Berhormat, berkaitan dengan perkara yang diangkat. Sebenarnya pihak pasukan projek sepertimana yang saya maklumkan tadi, kita sentiasa mengadakan mesyuarat dan kita monitor one of the so-called elements yang kita monitor adalah one of the issues adalah isu detailed design dan production drawing. Kita in fact kita pun ada banyak special meeting yang kita buat. Even sampai ke high-level meeting pun kita pernah buat with regards to masalah ini.*

Sebab kita telah membangkitkan kesan akibat daripada kelewatan detailed design atau kegagalan Boustead menentukan detailed design siap pada masanya akan memberi impak yang besar kepada projek dan menyebabkan Boustead juga mengalami kerugian. Sebab detailed design mestilah so-called freeze, mestilah final sebab kalau tak final, mereka akan beli contohnya material yang silap dan benda ini juga telah diangkat. We

are more concerned in Boustead in fact. Kita dah bangkitkan isu ini. Ada one of the meetings kita buat – high-level meeting di Hotel Royal Chulan, yang dipengerusikan oleh Tan Sri Ahmad Ramli semasa dan dihadiri oleh Tan Sri Kamarul, Tan Sri Mantan CN, Tan Sri Ramlan. Kita specifically discussed on this matter.

Saya membangkitkan masa itu, saya kata kita amat risau sebabnya kita dapati Boustead banyak pada masa tersebut, beli barang yang silap. Barang yang salah. Jadi benda ini mendatangkan kerugian kepada pihak Boustead. Akan tetapi pada masa tersebut, ada seorang wakil daripada Boustead mengatakan apa yang saya bangkitkan sebenarnya dia telah memikirkan, basically it is within Boustead punya so-called – within tolerance. Macam itu lah lebih kurang ya. So, maknanya you don't have to worry much about what you've been highlighted. We are more – macam itu. lebih kurang macam itulah.

Jadi disebabkan oleh kelewatan detail design ini juga dan production ini juga akan menyebabkan snowball effect kepada kerja-kerja construction sebabnya in order untuk kita pasang paneling kita kena tentukan all the cables, the sequence of work. So, maknanya that's why detailed design is very crucial.

Tuan Pengerusi: *Laksamana, kebiasaannya detailed design ini sepatutnya bila ada? Bila siap? Because agreement has been signed and the ceiling price RM9 billion pun sudah ditetapkan, sepatutnya detailed design ini dalam pada tahap mana kena siap?*

Laksamana Pertama Shaiful Bahri bin Baharuddin: *Sebenarnya detailed design dan production drawing sepatutnya siap by November 2016, Yang Berhormat.*

Tuan Pengerusi: *November 2016.*

Laksamana Pertama Shaiful Bahri bin Baharuddin: *Sepatutnya.*

Tuan Pengerusi: *Okey.*

Laksamana Pertama Shaiful Bahri bin Baharuddin: *So kita dah lewat."*

[Muka surat 26 – 28, Laporan Prosiding Bil. 1(d)/2020 bertarikh 16 Disember 2020]

iii. **YBhg. Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat (Mantan Ketua Pengarah Pasukan Projek LCS TLDM) dalam prosiding Bil. 1 (d)/2020 bertarikh 16 Disember 2020** memaklumkan bahawa BNS menghadapi masalah parah yang melibatkan ketirisan dalam pengurusan kewangan. Tanpa aliran tunai yang sihat ianya membantutkan atau mengganggu keseluruhan proses penyediaan *detailed design* dan *production drawing*. Asasnya adalah salah urus (*mismanagement*) kewangan projek yang mana wang yang diterima daripada Kerajaan tidak digunakan untuk tujuan projek tersebut.

"Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: *Okey, Yang Berhormat, I have to declare here that now I'm putting on my Boustead Naval Shipyard hat on. No longer as— I'll be speaking in the capacity not as a mantan KP.*

Isu yang kita hadapi di dalam Boustead Naval Shipyard ini agak parah ya di mana ia melibatkan ketirisan pengurusan kewangan. Bagi saya, itu adalah isu utama yang melibatkan kepada permasalahan semasa. Tanpa aliran tunai yang sihat, without a healthy cashflow for the project, it has actually stalled the whole process for us to continue the design and also the production. So, on that score, the main issue for us is not about the capability on our know how and the success story of the technology transfer. It is actually about the mismanagement of the finance of the project, where the actual money actually been collected, been received from the Government is actually not being utilized for the project itself. So, isu ketirisan ini actually menjurus kepada permasalahan semasa untuk saya melaksanakan projek. Thank you.

[Muka surat 17 – 18, Laporan Prosiding Bil. 1(d)/2020 bertarikh 16 Disember 2020]

B. Pelantikan OEM / Subkontraktor Melalui Syarikat Contraves (CAD)

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf [Ketua Pegawai Eksekutif Boustead Heavy Industries Corporation Berhad] dalam prosiding Bil. 1(h)/2020 bertarikh 11 Disember 2021 menjelaskan pembelian barang-barangan OEM menerusi Syarikat Contraves (CAD), iaitu sebuah syarikat usahasama (JV) antara BHIC dengan Rheinmetall dari Jerman telah mendatangkan masalah. Ini menyebabkan pembelian barang-barangan dengan harga berkali ganda. Perancangan masa kini adalah pelantikan OEM adalah secara terus tanpa melalui CAD.

"Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: *Okey. Mungkin saya beri penjelasan sedikit. Sebenarnya kontraktor-kontraktor yang local, tidak ada masalah. The main one sebenarnya adalah the appointment of a joint venture (JV) company Contraves, antara kita dengan Rheinmetall of Germany. Pembukaan ataupun pembentukan Contraves ini sahaja sudah menimbulkan persoalan. Maksudnya, kenapa kita perlu beli barang-barang OEM menerusi CAD? Kenapa kita tidak pergi terus kepada OEM-OEM yang berikutnya?*

Pertama sekali, pembentukan CAD itu kurang jelas dari segi the reason and also the approval process. Itu kurang jelas untuk kami.

Keduanya, secara kasarnya, bila sudah pergi kepada CAD ini, harga kita mungkin naik antara tiga ataupun empat kali ganda, tidak fasal-fasal.

Seorang Ahli: *Kali ganda?*

Encik Sharifuddin bin Md Zaini Al-Manaf: *Kali ganda. Sekarang ini, our plan is to bypass the CAD and go directly to the OEM yang, insya-Allah, kita boleh save lebih kurang RM400 juta hingga RM500 juta depending on kita punya negotiation nanti.*

Ini juga saya telah ketengahkan kepada SPRM untuk tolong investigate CAD. Masalahnya, dari segi kontrak, it is legally appointed. Dari segi invois, memang kita bayar as per invoice. From a commercial point of view, macam tiada kesalahan sebenarnya walaupun orang kata kenapa bayar JV company sampai tiga, empat kali ganda but sebenarnya ia

willing buyer, willing seller. Melainkan, SPRM dapat menunjukkan bukti yang mengatakan di sebalik harga tiga, empat kali ganda ini ada money trail kepada individu-individu. Itu yang SPRM kena tolong kita untuk membuktikan."

[Muka surat 27, Laporan Prosiding Bil. 1(h)/2020 bertarikh 11 Disember 2021]

6.2. Kelemahan Proses Perolehan LCS

Kontrak ditandatangani pada 17 Julai 2014 walaupun tarikh pelaksanaan kerja adalah pada 3 Oktober 2013.

i. **YBhg. Dato' Sri Muez bin Abdul Aziz (KSU MINDEF) dalam prosiding Bil. 1(b)/2020 bertarikh 18 November 2020** menjelaskan bahawa Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan pada 16 Disember 2011. Tarikh pelaksanaan kerja yang dinyatakan dalam kontrak adalah berkuat kuasa mulai dari tahun 2013. Tiada permohonan untuk tambahan masa dibuat bagi tujuan lanjutan tempoh menandatangani kontrak.

"Tuan Pengerusi: *Dato' Sri, sebelum kita proceed, saya meneliti di sini kontrak di tandatangani pada Julai 2014.*

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: *Ya, ya Tuan Pengerusi.*

Tuan Pengerusi: *Yang mana kontrak telah pun bermula setahun sebelum itu Oktober 2013.*

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: *Ya, ya.*

Tuan Pengerusi: *So ini sememangnya PAC mempunyai pengalaman untuk nampak banyak kontrak kerajaan adalah*

sebegini iaitu kerja start dulu, barulah perjanjian ditandatangani. So, dalam isu ini khas untuk kontrak LCS ini, boleh tak kami dapatkan pengesahan kenapa kontrak yang ditandatangani hanya 10 bulan selepas the commencement date.

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: *Ya, untuk makluman ya Tuan Pengerusi, SST atau Surat Setuju Terima itu dikeluarkan pada 16 Disember 2011 lagilah. Maknanya dia harus start kerja sudah itu, kerja itu boleh jalan. SST itu something yang legal binding yang boleh ada offer, ada acceptance, sudah ada dia punya liabiliti kepada dua pihaklah. Jadi boleh start sudah. Jadi kontrak sebenarnya akan memakan masa. Kalau itu kontrak dia ditandatangani, dia akan biarlah daripada segi negotiate, semakanlah, legal-lah dan sebagainya. Jadi melibatkan dua pihak iaitu BNC dan akan memakan masa sedikitlah, Tuan Pengerusi. Akan tetapi dalam itu, dalam kontrak tersebut pun akan dinyatakan tarikh commencement itu memang effective from 2013 itulah, tuan-tuan dan puan-puan. Isu teknikal sahajalah."*

[Muka surat 3 – 4, Laporan Prosiding Bil. 1(b)/2020 bertarikh 18 November 2020]

ii. **YBhg. Dato' Che Isa bin Che Kob, TKAN (Kewangan) JAN dalam prosiding Bil. 1 (a)/2020 bertarikh 18 November 2020** menjelaskan bahawa berdasarkan kepada prosedur perolehan Kerajaan, kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh tidak melebihi empat (4) bulan daripada tarikh SST ditandatangani.

Bayaran kemajuan boleh dibenarkan sehingga tiga (3) kali dalam tempoh empat (4) bulan pertama selepas keluarnya SST dan sebelum kontrak formal ditandatangani. Bayaran kemajuan yang

seterusnya hanya boleh dibuat selepas kontrak formal ditandatangani.

6.3 Pemberhentian Kerja (*Stop Work*) Pembinaan Kapal

i. **YBhg. Dato' Sri Muez bin Abdul Aziz (KSU MINDEF) dalam prosiding Bil. 1(d)/2020 bertarikh 16 Disember 2020** memaklumkan bahawa lebih kurang 164 OEM telah memberhenti kerja-kerja dan membekal barang-barangan kerana tiada pembayaran oleh BNS.

"Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: *Sikit lagi Tuan Pengerusi. Faktor utama kelewatan, punca kelewatan itu, yang pertama, adalah berkaitan perolehan peralatan, procurement. Gagal muktamadkan sebelum 16 Oktober. Lewat enam bulan. Perolehan peralatan tidak mengikut perancangan asal dan sebagainya.*

Detail design, ya Yang Berhormat pun sering kali bercakap tadi. One of the factors juga yang menyumbang kepada kelewatan ini yang dimaklumkan oleh siapa kata tadi, snowball tadi.

Laksamana Pertama Shaiful Bahri bin Baharuddin*: Snowball.*

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: *Laksamana pun cakap tadi. Of course, bila sudah detailed design, ia akan mengganggu aktiviti-aktiviti selanjutnya untuk kita menyiapkan kapal tersebut.*

Yang ketiga, pembinaan construction terjejas kesan daripada kelewatan procurement, detailed design dan production drawing dan steel kits delivery, kelewatan kemajuan 40 bulan dan OEM yang tidak dibayar lebih kurang 164 OEM vendor sub guarantor dan kebanyakan mereka pun sudah stop. Ia tidak dapat

membekalkan barang tersebut dan juga contributes to the delay in preparing, finalizing the detailed design, Yang Berhormat. Itulah some of it.

Tuan Pengerusi: *Kejap ya. Dato' Seri, stop work jumlah dia 164?*

Seorang Ahli*: Ya.*

Tuan Pengerusi: *Ramai, ya? Sebab dalam laporan JKS tapi ini disediakan lebih awal. Dia kata tujuh OEM stop work sahaja. Akan tetapi, sekarang sudah sampai 164?*

Laksamana Pertama Shaiful Bahri bin Baharuddin: *Yang Berhormat Tuan Pengerusi, 164 OEM vendors ini, maklumat yang kita baru terima daripada Boustead. Maklumat yang terkini. Basically, almost all. Sekarang ini memang OEM none of the OEM yang still working. Sama juga dengan sub kontraktor. Maknanya kita tidak ada progress – kita terlalu perlahan sekarang ini. Apa yang Boustead buat kerja-kerja yang Boustead buat sekarang ini adalah lebih kepada embarkation of equipment.*

Maknanya, equipment yang telah dibekalkan yang telah sedia ada di stor dibawa masuk ke dalam kapal. Itu is within BNS punya so-called – tidak melibatkan OEM. It is under pekerja Boustead punya bidang tugas."

[Muka surat 39 – 40, Laporan Prosiding Bil. 1(d)/2020 bertarikh 16 Disember 2020]

ii. **YBhg. Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [Pengarah Program LCS, Syarikat Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd] dalam prosiding Bil. 1 (g)/2020 bertarikh 27 September 2021** menjelaskan bahawa BNS mempunyai isu pembayaran terbengkalai kepada kerja-kerja atau tempahan lebih kurang dalam RM800 juta. Ini adalah kerana proses pembuatan kapal dilaksanakan secara bersekali dan bukan hanya tertumpu kepada LCS1 dan LCS2 sahaja. Oleh yang demikian terdapat peralatan untuk kapal LCS6 telah ditempah dan juga dalam proses pembuatan. Tuntutan bayaran telah dibuat oleh pihak OEM. Perkara ini telah menyebabkan kekangan kepada aliran tunai projek.

"Tuan Pengerusi: *Ya, terima kasih. Berkenaan dengan cashflow, kami difahamkan bahawa memang dalam projek LCS ini, pihak BNS ada hutang kepada pembekal-pembekal atau pun vendor-vendor yang membekalkan equipment dan juga machinery dan sebagainya. Itu juga menyebabkan bahawa kelewatan dalam penyiapan projek ini. Boleh tak Ir. Azhar bantu untuk huraikan berkenaan dengan isu ini?*

Ir. Azhar bin Jumaat: *Okey. Untuk keperluan projek ini, kita mempunyai isu pembayaran terbengkalai kepada kerja-kerja atau pun order yang telah kita buat kepada pihak pembuat peralatan asal. I think, sedia maklum, kita nyatakan untuk rekod, hutang itu lebih kurang dalam RM800 juta, Yang Berhormat ya, kepada pihak pembekal.*

Kenapa ia terjadi demikian ialah ia untuk membolehkan proses pembuatan kapal ini dilaksanakan kerana ia tidak tertumpu pada kapal satu dan dua sahaja. Ia untuk satu sampai enam. Ada juga peralatan untuk kapal keenam pun yang telah kita order dan juga dalam proses pembuatan. So, ia menyumbang kepada

kos-kos yang kita panggil telah incurred atau pun already have been to recognize in our accounting and already being invoiced to us by the OEM. Jadi, isu ini menjurus kepada kekangan aliran tunai projeklah.

Di samping itu juga, kita juga akui isu pengurusan kewangan yang tidak cekap atau pun tidak dibuat proper check and balance oleh pihak syarikat yang mengalami ketirisan, yang kita cakap cost overrun dalam RM1 bilion yang lepas di mana ia telah dirujuk kepada satu proses audit forensic dan perkara ini telah dilaporkan kepada pihak SPRM.

Jadi, itu adalah tindakan dalaman pihak syarikat untuk menangani isu-isu yang telah timbul dari segi ketirisan dan ketidakaturan governance, tadbir urus daripada pihak syarikat. Pokok pangkalnya ada isu ketirisan Tuan Pengerusi."

[Muka surat 31 Laporan Prosiding Bil. 1(g)/2020 bertarikh 27 September 2021]

6.4 Pengurusan Kontrak Perolehan LCS

A. Pemilihan Peralatan Utama

YBhg. Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [Pengarah Program LCS, Syarikat Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd] dalam prosiding Bil. 1 (g)/2020 bertarikh 27 September 2021 menjelaskan bahawa daripada 17 senarai peralatan utama yang dicadangkan oleh TLDM, hanya 10 sahaja yang dipersetujui dan diterima oleh BNS. Manakala, tujuh (7) lagi dibuat cadangan balas oleh syarikat BNS berdasarkan spesifikasi, *complexity* atau teknikal dan juga kepada kepentingan komersil serta harga. Cadangan

tersebut dipertimbang oleh pihak MINDEF dan dimuktamadkan dalam bentuk kontrak.

> ***"Tuan Pengerusi:*** *Okey. Dalam keterangan yang diberikan oleh Laksamana Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Hj. Jaafar, beliau ada menyatakan bahawa selain daripada pemilihan reka bentuk Gowind, so dalam proses pembinaan dan juga pemilihan equipment yang ada, ada pada suatu ketika TLDM telah pun mengemukakan 17 main equipment system yang mana hanya 10 dipersetujui dan tujuh lagi tidak dipersetujui oleh BNS.*
>
> *So saya hendak dapatkan penjelasan daripada BNS sama ada boleh memberikan maklumat ataupun pandangan atau pendirian BNS dalam kenyataan yang dinyatakan oleh Laksamana Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Hj. Jaafar ini, dan juga soalan yang berkaitan adalah sepanjang pengalaman BNS mengendalikan projek-projek sebegini, dalam pemilihan biarpun reka bentuk ataupun equipment dalam projek, sama ada merupakan satu norma ataupun praktis dari BNS untuk mengadakan perbincangan dengan end user, dalam kes ini TLDM, berkenaan dengan pandangan mereka?*
>
> ***Encik Ir. Azhar bin Jumaat:*** *Untuk soalan yang bahagian pertama itu Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya cuba untuk menjawab bagi pemahaman saya, ya. Daripada 17 senarai peraturan utama yang dicadangkan oleh pihak pengguna yakni TLDM, hanya 10 sahaja yang dipersetujui dan diterima. Manakala, tujuh lagi dibuat cadangan balas oleh syarikat BNS. Betul, perkara itu terjadi. Akan tetapi, end up pada pandangan ataupun pemahaman pihak syarikat ialah itu adalah satu cadangan daripada pihak*

pengguna melihat kepada keupayaan dan keperluan operasi.

BNS juga telah membuat cadangan balas berdasarkan spesifikasi, complexity or technical dan juga mungkin banyak lebih kepada kepentingan komersil, harga ataupun business, perniagaan punya kepentingan yang telah dibuat cadangan balas kepada pihak saya — supposed ini kepada pihak Kementerian Pertahanan sebagai process owner. Justeru, satu aspek dimulakan di mana pengguna menyatakan cadangan dan juga hasrat mereka, apa yang mereka hendak. Satu elemen sebelah pihak syarikat BNS pula ialah membuat cadangan balas, of course, ianya adalah berlandaskan kepentingan pihak syarikat yang saya rasa mungkin lebih banyak being driven by business atau komersil punya consideration.

Jadi terpulanglah kepada pihak yang berwenang iaitu Kementerian Pertahanan untuk membuat kata putus, yang mana ini telah diputuskan dan telah dimaktubkan dalam kontrak. Justeru isu tersebut, saya melihat sebagai satu proses di mana rundingan, cadangan — cadangan balas antara kedua-dua pihak telah berlaku dan pihak pengguna telah menyatakan hasrat dan aspirasi mereka tetapi ia perlu diputuskan oleh pihak yang berwenang iaitu Kementerian Pertahanan dan juga Kementerian Kewangan, yang ini telah berlaku dan telah ditetapkan pada persetujuan satu komitmen kontrak. Justeru untuk ianya dibangkitkan sekarang ini, bagi saya, yalah, kita perlu melihat ke depan. Daripada kita hendak melihat ke belakang balik, bagaimana benda itu terjadi dan kenapa timbul sebagai satu isu. So, itu pandangan jawapan pada

pihak syarikat untuk soalan bahagian pertama daripada Yang Berhormat Tuan Pengerusi. …"

[Muka surat 19 - 20 Laporan Prosiding Bil. 1(g)/2020 bertarikh 27 September 2021]

B. Pemilihan Dan Perubahan Reka Bentuk

TLDM telah bersetuju dan mengehendaki reka bentuk SIGMA. Bagaimanapun reka bentuk tersebut telah ditukar kepada GOWIND atas cadangan yang dikemukakan oleh pihak BNS kepada Menteri Pertahanan.

i. **YBhg. Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat (Mantan Ketua Pengarah Pasukan Projek LCS TLDM) dalam prosiding Bil. 1 (d)/2020 bertarikh 16 Disember 2020** memaklumkan bahawa bagi tujuan pemilihan reka bentuk SIGMA atau GOWIND, proses sebut harga tidak dibuat oleh Pasukan Projek. Ini kerana perolehan kontrak LCS adalah dibuat secara rundingan terus dengan BNS. Proses sebut harga kepada semua bakal pembekal dibuat oleh BNS.

Walau bagaimanapun untuk mendapatkan satu input yang berasas, TLDM telah melaksanakan satu proses di mana bakal-bakal pembekal akan memajukan satu maklumat berkaitan *rough order of magnitude* kepada reka bentuk yang ditawarkan kepada Kerajaan.

Rough order of magnitude tersebut telah terima dan diambil kira di dalam proses penilaian dari aspek ekonomi untuk dibentangkan kepada pihak pengurusan TLDM. Pengurusan TLDM telah membuat keputusan untuk memilih Sigma 10614 daripada Belanda.

"Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: *Tuan Pengerusi, mohon penjelasan. Adakah pihak pasukan projek ini memohon quotation daripada kedua-dua kapal ini, daripada dua company ini, Sigma dan juga Gowind ini?…*

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: *Okey, Yang Berhormat, dalam proses perolehan ini, perolehan kontrak adalah dibuat secara rundingan terus dengan Boustead Naval Shipyard. Justeru, kami daripada pihak kementerian— ataupun daripada TLDM lah. Saya tak boleh bercakap untuk pihak kementerian. Kami tidak membuat satu proses sebut harga kepada semua potential ataupun bakal-bakal supplier di mana rundingan kami adalah secara terus kepada Boustead Naval Shipyard sebagai kontraktor utama. Untuk proses sebut harga, ia dilakukan oleh pihak syarikat tersebut.*

Namun begitu, untuk mendapatkan satu input yang berasas, kami pihak TLDM telah melaksanakan satu proses di mana kita meminta bakal-bakal pembekal ini memajukan satu maklumat berkaitan rough order of magnitude kepada reka bentuk mereka, apa yang mereka boleh tawarkan kepada kerajaan.

Rough order of magnitude itu telah kami terima dari segi pihak TLDM dan ia telah diambil kira di dalam proses penilaian di dalam bentuk aspek ekonominya untuk dibentangkan kepada pihak pengurusan TLDM di mana keputusan yang telah diputuskan oleh pihak pengurusan TLDM ialah berpihak kepada pilihan Sigma 10614 daripada Belanda. Penilaian tersebut mengambil kira

aspek atau elemen harga daripada proses, bukan sebut harga proper but it's a rough order of magnitude, dia bagi harga, yang kami terima daripada kesemua bakal-bakal pembekal yang terlibat. Itu sahaja yang saya boleh maklumkan kepada sidang pagi ini."

[Muka surat 7 – 8, Laporan Prosiding Bil. 1(d)/2020 bertarikh 16 Disember 2020]

ii. **YBhg. Dato' Ahmad Husaini bin Abdul Rahman [Setiausaha Bahagian (Bahagian Perolehan) Kementerian Pertahanan dalam prosiding Bil. 1 (d)/2020 bertarikh 16 Disember 2020** memaklumkan bahawa keputusan pemilihan reka bentuk GOWIND dibuat oleh MINDEF dan kemudiannya dicadangkan untuk kelulusan MOF.

"Tuan Pengerusi: *Ya. Sekiranya saya perhatikan Laporan JKS, ia tidak menyatakan keputusan itu dibuat oleh MOF. Ia lebih menjurus kepada KEMENTAH yang mana ia menyatakan KEMENTAH yang bersidang pada 12 Ogos 2011 telah menerima cadangan BNS ke atas pemilihan reka bentuk Gowind bagi perolehan LCS. Mengikut Panglima Tentera Laut sebelum ini, tidak pernah berlaku pemilihan reka bentuk yang ditentukan oleh kontraktor utama dan bukan oleh end-user. Itu yang dinyatakan dalam Laporan JKS lah. Nampaknya keputusan adalah dibuat oleh KEMENTAH dan bukannya MOF.*

Dato' Ahmad Husaini bin Abdul Rahman [Setiausaha Bahagian (Bahagian Perolehan) Kementerian

Pertahanan]: *Okey, Tuan Pengerusi. Saya confirm baliklah.*

Tuan Pengerusi: *Ya, sila.*

Dato' Ahmad Husaini bin Abdul Rahman: *Itu memang kita. Daripada segi reka bentuk itu, MinDef yang cadangkan ke MOF. So, ia putus dan cadangkan ke MOF untuk membuat keputusan. So, memang kita hantar satu sajalah, satu reka bentuk sajalah.*

Tuan Pengerusi: *So, MinDef yang cadangkan reka bentuk Gowind...*

Dato' Ahmad Husaini bin Abdul Rahman: *MinDef cadangkan.*

Tuan Pengerusi: *...kepada MOF dan di endorsed oleh MOF lah?*

Dato' Ahmad Husaini bin Abdul Rahman: *MOF. Yup, yup.*

Tuan Pengerusi: *Okey. Keputusan sememangnya dibuat oleh MinDef. Jelas.*

Dato' Ahmad Husaini bin Abdul Rahman: *MinDef."*

[Muka surat 9, Laporan Prosiding Bil. 1(d)/2020 bertarikh 16 Disember 2020]

iii. **YBhg. Laksamana Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Jaafar [Mantan Panglima Tentera Laut] dalam prosiding**

Bil. 1 (e)/2020 bertarikh 29 Julai 2021 menjelaskan bahawa TLDM telah membuat pembentangan kepada YB Menteri tentang cadangan perolehan dan keupayaan SIGMA. Selepas enam (6) kali bermesyuarat sejak bulan Oktober 2009 hingga bulan Mei 2010, cadangan ini telah dipersetujui oleh YB Menteri pada 24 Mei 2011.

Bagaimanapun pada Julai 2011, TLDM telah menerima surat daripada BNS yang menyatakan cadangan tersebut telah dipinda dan dipersetujui oleh YB Menteri. Persetujuan cadangan pindaan dari SIGMA ke GOWIND tidak didokumentasikan dan pemakluman tersebut hanya diperolehi dari BNS bukannya MINDEF. Beliau telah mengeluarkan surat bagi menyatakan pendirian TLDM yang tidak setuju terhadap pemilihan GOWIND berdasarkan perkara-perkara berikut:

a. Reka bentuk daripada Perancis masih belum dibuktikan lagi.
b. Reka bentuk tersebut adalah terlalu pendek serta kapasiti dan keupayaan adalah terhad.
c. Reka bentuk tersebut tidak memenuhi keperluan TLDM.

Selain itu, TLDM juga tidak bersetuju dengan pemilihan SETIS *Combat Management System* (CMS) kerana ia juga masih belum dibuktikan lagi. TLDM telah mencadangkan TACTICOS yang mana ia telah pun terpasang di KD Kasturi dan KD Lekir. TLDM telah mengemukakan pemilihan dan cadangan sebanyak 17 sistem peralatan utama, hanya 10 sahaja dipersetujui dan tujuh (7) lagi tidak dipersetujui oleh BNS.

"Laksamana Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Jaafar: *Okey, untuk makluman Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Ahli-ahli. Kita telah membuat satu persembahan kepada Yang Berhormat Menteri tentang cadangan perolehan dan keupayaan, selepas enam kali mesyuarat CNB. Enam kali mesyuarat CNB sejak bulan Oktober 2009 hingga bulan Mei 2010. Enam kali mesyuarat. Setiap kali mesyuarat saya hadir dan saya tentukan semua ahli mesti ada. Maknanya, they were very consistent, because this is a big project. Kita telah mendapat persetujuan and all were recorded, bukan sahaja dengan recording, siap dengan surat-menyurat untuk kepastian dan disahkan oleh bahagian perolehan juga bahawa kenyataan dalam surat itu adalah tepat. Dipersetujui oleh Yang Amat Berhormat Menteri pada 24 Mei 2011. Tarikh 2010 dan 2011, minta maaf ya. Dari bulan Oktober 2010 sehingga Mei 2011.*

Jadi, apabila kita menerima satu surat daripada Boustead yang telah ditandatangani oleh Laksamana Madya Tan Sri Ahmad Ramli bin Mohd Nor pada bulan Julai tidak silap saya. Bulan Julai 2011, menyatakan telah dipersetujui oleh Yang Berhormat Menteri, saya tertanya-tanya adakah betul daripada Yang Berhormat Menteri? Saya tanya dan dia kata betul. Akan tetapi tidak ada documentation di dalam itu. Pada awalnya, mereka tidak komited tetapi mereka kata betul telah dipinda oleh Yang Berhormat Menteri tetapi not in a written form. Normally, kalau ada perbezaan, perubahan, it must be in a written form. The letter shall be prepared by the KSU or TKSU, but it was just from Laksamana Madya Tan Sri Ahmad Ramli bin Mohd Nor.

So, saya tertanya-tanya. Who is he to decide? Kenapakah dia dapatkan mandat daripada Yang Berhormat Menteri directly? Itu persoalannya. Jadi, saya sampai sekarang tidak pernah lihat suratnya dan Menteri mengesahkan yes, dipinda. Akan tetapi certainly I felt very dejected. I followed on with another letter to say our disagreement. Banyak sebab yang kami tidak setuju. All written– Satu adalah, the design. The French design was not proven. Even satu kapal dia kata it is just [Tidak jelas]– Offshore patrol vessel milik mereka hanya sebuah sahaja digunakan oleh– itu pun built by DCNS untuk jadi bahan umpan kepada negara-negara lain. The French pun tidak setuju dengan design itu. Tidak setuju. It was not a proven design. Kedua, ia very short. It will not– kapasiti, capability very limited. It has to be lengthened in order to be fitted with more sophisticated equipments ataupun peralatan yang lebih canggih, yang technology driven.

Ketiga, ia tidak memenuhi keperluan TLDM. Walhal, the design by the Dutch, the SIGMA is already a proven design. In fact, it is now already operational in a few countries, Indonesia, Maghribi, Morocco and a few other countries. In fact, Damen Schelde, the pembuat, berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai hubnya. That was a loss of opportunity. They were very willing to work with BNS, but why we stayed with the French? I do not know. We had bad experiences dengan French, especially the submarine. We find that the French here does not fulfill their promises. We have got big issue now, I think Ketua Setiausaha can– jadi, saya sebagai Panglima TLDM ketika itu, sangat bersedih.

Kita tidak setuju dengan SETIS combat management system (CMS). Ia juga not proven, was not proven. Kita

mencadangkan TACTICOS yang telah pun terpasang dengan canggih, dengan baiknya di KD Kasturi dan KD Lekir. Kita upgrade and now it is being serviced by local company, HeiTech Padu Berhad. We lost that. And now what happened? The CMS, the integration was supposed to be done by one company and that company has declared that they were incapable of continuing. Put on record, please. I want all of you to investigate further on this. The company is Contraves Advanced Devices Sdn Bhd (CAD).

RM3 billion has been paid. Sorry, RM3 billion was allocated, RM2.1 billion has been paid and that is the total amounting about 77 percent. I was told that they have declared that they were not capable of moving, I was told. This must be investigated. Ketua Setiausaha, please. This is sad. Apa yang paling sedih sekali, tidak ada external auditor yang boleh memasuki syarikat tersebut untuk buat audit. Kalaulah Tan Sri Ambrin Buang were to ask me, I would have asked him to investigate on that, but he did not call me. So, that opportunity was lost.

Jadi, banyak pemilihan atau pun cadangan yang dicadangkan oleh TLDM melalui the main equipment system— 17 main equipment systems, 10 dipersetujui, tujuh tidak dipersetujui oleh Boustead Naval Shipyard. Tujuh. So, saya kata, "My God!". Short of telling him, "Being an ex-Navy, beliau ini, you are not helping the Navy at all". I expected…"

[Muka surat 23 - 25, Laporan Prosiding Bil. 1(e)/2020 bertarikh 27 Julai 2021]

iv. **YBhg. Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [Pengarah Program LCS, Syarikat Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd] dalam prosiding Bil. 1 (g)/2020 bertarikh 27 September 2021** menjelaskan bahawa berdasarkan bacaan daripada rekod-rekod dan dokumentasi yang ada, pertimbangan pihak BNS di dalam mencadangkan reka bentuk dari Perancis mengambil kira hubungan strategik sedia ada di antara pihak BNS, TLDM dan Naval Group.

> ***"Encik Ir. Azhar bin Jumaat:*** *Tuan Pengerusi, saya kalau boleh tidak mahu menjadi spekulatif dalam aspek ini. Akan tetapi daripada segi apa yang saya baca daripada rekod-rekod dan dokumentasi yang ada, pertimbangan pihak BNS di dalam mencadangkan reka bentuk dari Perancis mengambil kira hubungan strategik sedia ada antara pihak BNS, TLDM dan juga DCNS back then.. atau sekarang ini Naval Group dalam perolehan kapal selam TLDM atau Scorpene di mana kapal selam Scorpene TLDM itu juga direka bentuk dan dibina oleh syarikat Perancis yang sama ini. Jadi sebagai salah satu pertimbangan strategik, mengambil kira hubungan kerjasama strategik yang telah sedia ada terjalin dengan itu pihak Boustead telah mencadangkan agar reka bentuk daripada syarikat yang sama ini dipertimbangkan oleh pihak kerajaan yang di mana akhirnya pihak kerajaan telah bersetuju atas cadangan balas daripada Boustead tersebut.*
>
> *Saya hendak clarify – itu adalah pengamatan saya dari segi apa yang saya telah baca daripada dokumen-dokumen sedia ada dalam Boustead. Saya rasa saya tak boleh nak kata secara muktamad because saya tidak terlibat dalam fasa pemilihan dan cadangan tersebut di*

pihak Boustead never siap..... pada masa tersebut Yang Berhormat. I just still want to clarify myself, thank you."

[Muka surat 16 - 17, Laporan Prosiding Bil. 1(g)/2020 bertarikh 27 September 2021]

v. **Laksamana Muda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung bin Abdullah [Asisten Ketua Staf Kejuruteraan TLDM] dalam prosiding Bil. 1 (h)/2020 bertarikh 12 Disember 2021** memaklumkan bahawa pada tahun 2010 TLDM telah memilih reka bentuk SIGMA daripada Damen Shipyards, Belanda.

"Laksamana Muda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung bin Abdullah [Asisten Ketua Staf Kejuruteraan Tentera Laut Diraja Malaysia]: *Yang Berhormat Dato' Seri, affirmative daripada pihak TLDM pada tahun 2010. Proposal yang dimajukan oleh TLDM adalah designed by Damen Belanda. Thank you, Yang Berhormat.*

Tuan Pengerusi: *Designed by? Damen?*

Laksamana Muda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung bin Abdullah: *Damen Shipyards.*

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: *Damen Shipyards daripada Belanda.*

Tuan Pengerusi: *So, ia design Gowind or Sigma?*

Laksamana Muda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung bin Abdullah: *That one is Sigma.*

Tuan Pengerusi: *Sigma. So, itu adalah cadangan dari TLDM lah?*

Laksamana Muda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung bin Abdullah: *Ya, Yang Berhormat."*

[Muka surat 12, Laporan Prosiding Bil. 1(h)/2020 bertarikh 11 Disember 2021]

6.5 *Variation Order* (VO) Bagi Pertukaran Peralatan Utama Dan Kelewatan Projek

i. **YBhg. Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [Pengarah Program LCS, Syarikat Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd] dalam prosiding Bil. 1 (g)/2020 bertarikh 27 September 2021** memaklumkan bahawa BNS telah mengemukakan *feasibility study* bagi pertukaran IPMS kepada Pasukan Projek TLDM pada tahun 2017 iaitu selepas keperluan pertukaran IPMS dibangkitkan pada Disember 2016. *Feasibility study* ini telah menyatakan dengan jelas sekiranya pertukaran IPMS dilaksanakan dalam masa tersebut ia mempunyai impak kelewatan pada kapal LCS1 sebanyak 12 bulan dan LCS2 enam (6) bulan.

Manakala bagi pertukaran DLS, BNS telah mengemukakan *feasibility study* pada Februari 2016 dan menyatakan impak pertukaran DLS akan menyebabkan kelewatan LCS1 antara 12 hingga 14 bulan dengan kos tambahan sebanyak RM79 juta.

"Encik Ir. Azhar bin Jumaat: *Ia berlaku Yang Berhormat Permatang Pauh. Di mana kalau kita tengok kepada apa yang saya paparkan pada skrin ini. Untuk ini, kita telah majukan feasibility study kepada pasukan projek TLDM pada April 2017*

selepas ia di-mooted-kan keperluan untuk pertukaran peralatan tersebut pada Disember 2016. Feasibility study ini telah menyatakan dengan jelas. Kalau ia dilaksanakan dalam masa tersebut ia mempunyai impak kelewatan pada kapal pertama sebanyak 12 bulan dan kapal kedua enam bulan. Itu adalah pada April 2017. Ia telah dinyatakan dengan jelas akan implikasi kelewatan masa. Akan tetapi, kita tidak claim cost pada masa tersebut.

Pada Januari 2018, saya majukan cadangan variation kepada pihak kerajaan dengan tanpa kos. Akan tetapi, kita naikkan impak masa itu kerana ia mengambil masa daripada April sampai ke Januari dalam proses berbincang, rujuk, validate dan semua di mana saya membuat persembahan kepada ibu pejabat TLDM di Kuala Lumpur dan kita nyatakan impaknya pada November 2017 tersebut ialah kapal pertama 14 bulan, kapal kedua lapan bulan dan kapal ketiga dua bulan. Itu adalah amat konsisten dengan apa yang telah kita nyatakan melalui feasibility study yang telah kita majukan secara rasmi pada April 2017 tersebut. Jadi, bagi saya isu ia bukan satu yang tiba-tiba timbul secara mendadak dan tiba-tiba sahaja, tidak.

Harap penjelasan saya itu dapat menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh. Perkara yang sama juga kita lihat dari segi aspek pertukaran Decoy Launching System yang saya paparkan di slaid ini. Kita telah majukan feasibility study pada Februari 2016. Way back tahun 2016, menyatakan impak pertukaran Decoy Launching System akan menyebabkan kelewatan kapal pertama antara 12 hingga 14 bulan dengan kos sebanyak RM79 juta tambahan dan pihak BNS juga turut menekankan syarikat tidak recommend, tidak mencadangkan agar peralatan

tersebut ditukar. Ini kerana ia akan memberi implikasi yang tinggi kepada projek. Akan tetapi, ia masa diteruskan di mana satu keperluan dinyatakan oleh pihak TLDM ialah untuk ia ditukar juga. Kita cuba untuk memberi penjelasan bagi satu bukan warning tetapi some cautionary statement kepada pihak pengguna, you know. Jika perkara-perkara ini ditukar ia akan mempunyai impak atau implikasi kepada projek.

Semua ini direkodkan dan kita mempunyai the audit trailed for it."

[Muka surat 26 – 27, Laporan Prosiding Bil. 1(g)/2020 bertarikh 27 September 2021]

Seterusnya **YBhg. Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat** dalam prosiding yang sama turut memaklumkan bahawa pada Januari 2018, BNS memperakui wujudnya kepincangan, kelemahan dan kekurangan yang ada pada pihak syarikat dan telah mencadangkan VO tanpa kos kepada MINDEF. Kos tersebut akan ditanggung oleh BNS. BNS juga telah mencadangkan supaya MINDEF meluluskan *extension of time* (EOT) bagi tempoh 14 bulan. Walau bagaimanapun tiada sebarang keputusan atau persetujuan dapat dicapai daripada cadangan tersebut. Pada Januari 2019, VO telah dikeluarkan oleh MINDEF kepada BNS bagi melaksanakan kerja-kerja. Namun begitu dimaklumkan VO tersebut diluluskan tetapi tidak muktamad kerana proses pemuktamatan adalah diperingkat MOF. Proses perbincangan dan rundingan terus berlangsung secara berterusan tanpa sebarang keputusan sehingga menyebabkan BNS mengalami kesukaran dalam menyiapkan reka bentuk.

***"Encik Ir. Azhar bin Jumaat:** ... Akan tetapi ingin kita jelaskan ini pada Januari 2019 itu memang pihak BNS ataupun pasukan*

projek sedia maklum yang tidak mungkin kapal itu boleh disiapkan by April 2019 even without the VO because masa itu memang ada perubahan-perubahan yang masih lagi dalam perbincangan yang tidak dimuktamadkan lagi. Kita juga tidak dapat meneruskan proses detailed design tersebut secara terus menerus. Sukacita juga saya hendak bangkitkan di sini untuk menarik perhatian Yang Berhormat semua ya.

Pada Januari 2018, jadi cadangan variation proposal daripada pihak syarikat, pihak syarikat telah memperakui kepincangan, kelemahan dan kekurangan yang ada pada pihak syarikat di dalam melaksanakan projek ini dan juga pihak syarikat telah mencadangkan variation proposal pada pihak KEMENTAH tanpa kos. Kos itu akan di-absorb oleh pihak syarikat cuma cadangan pihak syarikat ialah untuk kementerian meluluskan extension of time because extension of time memang tidak boleh ditampung oleh syarikat BNS. Kita minta masa itu 14 bulan, lapan bulan dengan enam bulan untuk tiga kapal yang pertama.

That one cadangan daripada BNS pada Januari 2018 tetapi tiada sebarang keputusan atau persetujuan dapat dicapai daripada cadangan tersebut hanya pada Januari 2019, setahun kemudian baru variation order dikeluarkan kepada kami untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut. Namun begitu variation order itu pun juga tidak jelas di mana dia kata the variation order ini diluluskan tetapi tidak muktamad. Tertakluk kepada proses pemuktamatan daripada Kementerian Kewangan agak vague lah untuk BNS meneruskan kerja.

Apakah maksud telah diluluskan tetapi tidak muktamad? Jadi ini soalan-soalan yang saya sendiri tidak boleh jawab daripada segi untuk melaksanakan projek ini daripada peringkat

pelaksanaan. Harap itu memberi sedikit penjelasan ataupun perspektif berbeza kepada Yang Berhormat Dr. Mohd. Hatta. Ya kita akui memang kapal itu tidak akan siap pada Januari 2019 by April 2019. Akan tetapi benda itu telah dibincangkan lebih awal dalam isu proses perubahan itu even dibangkitkan semenjak 2016 lagi.

So proses, bincang, negosiasi dan juga pemendapan ini berlangsung secara berterusan tanpa pengakhiran. Jadi kesukaran yang dihadapi oleh pihak syarikat ialah tiada finalization pemuktamatan kepada isu pertukaran peralatan itu jadi macam mana saya hendak siapkan reka bentuk. Kalau kata you tukar di call launching system IPMS in January 2019 diluluskan tetapi tidak dimuktamadkan. Adakah saya sanggup untuk continue dengan proses reka bentuk dan peralatan baru dengan tahunya ia tak muktamad. Soalan saya kepada pihak KEMENTAH back then cakap adakah muktamad ini, adakah kemungkinan kita akan review balik kepada peraturan asal. Tidak ada sebarang jawapan yang jelas jadi macam mana pihak syarikat untuk meneruskan proses reka bentuk dengan ketidaktentuan seperti ini.

So, saya bukannya cuba untuk menuding jari kepada sesiapa tetapi itulah dilema dan juga kesukaran, constraints yang dihadapi oleh pihak syarikat berlandaskan fakta kejadian dan juga dokumentasi yang telah sedia ada."

[Muka surat 25 – 26, Laporan Prosiding Bil. 1(g)/2020 bertarikh 27 September 2021]

ii. **YBhg. Datuk Ruji bin Ubi [Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MINDEF] dalam prosiding Bil. 1 (g)/2020 bertarikh 27 September 2021** menjelaskan bahawa VO bagi

pertukaran peralatan utama bukanlah penyebab kepada kelewatan. Terdapat pertambahan kos dalam pertukaran IPMS dan DLS iaitu sebanyak RM400 juta yang mana sukar untuk dijustifikasikan.

"Tuan Pengerusi: *Okey. Terima kasih. Dari MinDef Datuk Ruji, boleh secara general jelaskan kepada pihak PAC apakah pandangan pihak MinDef berkenaan dengan kenyataan ataupun pendirian dari BNS yang menyatakan a lot of uncertainties hasil daripada VO there is no final decision dan tidak ada keputusan muktamad so that yang menyebabkan projek tidak dapat berjalan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Anything to add from you Datuk Ruji?*

Datuk Ruji bin Ubi: *Just a simple one Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Seperti yang saya sebut tadi ada empat perkara yang selalunya akan dijadikan oleh pihak — minta maaf lah ya Ir. Azhar. Dijadikan oleh pihak BNS sebagai alasan macam saya sebut tadi pernah dibangkitkan dalam mesyuarat yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri sebelum ini tetapi kita nyatakan bahawa VOV81 disebutkan itu bukanlah penyebab kepada kelewatan dan bersama kami juga Yang Berhormat Tuan Pengerusi ini saya sebut tadi ada team project kalau hendak kata dari segi teknikalnya yang IPMS dan DLS ini tadi Ir. Azhar sebut tanpa kos ya.*

Sebenarnya, ada if I'm not mistaken yang "A" itu sudah diluluskan tanpa sebarang kos tetapi yang IPMS dan DLS ini kita rujuk kepada MoF dan MoF rujuk kita balik dan difahamkan oleh team project dari segi detil dan justifikasi untuk tambahan kos untuk dua perkara ini Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli PAC sebanyak RM400 juta lebih. Ini yang sukar untuk pihak MinDef untuk justified dan

berdasarkan yang latest punya status ini, ini perkara-perkara yang sepatutnya dibincangkan dari segi hala tuju nanti.

Jadi, sekali lagi saya tekankan Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli PAC, perkara ini pernah dibangkitkan sama ada VO ini penyebab utama kepada kelewatan dan pernah disebut sebelum ini, ini bukan penyebab utama. Ini adalah— yes it is an issue tetapi bukan penyebab utama dan perkara-perkara yang IPMS dan DLS ini memang kita kena refer ke MoF balik tetapi difahamkan oleh pegawai saya sebelum ini perkara ini MoF minta kita untuk angkat dari segi new direction-nya itu Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

So, itu komen awal saya. Terima kasih."

[Muka surat 27 – 28, Laporan Prosiding Bil. 1(g)/2020 bertarikh 27 September 2021]

iii. **Laksamana Muda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung bin Abdullah [Asisten Ketua Staf Kejuruteraan TLDM] dalam prosiding Bil. 1 (h)/2020 bertarikh 12 Disember 2021** memaklumkan bahawa terdapat tiga (3) VO yang telah dikeluarkan iaitu:

a. VO berkaitan *surface-to-surface missile* iaitu peluru berpandu ke permukaan. Di awal projek TLDM mengkehendaki *Naval Strike Missile* (NSM) daripada Kongsberg. Akan tetapi, apabila kontrak ditandatangani, misil tersebut telah ditukar kepada Exocet daripada Perancis MBDA. VO dikeluarkan bagi NSM.

b. VO *Decoy Launching System* (DLS). DLS dipersetujui TLDM dan dimajukan kepada BNS. Ini kerana kilang *Decoy Launching System* di UK, telah terbakar.

c. VO *Integrated Platform Management Systems* (IPMS). Pertukaran ini dilaksanakan olen MINDEF tanpa persetujuan TLDM. TLDM hanya mengemukakan surat bagi pelaksanaan *feasibility studies.* Ini kerana pada masa tersebut, projek ini telah mengalami kelewatan daripada segi reka bentuk IPMS.

"Laksamana Muda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung bin Abdullah: *Terima kasih Yang Berhormat. Soalannya, variation order, berlaku perubahan. At the moment, terdapat tiga variation orders.*

Untuk variation orders yang pertama berkaitan surface-to-surface missile iaitu peluru berpandu ke permukaan, TLDM berpendirian daripada awal projek, TLDM hendak Naval Strike Missile (NSM). Tiada perubahan. Akan tetapi, apabila kontrak ditandatangani, misil tersebut adalah Exocet daripada Perancis MBDA. Apabila kontrak telah ditandatangani dan tengah-tengah jalan, terdapat permohonan— bukan daripada TLDM— untuk patah balik kepada NSM. Ini yang berlaku variation order yang pertama. TLDM berpendirian daripada awal we want Naval Strike Missile daripada Kongsberg as highlighted by mantan PAT, Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz. And he even approached Prime Minister. The only Chief of Navy sejak penubuhan navy jumpa Perdana Menteri. Dia tidak puas hati. This is first in history. I can quote here.

The second is about Decoy Launching System (DLM). DLM agreed ini daripada TLDM dimajukan kepada Boustead

halfway kerana Decoy Launching System di UK, factory yang buat Decoy Launching System, factory-nya terbakar. Apabila factory sudah terbakar, ia tidak hendak buat balik factory itu balik. Basically, alat ini obsolete, not supportable anymore. And we have all the record menyatakan ia terbakar and its evidence. Adalah. So, that is yang kedua, yang sudah berlaku. Kita admit daripada navy.

VO yang ketiga adalah yang berkaitan Integrated Platform Management Systems (IPMS). Ini bukan daripada navy tetapi on paper sudah sign seemed like for MinDef but initially it is not for the navy. Navy sent a letter untuk laksanakan feasibility studies sahaja. Why feasibility studies kerana masa tersebut, projek ini sudah delay daripada segi design of IPMS. Too slow and so on. So, I hope, I answer the question why VO being raised.

Next question here Yang Berhormat tanyakan soalannya, kalau saya faham, adakah VO ini menyebabkan projek ini delay? Partly, ada sedikit tetapi not the major, in our perspective. But in terms of Boustead, diuar-uarkan— I am accusing Boustead— from the start of this project, dia menyatakan variation order adalah punca delay. It is half true. I do not say this fully that. It is half true.

My view and my perspective to answer Yang Berhormat punya soalan tadi why punca delay, maybe I am not the right to answer on BNS, but my view, personal view because of design. Now, design no issue because 80 percent almost completed.

But four to five years ago, the design was delayed a bit, detail design. Why detail design delayed? A lot of issues. We got

data information and some procurement issue and so on. All are associated. That's one perspective.

Second perspective highlighted is cash flow. Cash flow of the project. That, we are not going to cover because this is a company thing.

Third is management. Management are two things. Management of the project itself, no issue. Next is the management of the programme. The programme ini ada isu in our perspective. This is because the viability of the programme is not viable in some context because if we want to manage a project or a programme, the programme must be in your control. To control the programme, you must control the money. So, this is the structure of contractual of BNS with all the vendors. The best is BNS should control all the money and dealing with OEM, not dealing with orang tengah or third party and the third party handling one-third of your money. Means the project or the progress is not viable, but the project level is okay. But that one internal issue, I am not going to elaborate further. That is my holistic view itself. Maybe I am wrong. Thank you, Tuan Pengerusi."

[Muka surat 19 - 20, Laporan Prosiding Bil. 1(h)/2020 bertarikh 11 Disember 2021]

6.6 *Liquidated Ascertained Damages* (LAD) / Denda Lewat Berjumlah RM180 juta

YBhg. Dato' Sri Muez bin Abdul Aziz (KSU MINDEF) dalam prosiding Bil. 1 (b)/2020 bertarikh 18 November 2020 menjelaskan bahawa atas nasihat Penasihat Undang-undang (PUU) MINDEF, notis peringatan telah dikeluarkan pada 14 Jun 2019 bagi kelewatan

penyerahan kapal LSC1 selama 245 hari daripada tarikh sepatutnya diserahkan iaitu pada April 2019. Notis tuntutan hanya boleh dikeluarkan setelah amaun sebenar LAD dikenal pasti. Walau bagaimanapun kelewatan LCS1 telah melebihi nilai maksima pengenaan kelewatan, maka notis tuntutan LAD telah pun dikeluarkan pada 10 Ogos 2020. Denda kelewatan bagi LCS1 pada 13 Oktober 2020 adalah berjumlah RM180 juta. Tuntutan bayaran sebanyak RM80 juta telah di *set off* daripada jumlah denda kelewatan tersebut.

"Tuan Pengerusi: *LAD hanya boleh dikeluarkan selepas 12 bulan apabila amaun itu fixed. In a lot of times in legal practice, after three months you can actually issue out the letter of demand already. You can say denda lewat is actually still growing from time to time until it fixed one day. So, I think PUU kena jawab isu ini...*

Dato' Ahmad Husaini bin Abdul Rahman: *Untuk makluman Tuan Pengerusi, PUU tiada bersama-sama dengan kementerian. Cuma daripada segi kementerian melaksanakan untuk mengenakan LAD ini sebab kenapa kita tunggu sampai ke 12 bulan. Sekiranya kalau tiga bulan kalau di kapal itu sudah deliver, kita akan keluarkan sebab bila sampai tiada kapal pun yang kita— kita tidak certain ataupun kita tidak pasti berapakah nilai LAD yang boleh kita tuntut sebab itu kita dah certain 12 percent baru kita keluarkan LAD lah.*

Kalau contohnya empat bulan selepas itu PHO dah diterima, kita akan keluar tetapi yang ini kapal— kementerian tidak mahu membuat notis LAD setiap bulan ke setiap bulanlah. So, bila benda itu dah certain berlaku, baru kita keluarkan LAD RM180 juta."

[Muka surat 17 – 18, Laporan Prosiding Bil. 1(b)/2020 bertarikh 18 November 2020]

"Datuk Ruji bin Ubi: *Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Tuan Pengerusi, actually as being told by Dato' Sri tadi, instead of build strategy kaedah yang digunakan ialah activity strategy. So, kalau ada aktiviti di LCS4 and LCS5, actually the company still ada claim ke kita but after April 2020 kita ada tolaklah dia punya LAD. Macam Dato' Sri sebut tadi dalam RM80 juta kita ada tolak based on LAD yang dikenakan RM180 million... "*

[Muka surat 20, Laporan Prosiding Bil. 1(b)/2020 bertarikh 18 November 2020]

6.6.1 Penetapan *Capping* Sejumlah 12% Atau RM180 Juta Dalam Kontrak Utama

i. **YBhg. Dato' Ahmad Husaini bin Abdul Rahman (Setiausaha Bahagian Perolehan MINDEF) dalam prosiding Bil. 1(b)/2020 bertarikh 18 November 2020** menjelaskan bahawa *capping* bernilai RM180 juta ialah persetujuan semasa kontrak utama ditandatangani pada tahun 2014. Nilai tersebut adalah berdasarkan LAD bagi sebuah kapal iaitu RM1.5 bilion.

"Dato' Ahmad Husaini bin Abdul Rahman: *RM180 million capping itu, itu adalah persetujuan semasa kontrak ini ditandatangani pada tahun 2014 yang lepaslah. Itu dalam kontrak utama telah dipersetujui sebanyak ada capping dalam kontrak tersebut.*

Tuan Pengerusi: *So, I think soalan daripada PAC, ahli-ahli pun hendak tahu sama ada capping itu adalah sesuatu yang wajar and that was like given blank cheque for the contractor to actually delay the matter. I mean their loss is only at the maximum of 12 percent. So, semasa rundingan*

perjanjian ini, bagaimanakah RM180 juta ini boleh dimasukkan? I think that is a concern by PAC.

Dato' Ahmad Husaini bin Abdul Rahman: *Untuk nilai RM180 juta itu, ia adalah berdasarkan LAD satu kapal kita ambil satu kapal berdasarkan RM1.5 billion, that is the capping."*

[Muka surat 18, Laporan Prosiding Bil. 1(b)/2020 bertarikh 18 November 2020]

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: *Terima kasih Tuan Pengerusi. So, berkaitan penjelasan tersebut adalah in tandem lah Tuan Pengerusi. Dalam dokumen kontrak ini memang menyatakan ada capping. Memang jelas mengatakan bahawa average price satu vessel itu seperti yang dikatakan RM1.5 billion Tuan Pengerusi. Jadi daripada segi pengenaan kalau ada kelewatan pun dia sudah diambil kiralah, sehingga dalam— memang tertulis dalam perkara nombor 30.1 dalam main agreement ini. Memang menyatakan bahawa, memang sudah jelas mengatakan dengan izin, Tuan Pengerusi. "For each month of delay provided always that the total sum of the liquidated damages shall not exceed 12 percent..." Dia menyatakannya, tidak melebihi 12 peratus daripada nilai tersebut Ahli-ahli Yang Berhormat.*

Daripada segi praktikalnya, daripada segi pentadbiran itu kalau sepatutnya kenalah, kena every month, every month. Itu sebabnya memang tidak praktikal kami jangka pada masa itulah. Jadi kita tunggu sampai ke 12 bulan baru kita tahu ascertain berapa, how much amaun LAD yang kita

akan kenakan Tuan Pengerusi. So, amaun itu kena beri masa, ruang memang dinyatakan supaya boleh dikenakan.

Jadi bukanlah masalah PUU, orang bagi maklumat, bagi nasihat secara apa, itu tidak ada Tuan Pengerusi, memang tidak adalah. Dia kata ini PUU punya advise. It is not that the case lah. Memang MINDEF berpandangan kita ambil untuk memudahkan daripada segi pengurusan sahajalah sebagai pentadbir kontrak sehingga 12 bulan itu baru kita impose-kan berapa amaun, baru senang kita hendak kiralah.

Selalunya dari segi practice-nya kita tidak kenakan every month, every month dan sebagainya.

...

***Tuan Pengerusi:** Hendak tambah Dato' Husaini. Ada?*

***Dato' Ahmad Husaini bin Abdul Rahman:** Memang kita maklum klausa 30.1 itu tetapi kita ada keluarkan notis yang kita akan kenakan LAD kepada pihak syarikat bila dia sudah sampai tempoh PHO itu, pada Jun 2019 kita sudah maklumkan notis kenaan LAD. So, LAD sebab kita maklum pada syarikat, BNS telah lewat so kita akan mengenakan LAD kepada syarikatlah. Kita sudah maklum kita akan ambil tindakan LAD.*

[Muka surat 36, Laporan Prosiding Bil. 1(b)/2020 bertarikh 18 November 2020]

6.7 Kelemahan Klausa Kontrak

A. Kemajuan Pembayaran Melebihi Kemajuan Kerja Sebenar – Pembayaran Mengikut Kemajuan Aktiviti Dan Bukan Kemajuan Kerja

Kemajuan Pembayaran (*Progress Payment*) yang dibuat terhadap LCS1 hingga LCS5 adalah melebihi kemajuan kerja sebenar seperti di **Jadual 6**.

Jadual 6
Perbanding Di Antara Kemajuan Pembayaran Dengan Kemajuan Kerja Sebenar

KAPAL	KEMAJUAN PEMBAYARAN (%)	KEMAJUAN KERJA SEBENAR (%)	PERBEZAAN (%)
LCS1	63.77	44.10	19.67
LCS2	60.39	34.98	25.41
LCS3	53.39	31.82	21.57
LCS4	48.49	26.54	21.95
LCS5	36.20	16.06	20.14
LCS6	0	0	0

Sumber : Pembentangan MINDEF bertarikh 18 November 2020

i. **YBhg. Dato' Sri Muez bin Abdul Aziz (KSU MINDEF) dalam prosiding Bil. 1(b)/2020 bertarikh 18 November 2020** menjelaskan bahawa kemajuan pembayaran dibuat berdasarkan aktiviti seperti yang dinyatakan dalam *Supplementary Agreement* (SA) dan tidak berdasarkan kepada kemajuan kerja.

> ***"Tuan Pengerusi:*** *Sekiranya, kita perhatikan pembayaran yang telah pun dibuat dalam slaid nombor tujuh adalah sebanyak 36.2 peratus berbanding dengan yang siap 16 peratus. So, apakah— I mean isu ini telah pun di-picked up oleh pihak audit dalam LCS1 dan saya nampak untuk LCS2, 3, 4 dan 5 ini memang sama. Isu yang sama. So, boleh tidak jelaskan? Terima kasih.*

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: *Ya, Yang Berhormat seperti yang dimaklumkan kita ada main contract yang telah tandatangani dan sebahagiannya kita ada supplementary contract tadi. Ada empat tadi Yang Berhormat. Supplementary contract itu ada membenarkan dalam kontrak any progress yang dibuat atas kapal tersebut aktiviti yang ada dalam kapal tersebut— Dia tidak kata siap tidak siap lagi Yang Berhormat. Any activity seperti dia beli generator, dia beli enjin, dia beli kipas contohnya dan kapal tersebut kita government kena membuat bayaran tersebut, Yang Berhormat. Itu memang kita follow, memang kita absolutely follow kontrak tersebut yang kita sudah finalise-kan yang termasuk ada terdapat lebih kurang ada empat kontrak supplementary tersebut. Memang dia terkandung. Kalau apa yang pihak audit boleh tengok. Jadi, bayaran itu adalah teratur Yang Berhormat. Bayaran teratur."*

[Muka surat 12 – 13, Laporan Prosiding Bil. 1(b)/2020 bertarikh 18 November 2020]

ii. **YBhg. Laksamana Pertama Shaiful Bahri bin Baharuddin [Ketua Pengarah Pasukan Projek LCS TLDM, Kementerian Pertahanan] dalam prosiding Bil. 1 (d)/2020 bertarikh 16 Disember 2020** memaklumkan bahawa secara dasarnya jadual pembayaran dan *payment data dictionary* telah disediakan bagi tujuan pengesahan kerja-kerja yang telah dibuat dan boleh dipertimbangkan untuk pembayaran. Berdasarkan kontrak, pembayaran akan di buat berdasarkan aktiviti yang dijalankan.

"Laksamana Pertama Shaiful Bahri bin Baharuddin [Ketua Pengarah Pasukan Projek LCS TLDM, Kementerian Pertahanan]: *Tuan Pengerusi, saya Laksamana Shaiful,*

current project director for RMN. With regards to payment Yang Berhormat, basically, kita memang we already have our payment schedule and then we also have our so-called payment data dictionary which describes what are the things that kita kena fulfill before we can so-called endorse atau we can sahkan kerja-kerja telah dibuat dan boleh dipertimbangkan untuk payment.

Berdasarkan kepada kita punya main contract, kita punya payment adalah berdasarkan kepada aktiviti. Kita bukan berdasarkan kepada sepertimana yang Yang Berhormat mentioned tadi yang saya faham, kita tak bayar kepada equipment. Kita bayar kepada aktiviti yang dijalankan. So, sekiranya dalam blok tersebut, katakan dalam blok engine room katakan, aktiviti yang perlu diadakan, yang perlu dibuat adalah contohnya, memasang enjin dalam itu. Jadi, kita akan bayar, kita akan sahkan kerja-kerja pemasangan telah dibuat, piping telah dibuat, paneling telah dibuat, then only we can consider untuk sahkan kerja-kerja dan payment boleh dilaksanakan. Jadi, bukan kita bayar equipment per se. Maknanya kita bayar berdasarkan aktiviti for that particular block and what are the equipment that are supposed to be installed in that block. Sepatutnya begitu."

[Muka surat 15, Laporan Prosiding Bil. 1(d)/2020 bertarikh 16 Disember 2020]

iii. **Laksamana Muda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung bin Abdullah [Asisten Ketua Staf Kejuruteraan TLDM] dalam prosiding Bil. 1 (h)/2020 bertarikh 12 Disember 2021** memaklumkan bahawa pembayaran oleh TLDM diluluskan oleh Bahagian Perolehan MINDEF adalah mengikut peraturan yang termaktub di dalam kontrak. Di mana di dalam kontrak,

pembayaran adalah berdasarkan jadual, garis masa dan aktiviti. Dari segi undang-undang ianya tidak menyalahi peraturan. Akan tetapi, dari segi projek, apabila melaksanakan pembayaran, pembayaran mestilah bukan berdasarkan aktiviti ianya berdasarkan kemajuan projek. Pembayaran berdasarkan aktiviti tidak disokong oleh TLDM. Pada 23 Januari 2013, TLDM telah mengemukakan surat yang menyatakan TLDM tidak bersetuju pembayaran berdasarkan aktiviti kerana ia tidak melindungi kepentingan Kerajaan. Hujah daripada pihak BNS pada masa tersebut, pembayaran berdasarkan aktiviti adalah bertujuan mendapatkan aliran tunai projek yang positif.

"Laksamana Muda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung bin Abdullah: *Thank you, Yang Berhormat. A good question by Yang Berhormat Sik. I'll try my level best to answer. The question Yang Berhormat Sik is adakah pembayaran ini mengikut tatacara peraturan yang dibenarkan. That's the question. My answer here ada dua.*

Pertama, pembayaran oleh TLDM diluluskan oleh Bahagian Perolehan Kementerian Pertahanan adalah mengikut peraturan yang termaktub di dalam kontrak. Di mana di dalam kontrak, pembayaran berdasarkan schedule, timeline, dan activity. Dari segi legal, this is binding, tidak menyalahi peraturan. Akan tetapi, dari segi projek, any project in the world, apabila kita melaksanakan pembayaran, pembayaran mesti bukan berdasarkan aktiviti. Pembayaran mesti berdasarkan projek, progress. Project progress.

Pembayaran berdasarkan aktiviti ini dahulu pada tahun 2013 tidak disokong oleh TLDM. Kita hantar surat pada 23 Januari 2013 menyatakan TLDM tidak berpendirian pembayaran

berdasarkan aktiviti kerana ia tidak melindungi kepentingan kerajaan.

Hujah daripada pihak BNS pada masa tersebut, pembayaran berdasarkan aktiviti kerana mereka hendakkan positive cash flow for the project. We are not going to discuss how to achieve positive cash flow. There's a way to achieve it but as a project team, as a Navy, we say project must be paid based on progress. This is the key. So, we registered 23rd January 2013. We can give the letter but there's no response. We submitted another letter dated 8th February 2013. So, I hope I answer Yang Berhormat Sik punya question lah."

[Muka surat 16, Laporan Prosiding Bil. 1(h)/2020 bertarikh 11 Disember 2021]

B. Pindaan Jadual Pembayaran Dalam Kontrak Utama

i. **YBhg. Dato' Sri Muez bin Abdul Aziz (KSU MINDEF) dalam prosiding Bil. 1(b)/2020 bertarikh 18 November 2020** menjelaskan bahawa pindaan terhadap jadual pembayaran dalam kontrak utama telah dicadangkan atau dimohon oleh pihak kontraktor / BNS.

*"**Tuan Pengerusi:** Itu soalan yang nak saya tanya Yang Berbahagia Dato' Sri, sebelum kita move on ke isu kelewatan. Sememangnya dalam rundingan perjanjian berkenaan dengan untuk meminda jadual pembayaran dan semua itu, siapa yang initiate pindaan ini? Siapa yang mulakan kata kita perlukan pindaan ini? That is nombor satu. Kedua, siapa dalam kementerian yang bertanggungjawab untuk meneliti dan mempertimbangkan pindaan-pindaan sebegini?*

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: *Untuk makluman Yang Berhormat, daripada segi pindaan— Okey, daripada apa kita maklumkan tadi, kita ada main contract, kita ada supplementary contract dan sebagainya itu adalah berasaskan daripada timbulnya benda ini, initiate daripada pihak kontraktorlah untuk memastikan pembayaran tersebut.*

Tuan Pengerusi: *So, kontraktor yang minta supaya that goes from supplemental, I mean untuk meminda jadual. Boleh tidak Dato'...*

Dato' Ahmad Husaini bin Abdul Rahman: *Tuan Pengerusi...*

Tuan Pengerusi: *Yang Berbahagia Dato' Ahmad Husaini bin Abdul Rahman.*

Dato' Ahmad Husaini bin Abdul Rahman: *Tuan Pengerusi, saya Husaini. Just nak respond. Sebenarnya permohonan ini dimohon daripada syarikat. Untuk projek LCS ini, kita ada team project. Team project yang bertanggungjawab untuk memantau keseluruhan perjalanan kontrak ini. So, apa-apa permohonan daripada syarikat, kita akan pertimbangkan dahulu dan team project akan timbangkan dan akan mengemukakan pandangan kepada kementerianlah.*

Untuk proses di kementerian, kita pun akan bermesyuarat, berbincang sama dengan pihak yang berkepentinganlah termasuk daripada navy dan di kementerian. Isu-isu berkenaan pindaan kontrak, bila kementerian sudah

bersetuju, kementerian akan mengangkat ke MOF untuk kelulusanlah. Selepas diluluskan dengan justifikasi yang diberikan oleh kementerian, MOF akan mempertimbangkan. Bila dipertimbangkan dan diluluskan oleh MOF, baru setelah itu kementerian menandatangani supplementary contract."

[Muka surat 16, Laporan Prosiding Bil. 1(b)/2020 bertarikh 18 November 2020]

ii. **YBhg. Laksamana Pertama Shaiful Bahri bin Baharuddin [Ketua Pengarah Pasukan Projek LCS TLDM, Kementerian Pertahanan] dalam prosiding Bil. 1 (d)/2020 bertarikh 16 Disember 2020** memaklumkan bahawa Pasukan Projek terlibat dalam proses rundingan bagi pindaan jadual pembayaran secara berfasa dalam SA. Pindaan bertujuan untuk memudahkan pembayaran dibuat kepada BNS.

"Laksamana Pertama Shaiful Bahri bin Baharuddin: *Tuan Pengerusi, berkaitan dengan perkara tersebut, payment restructuring sepertimana yang telah explained oleh mantan KP iaitu Yang Berbahagia Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat dan Yang Berbahagia Datuk. So basically, tujuan dia adalah untuk kita memudahkan payment dan secara tak langsung, kita dapat membantu di kedua-dua belah pihak. Maknanya kita ada bajet, so kita tak nak bajet kita ini tidak digunakan. Dalam masa yang sama, kita nak Boustead sebab Boustead kalau as what has been explained by Yang Berbahagia Kepten (B) Ir. Azhar tadi, kalau buat dapur, dia memerlukan masa. Kalau complete package sampai enam bulan baru siap, jadi mungkin dia tak dapat nak claim for that particular year. Jadi, mungkin kita dan pihak TLDM terpaksa memulangkan duit tersebut*

kepada pihak kerajaan. Jadi, that is why kita bersetuju pada dasarnya untuk kita pecahkan secara berfasa.

Tuan Pengerusi: *So, did the project team involve in the negotiation of the supplemental agreement untuk pecahkan kepada berfasa?*

Laksamana Pertama Shaiful Bahri bin Baharuddin: *Terlibat. Terlibat.*

Tuan Pengerusi: *Terlibatlah?*

Laksamana Pertama Shaiful Bahri bin Baharuddin: *Ya, terlibat."*

[Muka surat 15 - 16 Laporan Prosiding Bil. 1(d)/2020 bertarikh 16 Disember 2020]

6.8 Penggunaan Pembayaran Bukan Untuk Tujuan Projek Dan *Cost Overrun*

Sehingga 28 Oktober 2020, jumlah pembayaran yang dibuat oleh Kerajaan kepada BNS ialah RM6.08 bilion.

Sejumlah RM400 juta telah digunakan oleh BNS untuk menyelesaikan hutang lapuk projek lama iaitu *New Generation Patrol Vessel* (NGPV) dan RM1.005 bilion diklasifikasikan sebagai *cost overrun*.

YBhg. Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat menyatakan cost overun dalam lingkungan RM1 bilion telah dirujuk dan dilaporkan kepada pihak SPRM.

*"**Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat:** ... Di samping itu juga, kita juga akui isu pengurusan kewangan yang tidak cekap atau pun tidak dibuat proper check and balance oleh pihak syarikat yang mengalami ketirisan, yang kita cakap cost overrun dalam RM1 bilion yang lepas di mana ia telah dirujuk kepada satu proses audit forensic dan perkara ini telah dilaporkan kepada pihak SPRM."*

[Muka surat 31, Laporan Prosiding Bil. 1(g)/2020 bertarikh 27 September 2021]

PAC membangkitkan persoalan samaada RM6 bilion yang telah dibayar oleh Kerajaan telah digunakan sepenuhnya untuk projek LCS.

*"**Tuan Pengerusi:** So, samaada RM6 bilion itu digunakan sepenuhnya untuk pembiayaan projek ini ataupun ia telah pun digunakan untuk pembiayaan projek-projek sebelum ini?*

***Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat:** Untuk menjawab soalan Yang Berhormat, ada cost overrun berjumlah RM400 juta daripada RM6 bilion yang diterima daripada kerajaan telah digunakan untuk melunaskan hutang-hutang lapuk berkaitan dengan projek NGPV sebelum ini …*

RM400 juta untuk hutang lapuk New Generation Patrol Vessel, projek yang sebelum ini. RM305 juta untuk keperluan fasiliti integrasi di Cyberjaya. Shore integration facility dan software integration facility yang telag dibayar oleh pihak syarikat dan digunapakai di dalam membuat proses integrasi peralatan combat system.

So, RM400 juta untuk NGPV, RM305 juta untuk shore dan software integration facility…

Ada lagi RM700 juta tambahan. So, lebih kurang about RM1.4 bilion yang digunakan. RM700 juta yang ketiga ini digunakan cost overrun masih kepada projek LCS tetapi ia melebihi bajet asal yang ditawarkan kepada pihak kerajaan dalam ceiling of scope RM9 bilion itulah. So, ini adalah isu dalaman pihak BNS…"

[Muka surat 44 - 45, Laporan Prosiding Bil. 1(h)/2020 bertarikh 11 Disember 2021]

YBhg. Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat mengakui ia merupakan satu isu pengurusan yang bermasalah.

*"**Tuan Pengerusi**: So, apabila sekiranya dalam perjanjian yang ditandatangani— which I am pretty sure that you punya project team and your management would have thought about that and you cannot only think about this and make payment after the perjanjian was entered and make it a cost overrun. So, what is your ulasan over this?*

***Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat**: Okey.*

***Tuan Pengerusi**: I think it is more than poor management. It is more than poor management. It is not merely poor management.*

***Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat**: Secara jujurnya, apabila saya ambil alih projek ini, Tuan Pengerusi, itu adalah antara perkara-perkara utama yang kita temuilah daripada segi proses tadbir urus dan juga proses pengawalan kos dan juga pengawalan kewangan projek ini di mana ia tidak dikawal secara tuntas dan*

telus ya. Kebanyakannya telah berlaku sebelum tahun 2016. Kontrak-kontrak asal projek ini dianugerahkan kepada syarikat pihak kontraktor yang lainlah. Seperti RM400 juta pembayaran hutang lapuk BNS kepada NGPV punya projek ini, ia dibuat bayaran dalam tahun 2014 dan 2015.

Ya, secara umum, memang ia satu isu pengurusan yang bermasalah. Akan tetapi, ia diambil tindakan daripada segi siasatan yang telah saya maklumkan tadilah, Tuan Pengerusi, untuk pihak-pihak yang terlibat dalam proses membuat keputusan, mereka yang terlibat dan bertanggungjawab untuk memastikan tadbir urus itu dilaksanakan dengan baik perlu menjawab dan bertanggungjawablah..."

[Muka surat 45 - 46, Laporan Prosiding Bil. 1(h)/2020 bertarikh 11 Disember 2021]

PAC telah dimaklumkan bahawa secara kasar, margin keuntungan BNS dalam projek LCS adalah 10%.

*"**Tuan Pengerusi**: ... Daripada RM9 bilion projek ini, so apabila projek ini di-award-kan kepada BNS, what is the percentage ataupun margin of your profits like during that time? Because we are talking about cost overrun of RM1.05 billion.*

***Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat**: Okey.*

***Tuan Pengerusi**: So, your cost overrun cannot be more than your margin. So, berapa margin pada ketika itu yang dalam pengiraan pihak BNS?*

***Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf**: The official pengiraan ataupun justification, saya tidak pernah nampak, Tuan*

Pengerusi. Maksudnya the feasibility studies, berapa harga dan berapa ini semua, tidak ada dokumen itu. Akan tetapi secara kasar-kasar, saya telah diberitahu yang our so-called margin sebanyak 10 peratus. Ya.

***Tuan Pengerusi**: Okay. Ten percent.*

***Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf**: In which, hari ini kalau kita sambung, memang tidak ada margin sudah, Tuan Pengerusi.*

***Tuan Pengerusi**: Ya.*

***Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf**: Hari ini kalau kita sambung, memang hendak menyiapkan kerja sahaja."*

[Muka surat 46, Laporan Prosiding Bil. 1(h)/2020 bertarikh 11 Disember 2021]

Perkara ini juga turut disahkan oleh **YBhg. Dato' Ahmad Nazim Abd Rahman [Ketua Eksekutif Lembaga Tabung Angkatan Tentera] dalam prosiding Bil. 1(i)/2020 bertarikh 25 Januari 2022** di mana BNS telah menggunakan RM400 juta dalam aliran projek LCS bagi menyelesaikan hutang bagi projek NGPV.

*"**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak bertanya kepada CEO LTAT. Dalam prosiding di Lumut, disebut oleh BNS dalam aliran kos projek ini, RM400 juta telah digunakan oleh BNS untuk membayar hutang lapuknya dan tidak digunakan untuk persiapan kapal ini. Jadi, adakah ini benar ataupun macam mana?*

***Dato' Ahmad Nazim Abd Rahman:** Ya, ini kos lama yang terpaksa ditanggung apabila BNS menandatangani kontrak*

untuk LCS pada 10 tahun yang lalu. Sebahagian daripada kos yang terpaksa ditanggung adalah hutang lama yang diambil alih sebelum ini."

Tuan Pengerusi: *Itu untuk projek LMS, bukan? Or NGPV?*

Dato' Ahmad Nazim Abd Rahman: *NGPV project ya. So, dua hutang berkaitan dengan NGPV yang terpaksa ditanggung oleh BNS iaitu yang mengakibatkan adanya masalah dengan aliran tunai di BNS."*

[Muka surat 28, Laporan Prosiding Bil. 1(i)/2020 bertarikh 25 Januari 2022]

6.9 Peralatan Yang Disimpan Dalam Stor

i. **YBhg. Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat** memaklumkan kepada PAC terdapat peralatan-peralatan yang disimpan dalam stor dan anggaran nilai adalah dalam lingkungan RM1.7 bilion. Antaranya, lebih kurang 15% telah menjangkau atau menghampiri proses obsolete.

"Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: *Ada satu maklumat penting yang saya hendak bangkitkan di sini ialah isu kos ataupun value peralatan-peralatan yang disimpan di dalam stor kita. Kita anggar dalam RM1.7 bilion yang masih lagi berada dalam stor ataupun bilik simpanan, Yang Berhormat.*

Tuan Pengerusi*: All these you all have already paid for?*

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat*: Not all. Sebahagian.*

Tuan Pengerusi*: Sebahagian. Satu soalan umum ataupun general question. How many of these stocks already obsolete?*

***Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat**: Kita ada proses pemantauan yang very terperinci. Kita membuat laporan kepada Pasukan Projek TLDM secara bulanan, Yang Berhormat. Kita anggarkan kalau daripada segi percentage, sekarang ini dalam 15 peratus yang telah menjangkau atau menghampiri proses obsolete.*

[Muka surat 40, Laporan Prosiding Bil. 1(h)/2020 bertarikh 11 Disember 2021]

ii. **YBhg. Tan Sri Laksamana Mohd Reza bin Mohd Sany [Panglima Tentera Laut] dalam prosiding Bil. 1(i)/2020 bertarikh 25 Januari 2022** menjelaskan bahawa *obsolescence* bukanlah satu perkara yang baharu, bukan hanya khusus kepada LCS sahaja tetapi juga kepada kapal-kapal yang sedia ada di dalam inventori TLDM. Akan tetapi, khusus bagi LCS kemungkinan sebahagian daripada peralatan akan menghampiri jangka hayat *obsolescence* terutamanya elektronik. Bagi mengatasi masalah tersebut, TLDM ataupun mana-mana agensi kerajaan boleh melakukan *service life extension programmes* di mana peralatan yang *obsolete* tersebut dibuat penggantian.

*"**Tuan Pengerusi:** Ya, ya. Terima kasih KSU. Kita perhatikan jadual pelaksanaan inilah, memang sebelum ini kita dimaklumkan bahawa sekiranya projek ini diteruskan, memang penyerahan LCS 1 seawal pun akan diserahkan pada tahun 2025, which is I think lima tahun di belakang jadual asal iaitu dari tahun 2020 atau 2019. So, itu satu. So, isu berkenaan dengan teknologi yang obsolete itu, how is MinDef or TLDM going to handle? Sebab, apabila LCS 1 perlu diserah pada tahun 2019 atau 2020, teknologinya adalah pada masa itu dan sekarang telah pun mengalami satu kelewatan sekurang-kurangnya lima tahun. You know, technology*

changes every day, improving every day. Are we expecting to get LCS 1 in 2025 with technology backdated way back to like 2018 or 2019? How is TLDM dan juga MinDef going to address and handle this issue? Of course, TLDM is the end user.

Tan Sri Laksamana Mohd Reza bin Mohd Sany: *Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa PAC, kalau boleh dengan izin saya cuba jawab soalan tersebut. Soalan itu berkenaan dengan isu obsolescence. Obsolescence ini bukanlah satu perkara yang baharu, bukan hanya applied to LCS tetapi juga kepada kapal-kapal yang sedia ada di dalam inventory TLDM. Akan tetapi, khusus bagi LCS kita yang kita jangkakan by the time kita dapatkan kapal-kapal ini, mungkin sebahagian daripada peralatan akan menghampiri jangka hayat obsolescence terutamanya elektronik. Bukan mekanikalnya, Yang Berhormat. Seperti mana Yang Berhormat semua tahu, elektronik ini macam handphone kita pun, beli hari ini, six months later sudah obsolete. So, elektronik pun sama juga. Obsolete ini yang menjadi isu kepada kita, pengguna, TLDM adalah apabila ia tidak supportable, baru ia jadi isu. Kalau setakat teknologi lama tetapi still supportable— handphone saya ini sudah lama, Yang Berhormat, tetapi masih okey lagi, saya pakai. Boleh pakai. Akan tetapi, bila no longer supportable, spare part tidak ada, then boleh jadi masalah. Jadi, apabila perkara sebegitu berlaku, apa yang TLDM ataupun mana-mana agensi kerajaan boleh buat adalah melakukan service life extension programmes yang mana peralatan-peralatan yang berkenaan, peralatan yang obsolescence tersebut dibuat penggantian. Itulah salah satu kaedahnya bagaimana kita mengatasi isu obsolescence yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi.*

Saya harap penerangan saya memuaskan hati Ahli-ahli Yang Berhormat."

[Muka surat 29, Laporan Prosiding Bil. 1(i)/2020 bertarikh 25 Januari 2022]

iii. **YBhg. Dato' Ahmad Nazim Abd Rahman [Ketua Eksekutif Lembaga Tabung Angkatan Tentera] dalam prosiding Bil. 1(i)/2020 bertarikh 25 Januari 2022** memaklumkan bahawa isu *obsolescence* telah diambil kira di dalam aliran tunai projek.

*"**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Mungkin saya ajukan soalan lanjutan saya kepada Dato' CEO LTAT berkenaan dengan isu obsolescence ini. So, sama ada isu ini— I think for sure isu ini akan juga membawa impak ke atas kos yang akan terlibat dalam projek ini. So, apa komen daripada Dato' CEO LTAT berkenaan dengan ini, on the obsolete part and so on? Of course, if you want to upgrade any of the parts, you may need to have VO and so on. So, would it add up to the eventual cost that needed to be paid by BNS or LTAT?*

***Dato' Ahmad Nazim Abd Rahman:** Ya, dalam unjuran kewangan yang kita buat termasuk aliran tunai, kita sudah mengambil kira faktor-faktor inilah dalam kita buat unjuran itu. Jadi, sekali lagi saya sebutkan, tidak ada apa-apa dana tambahan daripada LTAT kerana kita sudah masukkan semua faktor ini di dalam unjuran kita. Terima kasih."*

[Muka surat 28 – 29, Laporan Prosiding Bil. 1(i)/2020 bertarikh 25 Januari 2022]

6.10 Pelancaran LCS1 Pada Tahun 2017

PAC membangkitkan isu terdapat suatu Upacara Penamaan dan Pelancaran LCS1 diadakan pada sekitar tahun 2017 dan disempurnakan oleh Raja Permaisuri Perak Tuanku Zara Salim sambil disaksikan Sultan Perak Sultan Nazrin Shah. LCS1 telah dinamakan Kapal Diraja Maharaja Lela.

YBhg. Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat memaklumkan kepada PAC tujuan "launching" mengikut standard industri ialah untuk ia diuji dari segi keseimbangan apabila diturunkan ke air. Ia merupakan satu tradisi dan tidak bermaksud kapal LCS1 telah siap dibina.

*"**Tuan Pengerusi**: Or only Permaisuri came. And to us, the laymen outside your industry, launching meaning that there is something already been done and I go and launch it. After launch, boleh pakai. Now, there is a totally different perception being given to the public.*

***Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat**: Daripada segi tradisi, we call launching dengan naming ini hanya melibatkan satu aktiviti tradisi yang melibatkan kapal-kapal perang sahaja, Yang Berhormat. Justeru, untuk aktiviti launching dan naming itu, daripada segi tradisi dan praktis itu, memang ia dipraktikkan sebelum ini juga. Mengambil peluang aktiviti launching daripada segi kejuruteraan teknikal ini dan juga dilaksanakan secara bersama dipanggil upacara penamaan itu, Yang Berhormat. Ia adalah memang satu tradisi navy yang telah dilaksanakan sejak yang lepas-lepas."*

[Muka surat 37, Laporan Prosiding Bil. 1(h)/2020 bertarikh 11 Disember 2021]

...

*"**Dato' Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun**: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. So, saya boleh katakan di sini bahawa launching untuk tujuan LCS ini bukan berertinya kapal itu sudah boleh menjalankan tugasnya?*

***Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat**: Betul, Yang Berhormat.*

***Dato' Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun**: I think we have to make that decision.*

***Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf**: It can call, macam halfway sahajalah.*

[Muka surat 38 – 39, Laporan Prosiding Bil. 1(h)/2020 bertarikh 11 Disember 2021]

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf memaklumkan kepada PAC *mast* yang dipasang di LCS1 semasa Upacara Pelancaran dan Penamaan adalah untuk memberikan gambaran bahawa kapal tersebut adalah lebih cantik.

*"**Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf**: If I may add, Yang Berhormat. If your point is it is a waste of money to do it, then, yes. It is a waste of money to do it just for show. That is my view. There is no point, and it did not serve any purpose. It does look nice, and it may give an impression that the vessel is more beautiful than what it was meant to be. It was the cost that BNS had to absorb and actual cost to do this mock-up.*

***Tuan Pengerusi**: How much was the approximate cost involved additional?*

***Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf**: Half a million kah?*

***Laksamana Muda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung bin Abdullah**: RM400,000.*

***Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli**: Chairman, I think more than that, the impression at that time is we are going to get the ship produced. Nice ship.*

***Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf**: But it was not meant to mislead anyone lah.*

***Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli**: Yalah, tetapi itulah impression daripada masyarakat.*

***Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf**: If that was the answer, it was not to mislead anyone. It was not also meant to ask for more money from MinDef pun tidak ada. It was completely an extra cost for BNS."*

[Muka surat 35-36, Laporan Prosiding Bil. 1(h)/2020 bertarikh 11 Disember 2021]

...

*"**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli**: Akan tetapi cuba bayangkan, ambil gambar ini pada hari launching. Next few weeks, tidak ada benda itu, tidak ada mast itu. Macam mana kita hendak ceritakan kepada rakyat?*

***Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat**: Mast itu ada, Yang Berhormat. Ada dalam stor kita.*

***Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli**: Itulah. Tidak ada di kapal. Kalau saya ambil gambar kapal-kapal itu without the mast…*

***Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat**: Daripada segi proses, memang...*

***Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli:** Betullah proses. Ini cerita wayang ini. Cerita wayang ini..."*

[Muka surat 38, Laporan Prosiding Bil. 1(h)/2020 bertarikh 11 Disember 2021]

7. PENGAUDITAN FORENSIK PROJEK LCS

Pihak BNS membuat keputusan melantik syarikat audit forensik Alliance IFA pada tahun 2019 bagi menjalankan pengauditan forensik sebagai usaha untuk mengenalpasti sekiranya wujud ketirisan, penyelewengan serta penyalahgunaan kuasa dalam perolehan LCS.

i. **YBhg. Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat (Mantan Ketua Pengarah Pasukan Projek LCS TLDM) dalam prosiding Bil. 1 (d)/2020 bertarikh 16 Disember 2020** memaklumkan bahawa sebagai usaha untuk mencari punca permasalahan yang timbul, penstrukturan semula dan audit forensik telah dilaksanakan. Hasil daripada dapatan audit forensik tersebut telah memberi asas yang kukuh untuk membuat laporan kepada SPRM. Laporan tersebut telah dibuat untuk memastikan siasatan yang menyeluruh dilaksanakan terhadap projek LCS.

"Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat: *… So, terus terang saya nyatakan di sini ialah isunya ialah mismanagement of the financial aspects of it-lah. Ada beberapa usaha yang telah saya laksanakan dengan memajukan findings dan juga so called what I discovered on the ground kepada pihak pengurusan Boustead. Akan tetapi, ia menjadi satu kesukaranlah kerana there is no will. Political will. I don't think it's correct to say political will but kemahuan daripada pihak dalaman untuk actually mengambil tindakan kepada isu-isu tersebut.*

Akan tetapi, dengan perubahan landskap politik kita pada tahun 2018, mungkin itu ada hikmahnya. Ini telah berjaya mengubah dan memberi ruang kepada saya untuk meneruskan usaha untuk cuba mencari root cause kepada isu semasalah.

Sebagai hasilnya, adalah kita telah membuat, melaksanakan position dan juga forensic audit kepada program ataupun projek ini. Hasil daripada ataupun findings of the forensic audit tersebut, telah memberi asas yang kukuh kepada kami untuk membuat laporan kepada MACC. Laporan tersebut telah dibuat dan kami mahu ia dilaksanakan sebagai satu due process yang adillah dilaksanakan untuk memastikan satu siasatan yang menyeluruh dilaksanakan terhadap projek ini.

Itu sahaja yang boleh saya kongsi pada masa ini sebagai kapasiti saya dalam Boustead Naval Shipyard, Yang Berhormat."

[Muka surat 18 – 19, Laporan Prosiding Bil. 1(d)/2020 bertarikh 16 Disember 2020]

Selain itu, **YBhg. Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat** juga memaklumkan laporan audit forensik telah disiapkan pada

September 2020 dan BHIC telah mengemukakan satu laporan kepada SPRM pada November 2020.

> ***"Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat:*** *Ya, Yang Berhormat if I boleh maklumkan, actually laporan forensik audit tersebut disiapkan pada September. Cuma laporan kepada SPRM dilaksanakan oleh pihak Boustead hanya pada November. So, baru dilaporkan."*
>
> [Muka surat 23, Laporan Prosiding Bil. 1(d)/2020 bertarikh 16 Disember 2020]

ii. **YBhg. Dato' Sri Muez Bin Abdul Aziz (KSU MINDEF) dalam prosiding Bil. 1(d)/2020 bertarikh 16 Disember 2020** memaklumkan bahawa Boustead Heavy Industries Corporation (BHIC) telah mengambil tindakan dengan melaksanakan audit forensik dan penstrukturan semula bagi pegawai-pegawai kanan. Pihak BHIC juga telah pun mengemukakan satu laporan audit forensik kepada SPRM.

> ***"Dato' Sri Muez bin Abd Aziz:*** *Yang Berhormat, mungkin saya hendak tambah sedikit. Dari segi saya nampak tadi, soalan itu menjurus kepada apakah tindakan kita buat. Saya dimaklumkan tadi, Kepten Azhar pun telah menyatakan tentang forensik audit. Jadi, tindakan sudah ada berjalan, maknanya kita telah dimaklumkan pihak Boustead Heavy Industries Corporation (BHIC) telah ambil tindakan. Bukan kita tidak ambil tindakan. Sudah ada forensik audit dah jalan, telah dilaksanakan dan pihak BHIC telah pun mengemukakan satu laporan forensik audit itu kepada SPRM. Kita telah hantar dah. Dimaklumkan pada last September. Saya pun ada dapat tengok dari segi- dan juga dari segi tindakan dari segi peringkat korporat pun, di peringkat BHIC dah banyak tindakan, maknanya restructure semula dari segi*

pegawai-pegawai kanan. Tidak silap, baru masuk, contohnya. Mereka yang lama-lama pun telah tidak ada lagi dalam team yang lama. Kita telah ambil tindakan dan pada masa yang sama pun pihak kementerian pun sedang mengawasi dan memastikan supaya governance in place di peringkat Boustead, tuan-tuan dan puan-puan."

[Muka surat 20 – 21, Laporan Prosiding Bil. 1(d)/2020 bertarikh 16 Disember 2020]

iii. **YBrs. Tuan Prabhat Kumar [Pengarah Eksekutif Alliance IFA] dalam prosiding Bil. 1 (j)/2020 bertarikh 8 Mac 2022** memaklumkan bahawa Alliance IFA telah dilantik oleh BHIC untuk melaksanakan audit forensik pada 2019. Skop pengauditan adalah bagi tempoh 2011 hingga 2014. Kerja-kerja pengauditan atau siasatan telah dilaksanakan pada tahun 2020 dan laporan pengauditan atau siasatan telah dikemukakan pada Julai 2020.

Mandat atau terma rujukan bagi pengauditan ini adalah seperti berikut:

a. Mengesahkan sama ada tadbir urus yang baik dan ketelusan dilaksana dan dipatuhi.

b. Mengesahkan sama ada tata cara perolehan telah dipatuhi.

c. Mengesahkan sama ada Pasukan Projek LCS telah melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam proses perolehan secara satu pasukan.

d. Menentukan bahawa semua invois penyedia perkhidmatan telah disahkan, dikemukakan kepada Jawatankuasa Eksekutif atau Jawatankuasa Pemandu LCS mengikut

Standard Operating Procedures (SOP) dan Prosedur yang telah diluluskan.

e. Memeriksa pendahuluan yang diambil oleh Pegawai Eksekutif kanan telah diperakaunkan mengikut tatacara perakaunan yang betul.

f. Analisa kos ke atas kelewatan projek dan pemulihan bagi aset cair. Perkara ini tidak dapat dilaksanakan kerana kekangan masa.

g. Semakan dokumen untuk mengenal pasti segala keputusan yang dibuat adalah mengikut norma-norma tadbir urus yang baik dan implikasinya terhadap kewangan.

h. Mengenalpasti kemungkinan wujudnya apa-apa salah laku berdasarkan hipotesis yang dibangunkan semasa penyiasatan projek LCS.

i. Mengenalpasti kelemahan yang terdapat di dalam kontrak dan cadangan bagi pembetulan.

YBrs. Tuan Prabhat Kumar [Pengarah Eksekutif Alliance IFA] dalam prosiding yang sama turut memaklumkan bahawa pengauditan atau siasatan ini masih lagi belum lengkap. Ini kerana walaupun pembelian utama dibuat antara tahun 2012 hingga 2014, tetapi kesannya adalah berterusan sehingga tahun 2018. Selain itu majoriti pelaksanaan dilakukan oleh Contravest Advanced Devices Sdn. Bhd. (CAD) dan Contravest Electrodynamics Devices Sdn. Bhd. (CED) yang merupakan syarikat usaha sama. Pengauditan atau siasatan tidak dapat dilaksanakan terhadap dua (2) buah syarikat ini kerana perjanjian dalaman yang telah digubal tidak membenarkan mana-mana


juruaudit atau penyiasat atau mana-mana orang dari perakaunan BHIC melihat mana-mana dokumen yang berkaitan dengan CAD dan CED.

8. LAPORAN PENGAUDITAN FORENSIK "REVIEW OF THE LCS PROGRAMME" OLEH ALLIANCE IFA (M) SDN. BHD.

YBrs. Tuan Prabhat Kumar [Pengarah Eksekutif Alliance IFA] dalam prosiding Bil. 1 (j)/2020 bertarikh 8 Mac 2022 memaklumkan hasil dapatan dari laporan audit forensik yang telah dilaksanakan.

A. Latar Belakang


Kerajaan Malaysia telah mengeluarkan *Letter Of Award* (LOA) kepada subsidiari BHIC iaitu BNS bagi membekalkan enam (6) LCS kepada TLDM yang bernilai RM9 bilion. Sepanjang tahun 2012 hingga 2014, BNS telah mengeluarkan pelbagai LOA kepada kontraktor utama Contraves Advanced Devices Sdn. Bhd. (CAD) dan Contraves Electrodynamics Sdn. Bhd. (CED). Contraves adalah merupakan subsidiary kepada syarikat daripada Perancis iaitu Rheinmetall seperti rajah di bawah**.**



Sumber: Pembentangan Alliance IFA (M) Sdn. Bhd. pada 8 Mac 2022.

Pengurusan syarikat CAD telah diberikan sepenuhnya kepada Rheinmetall Air Defense AG (RAD) walaupun RAD hanya mempunyai pegangan saham sebanyak 49% berbanding BHIC 51%. Terdapat perjanjian dimana dinyatakan kuasa sepenuhnya diberikan kepada RAD untuk menguruskan CAD. Perkara ini merupakan kekangan kepada pihak audit kerana ia tidak membenarkan mana-mana juruaudit atau penyiasat atau mana-mana orang dari perakaunan BHIC melihat mana-mana dokumen yang berkaitan dengan CAD dan CED.

Perjanjian Antara BHIC dan RAD



Sumber: Pembentangan Alliance IFA (M) Sdn. Bhd. pada 8 Mac 2022.

***"Tuan Prabhat Kumar:** I would like to explain through this slide, I am sorry he is unable to speak on his microphone. [Merujuk slaid pembentangan] You can see in this slide very clearly mentioned that Boustead Heavy Industries Corporation Bhd. (BHIC) had a 100 percent subsidiary that is Boustead Penang Shipyard Sdn. Bhd. (BPS). BPS had one subsidiary; BHIC Defence Technologies Sdn. Bhd. (BHICDT), that is an investment company. That is how we all got a bit amazed also to see this structure. Here, you can see there is a company,*

Rheinmetall Defence Group. Majority owned subsidiary was Rheinmetall Air Defence AG (RAD), a wholly-owned subsidiary of Rheinmetall and their wholly-owned subsidiary company was RD Investment AG (RDI), an investment company. Again, an investment company. These two companies, at the bottom, formed the joint venture where 49 percent is owned by RD Investment AG and 51 percent is owned by BHIC Defence Technologies Sdn. Bhd. Then, they formed the company known as Contraves Advanced Devices Sdn. Bhd. (CAD). That is how CAD came into the picture.

During our investigation, we tried to understand the reasons behind this arrangement. It was very important for us to understand the history of why at first place CAD was created and Rheinmetall was – what were the terms and conditions of having this joint venture. There we realised, that this company with whom it had entered into a joint venture was – the agreement itself was lopsided. It means more power and more authority were given to the 49 percent holder than to be given to BHIC. We can see that the management control of CAD remains with RAD even though they have only 49 percent majority stake. The board of directors of BHIC, Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Che Lodin bin Wok Kamaruddin agreed to this decision which jeopardised the interest of BHIC. I do not go into the details of that agreement. That agreement had given absolute power to RAD to run this company. Why I am saying RAD because ultimately RAD is having a subsidiary and ultimately – CED is nothing but – of RAD. So, RAD became the controlling holder of this company and CED which is being controlled through CAD and they started doing the work. This decision made it difficult to have any access to the information needed to understand the details of the operation of the CAD business and to conduct an internal audit.

Bil. 1(g)/2020 27 September 2021	**Saksi: YBhg. Dato' Sri Muez bin Abdul Aziz (KSU MINDEF)** Jemaah Menteri telah membuat keputusan pada **Mei 2021** mengkehendaki *due diligence* dilaksanakan dengan perkara-perkara berikut: a. Kontrak dengan BNS akan ditamatkan dan Kerajaan akan melantik Boustead Technology Services (BTS) secara rundingan terus bagi menyiapkan pembinaan enam (6) buah LCS tanpa dana tambahan daripada Kerajaan. b. BTS perlu mengemukakan bukti mempunyai dana sebanyak RM 4 bilion dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum projek diteruskan. c. Harga menyiapkan projek tertakluk kepada semakan harga semula oleh makmal pengurusan nilai. Baki nilai kontrak sebanyak RM3 bilion tidak digunakan sebagai *remobilization fee* atau pembayaran hutang sebaliknya pembayaran akan dibuat mengikut kemajuan kerja. d. *Detailed design* perlu disiapkan dan dimuktamadkan sebelum Januari 2022. Dimaklumkan bahawa *detailed design* setakat ini sudah siap lebih kurang 80%. e. Pembayaran kemajuan projek oleh Kerajaan akan dibuat terus kepada OEM atau subkontraktor tanpa melalui BTS. f. LCS1 perlu disiapkan dalam tempoh tiga (3) tahun. Kerajaan akan mempertimbangkan kontrak penyelenggaraan selama tiga (3) tahun bergantung kepada kelulusan MOF. g. Pemantauan di peringkat Jawatankuasa yang lebih tinggi selain daripada MINDEF di mana akan ditubuhkan satu jawatankuasa pemantauan yang akan dipengerusikan sendiri oleh KSN.
Bil. 1(g)/2020 27 September 2021	**Saksi: YBhg. Dato' Sri Muez bin Abdul Aziz (KSU MINDEF)** MINDEF telah memaklumkan keputusan Jemaah Menteri kepada Boustead Holdings Berhad (BHB) pada **14 Jun 2021.**

PROSIDING	PERKARA
Bil. 1(g)/2020 27 September 2021	**Saksi: YBhg. Dato' Sri Muez bin Abdul Aziz (KSU MINDEF)** BHB telah pada **18 Jun 2021** mencadangkan kepada Menteri Kanan Pertahanan perkara-perkara berikut: a. *Right granted* dari Kerajaan bagi tujuan mengumpulkan atau mendapatkan dana sebanyak RM4 bilion. b. Bersetuju kos kontrak berbaki yang RM3 bilion itu tidak akan digunakan bagi tujuan membayar *mobilisation fee* atau tunggakan hutang. c. Naval Group memerlukan minima 12 bulan daripada tarikh pembayaran dibuat untuk menyiapkan *detailed design*. d. BHB bersetuju pembayaran dibuat terus kepada OEM. e. Kerajaan memberikan *right granted* bagi perolehan LCS dan LMS bagi menampung kerugian sebanyak RM2.13 bilion susulan cadangan daripada Ernst & Young. Perkara ini perlu bagi mengelak daripada disenaraikan di bawah status PN17. f. Kerajaan mempertimbangkan denda lewat untuk keseluruhan kapal sebanyak RM1.08 bilion serta dapat memulangkan semula RM77 juta yang telah di *set off* atau dikontrakan bagi kapal LCS1. Perkara ini bagi mengelakkan status PN17 ke atas BHB dan Boustead Heavy Industries Corporation Berhad (BHIC). g. Kontrak baharu diwujudkan antara MINDEF, BNS dan Bousted Technologies Sdn. Bhd. (BTS) berdasarkan terma kontrak sedia ada.
Bil. 1(f)/2020 25 Oktober 2021	**Saksi: YBhg. Dato' Sri Muez bin Abdul Aziz (KSU MINDEF)** BHB juga telah membentangkan cadangan kepada Jawatankuasa Teknikal LCS pada **10 September 2021** perkara-perkara berikut: a. Baki kontrak RM3.122 bilion dibayar kepada BHB mengikut projek *milestone*. b. *Letter of Immediate Taking* bagi baki siling diperlukan oleh BHB untuk mendapatkan dana dan pinjaman kewangan. c. *Letter of Agreement* bagi full life support LCS1 selama 10 tahun dengan kos RM175 juta setahun. Jumlah keseluruhan adalah sebanyak RM10 bilion. LOA ini diperlukan sejurus keputusan Jemaah Menteri yang baharu untuk mendapatkan dana daripada pihak bank. d. Penelitian *liquidated damages* sebanyak RM77 juta.

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf [Ketua Pegawai Eksekutif Boustead Heavy Industries Corporation Berhad] dalam prosiding Bil. 1(h)/2020 bertarikh 11 Disember 2021 menjelaskan keputusan

Jemaah Menteri pada 7 Mei 2021. Beliau menyatakan BHB telah mencadangkan pada 18 Jun 2021 untuk *right granted* daripada Kerajaan bagi tujuan mengumpul dana sebanyak RM4 bilion.

Bagi tujuan tersebut, BNS telah mencadangankan nilai kontrak ataupun *order book* sebanyak RM53 bilion daripada pihak Kerajaan bagi tujuan mengeluarkan sukuk berjumlah RM4 bilion. Cadangan RM53 bilion *order book* daripada Kerajaan adalah untuk kerja-kerja *Maintenance, Repair and Overhaul* (MRO) untuk tempoh 30 tahun. Walau bagaimanapun keputusan Jemaah Menteri hanyalah untuk MRO atau *full-life support* (FLS) vessel untuk tempoh tiga tahun sahaja. Ini bermakna hanya 10% sahaja MRO yang dipersetujui oleh Jemaah Menteri dan perkara ini tidak membolehkan BNS mendapatkan dana sebanyak RM4 bilion.

> ***"Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf:*** *Okay, I will answer the first question please. Cost overrun, memang betul RM4 bilion. Untuk Cabinet Meeting pada bulan Mei itu hari, apa yang kita propose sebenarnya adalah kita minta contract value ataupun order book sebanyak RM53 bilion supaya kita boleh raise our own sukuk supaya kita boleh bayar balik duit RM4 bilion yang kita ambil untuk hendak menyiapkan kapal. Ada beberapa benda itu. Order book, raise of sukuk and to pay back the loan.*
>
> ***Tuan Pengerusi:*** *Order book, meaning that is a government commitment for the future project.*
>
> ***Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf:*** *Ya, betul.*
>
> ***Tuan Pengerusi:*** *So, you are proposing future projects of RM53 billion?*
>
> ***Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf:*** *Correct.*
>
> ***Tuan Pengerusi:*** *Okay, got it, right.*

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: *That proposal of RM53 billion order book adalah untuk kerja-kerja membuat lebih LCS dan juga untuk buat MRO untuk 30 tahun.*

Tuan Pengerusi: *MRO stands for?*

Encik Sharifuddin bin Md. Zaini Al-Manaf: *Maintenance, repair and overhaul. Bertukanglah. Repair. So, keputusan Kabinet yang kita dapat selepas itu hanyalah MRO atau pun full-life support (FLS) for the vessel hanya untuk tiga tahun, bukan 30 tahun. So, by the process of deduction, it's only 10 percent of the order book yang kita dapat. So, kalau 10 percent order book yang kita dapat, kita tidak dapatlah hendak raise RM4 billion untuk cost overrun itu. Itu ia punya reason. ..."*

[Muka surat 41 - 42, Laporan Prosiding Bil. 1(h)/2020 bertarikh 11 Disember 2021]

B. Memorandum Jemaah Menteri Terkini

i. **YB. Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein [Menteri Kanan Pertahanan] dalam prosiding Bil 1(i)/2020 bertarikh 25 Januari 2022** memaklumkan bahawa hala tuju projek LCS telah dibentangkan kepada Jemaah Menteri sebanyak dua (2) kali. Bagaimanapun ia masih belum mendapat jalan penyelesaian. Sehubungan dengan itu, satu Memorandum Jemaah Menteri (MJM) yang baharu disediakan dan telah pun siap serta telah diedarkan untuk ulasan kepada tiga (3) buah agensi yang berkaitan iaitu MOF, EPU dan AGC sebelum ianya diangkat untuk persetujuan dan kelulusan Jemaah Menteri. Bagi menentukan cadangan hala tuju baharu ini, MINDEF telah membuat keputusan

untuk melibatkan semua pihak yang berkepentingan dalam projek LCS.

YB Menteri Kanan Pertahanan juga memaklumkan bahawa kepimpinan ATM, TLDM, MINDEF dan Boustead sedia ada adalah merupakan barisan pengurusan baharu bertujuan untuk memantapkan tadbir urus dan pengurusan syarikat. Selain itu, SPRM juga telah membuat beberapa tangkapan terhadap barisan pengurusan lama Boustead. Kelemahan-kelemahan telah di dikenal pasti dan kerjasama daripada TLDM selaku *end user* adalah perlu bagi memastikan hala tuju baharu projek LCS berjalan dengan baik. Cadangan hala tuju baharu ini adalah penstrukturan semula korporat (*Coporate Restructuring*), pengumpulan dana (*Fund Raising*) bagi menyiapkan LCS1 dan LCS2 serta pemantauan projek oleh satu Jawatankuasa bebas yang dilantik.

ii. **YBhg. Dato' Sri Muez Bin Abdul Aziz [KSU MINDEF] dalam prosiding Bil. 1(i)/2020 bertarikh 25 Januari 2022** memaklumkan bahawa keputusan dan kelulusan Jemaah Menteri pada 5 Mei 2021 tidak dapat dilaksanakan oleh BNS dan Boustead Holding Berhad (BHB). Oleh yang demikian MINDEF telah menyediakan satu kertas MJM yang baharu bertujuan meneruskan penyiapan enam (6) buah kapal LCS. Cadangan hala tuju terkini dalam MJM yang baharu telah melibatkan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) sebagai *anchor* dalam projek LCS. BNS telah diletakkan di bawah sebuah *Special Purpose Vehicle* (SPV). SPV ini akan bertindak sebagai *bankruptcy-remote entity* atau *ring-fencing*. Manakala MOF kekal sebagai pemegang saham khas. Penyusunan semula barisan ahli lembaga pengarah BNS dan SPV serta pengurusan korporat dibuat bagi tujuan projek LCS dapat dilaksanakan dengan lebih teratur. Bagaimanapun, cadangan ini tertakluk kepada keputusan Jemaah Menteri.

Dalam Pelan Pemulihan Projek, LCS akan disiapkan dengan menggunakan kaedah secara berfasa iaitu dengan menyiapkan dua (2) kapal (LCS1 dan LCS2) pada tahun 2025 dan diikuti dengan LCS3, LCS4, LCS5 dan LCS6.

"Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: *Terima kasih Yang Berhormat. Saya sudah habislah slaid ini rasanya. Pertambahan kos projek bergantung kepada prestasi. Jadi, complete first two ships dan seterusnyalah. Next. Perancangan jadual, Tuan Pengerusi. Kita beri bayanganlah, Yang Berhormat, cadangan. Insya-Allah, Kertas Jemaah Menteri ini setelah dapat ulasan yang positif dan sebagainya, kita akan angkat ke Mesyuarat Jemaah Menteri Mobilisasi Pelan Pemulihan Projek, titik keputusan untuk LCS 1 dan 2. Itu kita jangka first ship itu tahun 2025, Yang Berhormat, kita boleh siapkan. Maknanya yang kedua, tahun 2024— okey, kita start dahulu tahun 2024, titik keputusan untuk LCS 3 dan 4. Jadi, penyerahan untuk LCS 1 pada tahun 2025. Seterusnya tahun 2026, penyerahan LCS 2 dan 3, titik keputusan— maknanya once dah serah 3, kita akan fikir titik keputusan LCS 5 dan 6 serta seterusnya, Yang Berhormat, sehingga tahun 2028 yang kita cadangkan kita akan complete keenam-enam buah kapal tersebutlah. Semuanya tertakluk kepada keputusan Jemaah Menteri, Yang Berhormat. Kita target*."

[Muka surat 28 - 29, Laporan Prosiding Bil. 1(i)/2020 bertarikh 25 Januari 2022]

Selain itu, Kerajaan berhak membatalkan kontrak dan mengurangkan skop. Penyiapan *detailed design* akan diberi keutamaan. Manakala pemantauan projek akan dibuat oleh suatu jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh KSN. Dari segi implikasi kewangan, dua (2) tahun yang pertama akan menggunakan baki projek yang sedia ada. Tambahan kos projek

bergantung kepada prestasi syarikat dalam melaksanakan LCS1 dan LCS2. Pembayaran kepada OEM akan dibuat secara terus oleh MINDEF.

iii. **YBhg. Dato' Ahmad Nazim Abd Rahman [Ketua Eksekutif Lembaga Tabung Angkatan Tentera] dalam prosiding Bil. 1(i)/2020 bertarikh 25 Januari 2022** menjelaskan bahawa penstrukturan korporat berlaku bersekali dengan pelan pemulihan projek. Penyiapan LCS1 dan LCS2 adalah dengan menggunakan baki peruntukan projek LCS iaitu sejumlah RM3 bilion sahaja. Tiada apa-apa tambahan dana daripada pihak Kerajaan dan LTAT.

*"**Dato' Ahmad Nazim Abd Rahman:** Okey, kita buat based on the milestone. We will deliver the two ships first without incurring any additional funds from the government. That is based on the existing contract value of the remaining RM3 billion, we deliver two ships first. Once that is delivered, then only the remaining funds will be triggered. Otherwise, there is no additional funding from the government."*

[Muka surat 14 - 15, Laporan Prosiding Bil. 1(i)/2020 bertarikh 25 Januari 2022]

*"**Tuan Pengerusi:** Ada yang outstanding, ada yang belum— I mean the work progress belum sampai, then you have to pay in future. So, that RM3 billion will be utilized to pay that. So, masalah sini adalah for BNS themselves, of course eventually will come after LTAT to have a cashflow to get the works going. So, where you get the money from? Because, the money from the government will never be paid to LTAT or BNS. That would be paid directly to the OEM and vendor. So, is LTAT going to fund or to inject your capital or your investment into BNS in these restructuring?*

Dato' Ahmad Nazim Abd Rahman: *There is no additional funding from LTAT at all. Based on our calculations, the remaining contract value of RM3 billion is sufficient to cover the current outstanding liabilities. There is about RM800 million of outstanding liabilities currently with creditors which means the OEM, the vendors, the suppliers, and the other RM700 million is the outstanding loan with the bank. So, in total is about RM1.5 billion. And this is part of the project cost. So, for the purpose of delivering the two vessels, the remaining contract value of RM3 billion will be sufficient to cover both the outstanding liabilities as well as the future cost for delivering the two vessels.*

Tuan Pengerusi: *So, the future cost will be paid to whom? Will be paid directly to the bank or will be paid to BNS?*

Dato' Ahmad Nazim Abd Rahman: *Based on the current solutions we are proposing, that will be paid directly to OEM."*

[Muka surat 25 - 26, Laporan Prosiding Bil. 1(i)/2020 bertarikh 25 Januari 2022]

*"**Dato' Ahmad Nazim Abd Rahman:** Ya. The remaining contract value ada RM3 bilion yang akan kita gunakan sepenuhnya untuk delivery of the two vessels. Part of the project cost too is the repayment of the outstanding liabilities, hutang yang kita belum bayar tetapi ia adalah sebahagian daripada kos projek. So, ia bukan kos yang berasingan RM1.5 bilion. Cuma kita perincikan dari segi the total project cost untuk dua buah kapal ini dan kita perincikan ia termasuk RM1.5 bilion ini adalah dalam bentuk hutang kepada OEM dan suppliers dan juga selain itu adalah hutang dengan bank. Of course, the entire project cost itu*

termasuk the future payment to be made to OEM and suppliers is about RM1.5 billion.

…

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: *Last ya. Dato' CEO, saya hendak bertanya, you are confident that the RM3 billion is sufficient to complete two ships?*

Dato' Ahmad Nazim Abd Rahman: *Based on our calculation, yes, it is sufficient.*

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: *Okay, that is good."*

[Muka surat 27 - 28, Laporan Prosiding Bil. 1(i)/2020 bertarikh 25 Januari 2022]

YBhg. Dato' Ahmad Nazim Abd Rahman turut menjelaskan bahawa objektif penstrukturan semula ini adalah untuk menyelamatkan seluruh kumpulan sama ada Kumpulan Boustead dan LTAT. Melalui SPV ianya mewujudkan struktur *ring-fencing*. Terdapat beberapa mekanisma dan dokumentasi digunakan bagi mewujudkan struktur *ring-fencing* di peringkat SPV.

Selain itu, baki peruntukan projek LCS berjumlah RM3 bilion akan digunakan sepenuhnya untuk menyiapkan LCS1 dan LCS2.

iv. **YBhg. Tan Sri Laksamana Mohd Reza bin Mohd Sany [Panglima Tentera Laut] dalam prosiding Bil. 1(i)/2020 bertarikh 25 Januari 2022** menjelaskan bahawa titik keputusan untuk menyiapkan LCS3 dan LCS4 ialah pada tahun 2024 apabila

sea acceptance trials bagi kapal LCS1 dan LCS2 telah selesai dilaksanakan.

> ***"Tan Sri Laksamana Mohd Reza bin Mohd Sany:*** *Assalamualaikum Yang Berhormat. Kalau saya boleh— saya cuba tambah sedikit. Titik keputusan untuk LCS 3 dan 4 itu pada tahun 2024 berlaku apabila kapal LCS 1 dan LCS 2 telah selesai melaksanakan sea acceptance trials. Jadi, kenapa kita buat begitu ialah supaya kita ada confidence. Biasanya bila kita buat ship building ini, apabila sudah sampai peringkat sea acceptance trial itu, you are very confident that you're going to do the next one-lah which is penyerahan LCS 1 pada tahun 2025. So, kalau kita tengok di situ... [Merujuk pada slaid pembentangan] Tahun 2024, bahasa Inggerisnya, decision point untuk LCS 3 and 4 is when LCS 1 and 2 is already undergoing the harbor and sea acceptance trial, Yang Berhormat."*
>
> [Muka surat 31, Laporan Prosiding Bil. 1(i)/2020 bertarikh 25 Januari 2022]

10. PERKEMBANGAN TERKINI

Pada 20 April 2022, YB Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishamuddin Bin Hussein telah mengumumkan keputusan bahawa Jemaah Menteri telah bersetuju projek LCS diteruskan selepas mengambil kira dua (2) faktor iaitu:

i. LCS adalah aset yang paling dikehendaki dan diperlukan oleh TLDM; dan
ii. Terdapat 400 vendor yang terbabit dalam projek ini dengan implikasi kewangan sejumlah RM4 bilion. Daripada jumlah ini 100 vendor adalah merupakan syarikat tempatan.

Kenyataan media Menteri Kanan Pertahanan berhubung keputusan Jemaah Menteri adalah seperti di bawah.

MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

STATUS TERKINI LCS: KABINET SEBULAT SUARA LULUS PROJEK PEROLEHAN LCS DITERUSKAN

1. Dalam usaha menyelesaikan isu perolehan kapal *Littoral Combat Ship* (LCS), ia satu perjalanan yang panjang dan mencabar. **Sesi PAC mengenai LCS telah diadakan sebanyak 10 kali** di mana **saya sendiri dipanggil menghadap PAC pada 25 Januari** lalu selain telah **menjawab soalan tentang LCS di Dewan Rakyat sebanyak 10 kali.**

2. Selain itu, mendapatkan konsensus dan kerjasama semua pihak berkepentingan dalam **Jawatankuasa Khas Kabinet** yang dipengerusikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Dato' Seri Mustapha Mohamed termasuk Kementerian Pertahanan, Kementerian Kewangan, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Boustead Naval Shipyard (BNS), *Implementation Coordination Unit* (ICU), *Economic Planning Unit* (EPU) dan Jabatan Peguam Negara juga merupakan salah satu usaha yang amat penting.

3. Sesi **lawatan tapak di Lumut, Perak pula telah diadakan sebanyak 9 kali oleh *stakeholders* utama** - 2 kali oleh Menteri Pertahanan sebelum ini (YAB Dato' Sri Ismail Sabri dan YB Mohamad Sabu), sekali oleh Jawatankuasa Khas Kabinet, sekali oleh Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, sekali oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) dan 4 kali oleh LTAT, Ketua Setiausaha (KSU) serta Timbalan KSU.

4. Alhamdulillah, selepas segala usaha dan pendekatan ini, hari ini menerusi Mesyuarat Jemaah Menteri yang dipengerusikan YAB Perdana Menteri, **Kabinet sebulat suara memuktamadkan supaya projek perolehan LCS diteruskan**.

5. Keputusan ini dibuat Kabinet setelah mengambil kira dua faktor utama:-

   i. Pertama, **LCS sememangnya aset yang amat dimahukan dan diperlukan oleh TLDM.** Bukan sahaja untuk memenuhi perancangan pemodenan TLDM di bawah Transformasi *15 to 5*, malah lebih penting untuk meningkatkan kesiapsiagaan pasukan armada kita serta menambahbaik usaha memelihara kepentingan maritim negara. Saya percaya keputusan hari ini dapat meningkatkan lagi moral dan semangat anggota TLDM untuk terus berjuang demi kedaulatan tanah air.

   ii. Kedua, **terdapat 400 vendor yang terlibat dalam projek ini dengan implikasi kewangan lebih RM4 billion**. Daripada jumlah ini:

   - Lebih 100 daripadanya adalah syarikat milik rakyat Malaysia. 90% daripadanya ada hubung kait dengan veteran.
   - Majoriti mereka berada di Lumut terutama pekerja berkemahiran/pakar/ahli keluarga mereka.

PEJABAT MENTERI KANAN PERTAHANAN
Jalan Padang Tembak, 50634 Kuala Lumpur

MENTERI KANAN PERTAHANAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

6. Jadi, keputusan ini juga merupakan sebahagian daripada usaha membela kebajikan veteran ATM, isteri, anak serta ahli keluarga mereka. Saya ambil maklum, vendor-vendor ini mengikuti rapat perkembangan usaha menyelesaikan isu LCS ini dan mereka pastinya gembira dengan keputusan ini.

7. Dengan keputusan ini, tiada lagi persoalan sama ada perolehan LCS akan diteruskan ataupun tidak. Kini, semua pihak yang berkepentingan boleh bergerak ke hadapan dan fokus untuk menjayakannya.

8. Paling penting, setiap mekanisma penambahbaikan yang dicadangkan khususnya oleh Jawatankuasa Khas Kabinet harus dilaksanakan sebaik mungkin supaya perancangan dan garis masa yang ditetapkan kali ini dapat ditepati sepenuhnya.

9. Komitmen lebih besar ialah memastikan segala isu ketirisan sebelum ini tidak berulang. Semua pihak yang terlibat kali ini khususnya BNS yang sedang diterajui pengurusan baru mesti memainkan peranan masing-masing dengan telus dan bertanggungjawab.

10. Kelulusan Kabinet ini hanyalah peringkat permulaan yang baik. Namun, terdapat beberapa lagi langkah ke hadapan untuk melangkapkan Pelan Pemulihan antaranya "Proses Mobilisasi" dalam tempoh 6 bulan mendatang. Ini akan melibatkan rundingan antara bank, vendor dan pihak OEM. Tidak terkecuali, rundingan dengan pihak Perancis daripada segi reka bentuk dan komitmen Kerajaan Perancis. Ini semua bermula sekarang.

11. Dalam masa yang sama, agensi-agensi lain yang berkaitan termasuk SPRM juga digesa untuk mempercepatkan peranan masing-masing bagi memastikan setiap proses yang perlu dilalui berjalan lancar.

12. **Kabinet akan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Tadbir Urus Khas yang bakal dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan serta KSU Kementerian Pertahanan.** Jawatankuasa ini ditugaskan memantau secara dekat terutama proses dalam tempoh 6 bulan mendatang dan melaporkan perkembangannya kepada Kabinet pada setiap bulan.

13. Saya juga ingin tegaskan, **keputusan meneruskan projek LCS tidak bermakna pihak yang terlibat salah laku dalam projek sebelum ini akan terlepas begitu sahaja**. SPRM telah menahan reman dua CEO sebelum ini dan SPRM juga digesa untuk percepatkan siasatan. Siapa jua yang bersalah pasti akan dihadapkan ke muka pengadilan.

14. Perincian lebih lanjut tentang bagaimana projek ini akan diteruskan akan dimaklumkan dari masa ke masa.

YB DATO' SERI HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN
MENTERI KANAN PERTAHANAN

20 APRIL 2022

PEJABAT MENTERI KANAN PERTAHANAN
Jalan Padang Tembak, 50634 Kuala Lumpur

RUMUSAN & SYOR

JAWATANKUASA

KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN

11. RUMUSAN PAC PARLIMEN

Secara keseluruhan PAC Parlimen merumuskan perkara-perkara berikut:

11.1. Kontrak projek LCS diberikan oleh Kerajaan kepada syarikat BNS secara rundingan terus. Kerajaan telah membayar sejumlah RM6.083 bilion untuk projek LCS, namun tiada sebuah kapal LCS pun yang disiapkan. Menurut jadual asal, setakat Ogos 2022 sepatutnya lima (5) buah kapal LCS harus disiap dan diserahkan.

11.2. Pandangan TLDM selaku *end user* tidak diendahkan oleh MINDEF dan syarikat BNS dalam pelaksanaan projek LCS. Pada asalnya, reka bentuk kapal jenis SIGMA pilihan TLDM telah dipersetujui oleh Menteri Pertahanan. Keputusan tersebut telah berubah kepada reka bentuk kapal jenis GOWIND pada 11 Julai 2011 atas cadangan syarikat BNS yang dibawa kepada Menteri Pertahanan pada 8 Julai 2011. Memetik kenyataan Laksamana Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Jaafar, Panglima Tentera Laut pada ketika itu, keputusan tersebut adalah "*something is gravely wrong*".

11.3. *Due diligence* yang dilakukan oleh Kerajaan terhadap syarikat BNS gagal mengesan masalah kewangan syarikat tersebut. Hal ini dibuktikan apabila Kerajaan terpaksa membuat pembayaran pendahuluan sehingga RM1.36 bilion kepada syarikat BNS,

bertentangan dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 yang berkuatkuasa ketika itu.

11.4. Kedudukan kewangan syarikat BNS adalah lemah dan kritikal disebabkan salah guna kuasa dan kepincangan dalam pengurusan kewangan. Setakat tahun 2018, hutang syarikat BNS kepada OEM adalah sebanyak RM801 juta manakala pinjaman syarikat BNS dengan institusi kewangan adalah sebanyak RM956 juta.

11.5. Syarikat BNS telah melantik syarikat CAD dan CED untuk membeli peralatan daripada OEM. Ini menyebabkan kos pembelian bertambah berkali ganda. Syarikat CAD dan CED merupakan syarikat usahasama antara BNS (51%) dan RAD (49%) yang mana RAD mempunyai kawalan penuh ke atas CAD dan CED. Laporan Pengauditan Forensik mendapati peranan CAD dan CED dalam projek LCS amat meragukan.

11.6. Terma-terma kontrak adalah lemah dan tidak memihak kepada Kerajaan. Pembayaran projek LCS berdasarkan kemajuan aktiviti atau pembekalan item dan bukan berdasarkan kemajuan sebenar. Ini adalah luar biasa dan ini menyebabkan bayaran kemajuan LCS1 melebihi kemajuan kerja sebenar sebanyak 21.1% (bayaran sebanyak 63.8% berbanding kemajuan kerja sebenar sebanyak 42.7%).

11.7. Sehingga kini, *detailed design* masih belum lagi dimuktamadkan oleh Kerajaan dan syarikat BNS. Hal ini menyebabkan VO dikeluarkan secara berterusan dan membuka ruang untuk manipulasi berlaku.

11.8. Pembayaran diterima daripada Kerajaan oleh syarikat BNS tidak digunakan untuk projek LCS sepenuhnya. Ini menyebabkan syarikat BNS menghadapi suatu cost overrun sebanyak RM1.4005 bilion. Daripada amaun tersebut, sejumlah RM400 juta telah digunakan untuk menyelesaikan hutang lapuk projek lama NGPV.

11.9. Peralatan yang disimpan dalam stor bagi projek LCS dianggarkan berjumlah RM1.7 bilion dan dianggarkan 15% telah pun usang (*obsolete).*

12. SYOR PAC PARLIMEN

Bagi tujuan penambahbaikan, PAC Parlimen mengesyorkan perkara-perkara berikut:

12.1. Laporan JKSTUPKK berhubung Perolehan Enam Buah *Second Generation Patrol Vessel* (SGPV), Berkeupayaan *Littoral Combatant Ship* (LCS) Tentera Laut Diraja Malaysia, Kementerian Pertahanan Malaysia dinyahklasifikasikan sepenuhnya.

12.2. Insiden perubahan pemilihan reka bentuk kapal LCS daripada SIGMA kepada GOWIND harus dijadikan pengajaran bagi perolehan pada masa hadapan. Perolehan peralatan dan kelengkapan pertahanan negara harus mengutamakan keperluan *end user* iaitu TLDM dalam kes ini, dan secara amnya bagi segala projek dan perolehan di masa hadapan selari dengan Kertas Putih Pertahanan 2020 – 2030.

12.3. Kementerian perlu membentangkan perancangan perolehan ketenteraan substantif kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Pertahanan dan Keselamatan dari masa ke masa dengan melibatkan semua pihak berkepentingan demi kesiapsiagaan pertahanan negara.

12.4. Pentadbiran Kontrak Kerajaan haruslah diperkemaskan untuk meminimumkan Arahan Perubahan Kerja (VO) bagi mengelakkan peningkatan kos projek.

12.5. SPRM perlu mengambil tindakan ke atas segala penemuan Laporan PAC, Laporan JKSTUPKK, dan Laporan Pengauditan Forensik dengan kadar segera. Pendakwaan harus disegerakan.

12.6. MINDEF perlu melihat semula kesemua opsyen dan menetapkan hala tuju terbaik bagi projek LCS dan memastikan wang awam dibelanjakan secara bertanggungjawab.

12.7. MINDEF perlu membentangkan laporan kemajuan projek LCS setiap tiga (3) bulan kepada PAC sehingga projek LCS disempurnakan.

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN

GLOSARI

GLOSARI

AGC	Jabatan Peguam Negara
BHIC	Boustead Heavy Industries Corporation
BHICDT	BHIC Defence Technologies Sdn. Bhd.
BNS	Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd.
BOD	*Board Of Directors*
BPS	Boustead Penang Shipyard Sdn. Bhd.
BVSB	Bureau Veritas (M) Sdn. Bhd.
CAD	Contravest Advanced Devices Sdn. Bhd.
CED	Contravest Electrodynamics Devices Sdn. Bhd.
CMB	*Capability Management Board*
CMS	*Combat Management System*
DCR	*Director's Circular Resolution*
DLS	*Decoy Launching System*
EOT	*Extension of Time*
EPU	Unit Perancang Ekonomi
EUR	Euro
FLS	*full-life support*
ILS	*Integrated Logistic Support*
IPMS	*Integrated Platform Management System*
JAN	Jabatan Audit Negara
JANM	Jabatan Akauntan Negara
JKSTUPKK	Jawatankuasa Khas Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan
JV	syarikat usahasama
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPM	Jabatan Perdana Menteri

KSP	Ketua Setiausaha Perbendaharaan
KSN	Ketua Setiausaha Negara
KSU	Ketua Setiausaha
LAD	*Liquidated Ascertained Damages*
LCS	*Littoral Combatant Ship*
LCSSC	*LCS Steering Committee*
LOA	*Letter of Award to Undertake Subcontract Works*
LOI	*Letter of Intent*
LKAN	Laporan Ketua Audit Negara
LTAT	Lembaga Tabung Angkatan Tentera
MINDEF	Kementerian Pertahanan Malaysia
MOF	Kementerian Kewangan
MRO	*Maintenance, Repair and Overhaul*
MSR	*Main Surveillance Radar*
NDSB	Naval Dockyard Sdn. Bhd.
NGPV	*New Generation Patrol Vessel*
NSM	*Naval Strike Missile*
OEM	*Original Equipment Manufacturer*
PAC	Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara
PSC	Penang Shipbuilding and Construction
PHO	*Physical Hand Over*
PM	Peraturan Mesyuarat
RAD	Rheinmetall Air Defense AG
RDI	RD Investment AG
RM	Ringgit Malaysia
SA	*Supplementary Agreement*
SOP	*Standard Operating Procedures*
SGPV	*Second Generation Patrol Vessel*

SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
SPV	*Special Purpose Vehicle*
SSM	*Surface To Surface Missile*
SST	Surat Setuju Terima
TAS	*Towed Array Sonar*
TKAN	Timbalan Ketua Audit Negara
TLDM	Tentera Laut Diraja Malaysia
VO	*Variation order*
YAB	Yang Amat Berhormat
YB	Yang Berhormat
YBhg	Yang Berbahagia

AGENDA MESYUARAT

JAWATANKUASA

KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN

AGENDA MESYUARAT
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN KEEMPAT BELAS BERHUBUNG PROLEHAN KAPAL PERONDA GENERASI KEDUA – *LITTORAL COMBATANT SHIP (LCS)* BAGI TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA OLEH KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

BIL	LAPORAN PROSIDING	TARIKH
1	AGENDA MESYUARAT BIL. 1(A)/2020	18 NOVEMBER 2020
2	AGENDA MESYUARAT BIL. 1(B)/2020	18 NOVEMBER 2020
3	AGENDA MESYUARAT BIL. 1(C)/2020	1 DISEMBER 2020
4	AGENDA MESYUARAT BIL. 1(D)/2020	16 DISEMBER 2020
5	AGENDA MESYUARAT BIL. 1(E)/2020	29 JULAI 2021
6	AGENDA MESYUARAT BIL. 1(F)/2020	25 OKTOBER 2021
7	AGENDA MESYUARAT BIL. 1(G)/2020	27 SEPTEMBER 2021
8	AGENDA MESYUARAT BIL. 1(H)/2020	11 DISEMBER 2021
9	AGENDA MESYUARAT BIL. 1(I)/2020	25 JANUARI 2022
10	AGENDA MESYUARAT BIL. 1(J)/2020	8 MAC 2022

LAMPIRAN A

MESYUARAT PROSIDING JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS
BIL. 1 (A) TAHUN 2020
BERTEMPAT DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1
TINGKAT 2, BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
18 NOVEMBER 2020 (RABU) **10.30 PAGI**	**PROSIDING BERHUBUNG PEROLEHAN KAPAL PERONDA GENERASI KEDUA BAGI TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA DAN SISTEM PERTAHANAN UDARA STARSTREAK BAGI TIGA PERKHIDMATAN**	**JABATAN AUDIT NEGARA (JAN):** **(i) YBhg. Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid, Ketua Audit Negara**

LAMPIRAN A

MESYUARAT PROSIDING JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS
BIL. 1 (B) TAHUN 2020
BERTEMPAT DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1
TINGKAT 2, BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
18 NOVEMBER 2020 (RABU) **10.30 PAGI**	**PROSIDING BERHUBUNG PEROLEHAN KAPAL PERONDA GENERASI KEDUA BAGI TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA DAN SISTEM PERTAHANAN UDARA STARSTREAK BAGI TIGA PERKHIDMATAN**	**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA (MINDEF):** (i) YBHG. DATO' SRI MUEZ BIN ABDUL AZIZ, KETUA SETIAUSAHA

LAMPIRAN A

MESYUARAT PROSIDING JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS
BIL. 1(C) TAHUN 2020
BERTEMPAT DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1
TINGKAT 2, BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
1 DISEMBER 2020 (SELASA) **10.15 PAGI**	**PROSIDING BERHUBUNG PEROLEHAN KAPAL PERONDA GENERASI KEDUA BAGI TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA**	**JABATAN PERDANA MENTERI:** YANG BERBAHAGIA TAN SRI AMBRIN BIN BUANG, PENGERUSI JAWATANKUASA SIASATAN TADBIR URUS, PEROLEHAN DAN KEWANGAN KERAJAAN

LAMPIRAN A

MESYUARAT PROSIDING JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS
BIL. 1(D) TAHUN 2020
BERTEMPAT DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1
TINGKAT 2, BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
16 DISEMBER 2020 (RABU) **10.30 PAGI**	**PROSIDING BERHUBUNG PEROLEHAN KAPAL PERONDA GENERASI KEDUA BAGI TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA**	**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA (MINDEF):** (i) YBhg. Dato' Sri Muez bin Abdul Aziz, Ketua Setiausaha (ii) Laksamana Shaiful Bahri bin Baharuddin, Ketua Pengarah (iii) Kept TLDM Ir. Azhar bin Jumaat, Mantan Ketua Pengarah (iv) Kept TLDM Mohd Shaiful Adli Chung bin Abdullah, Mantan Ketua Pengarah (v) Kept TLDM Mohamad Azuwan bin Harun, Mantan Ketua Pengarah

LAMPIRAN A

MESYUARAT PROSIDING JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS
BIL. 1(E) TAHUN 2020
BERTEMPAT DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1
TINGKAT 2, BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
29 Julai 2021 (Khamis) **10.30 pagi**	**Prosiding Bil. 1(e) Tahun 2020: Prosiding berhubung Perolehan Kapal Peronda Generasi Kedua Bagi Tentera Laut Diraja Malaysia**	**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA (MINDEF):** (i) YBhg. Laksamana Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Abdul Aziz bin Haji Jaafar, Mantan Panglima Tentera Laut; (ii) YBhg. Dato' Sri Muez bin Abdul Aziz, Ketua Setiausaha;

LAMPIRAN A

MESYUARAT PROSIDING JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS
BIL. 1(F) TAHUN 2020
BERTEMPAT DI BILIK JAWATANKUASA 1
TINGKAT 2, BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
25 Oktober 2021 (Isnin) **10.00 pagi**	**Prosiding Bil. 1(f) Tahun 2020: Prosiding berhubung Perolehan Kapal Peronda Generasi Kedua Bagi Tentera Laut Diraja Malaysia**	**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA (MINDEF):** (i) Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Mantan Menteri Pertahanan (mulai 10 April 2009 – 16 Mei 2013) (ii) Yang Berbahagia Dato' Sri Muez bin Abdul Aziz, Ketua Setiausaha

LAMPIRAN A

MESYUARAT PROSIDING JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS
BIL. 1(G) TAHUN 2020
BERTEMPAT DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1
TINGKAT 2, BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
27 September 2021 (Isnin) **11.00 pagi**	**Prosiding Bil. 1(g) Tahun 2020: Prosiding berhubung Perolehan Kapal Peronda Generasi Kedua Bagi Tentera Laut Diraja Malaysia**	**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA (MINDEF):** (i) Yang Berbahagia Dato' Sri Muez bin Abdul Aziz, Ketua Setiausaha **BOUSTEAD NAVAL SHIPYARD SDN. BHD.:** (i) Yang Berusaha Tuan Low Kok Chiang, Ketua Pegawai Operasi

LAMPIRAN A

MESYUARAT PROSIDING JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS
BIL. 1(H) TAHUN 2020
BERTEMPAT DI MARKAS PANGKALAN LUMUT, PANGKALAN TLDM

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
11 DISEMBER 2021 (SABTU)	**i. Prosiding Bil. 1(h) Tahun 2020: Prosiding berhubung Perolehan Kapal Peronda Generasi Kedua Bagi Tentera Laut Diraja Malaysia** **ii. Lawatan Tapak**	**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA (MINDEF):** (i) YBhg. Datuk Dr. Shahrazat binti haji Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) **BOUSTEAD HEAVY INDUSTRIES CORPORATION:** (i) Tuan Sharifuddin bin Md Zaini Al-Manaf, Ketua Pegawai Eksekutif

LAMPIRAN A

MESYUARAT PROSIDING JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS
BIL. 1(I) TAHUN 2020
BERTEMPAT DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1
TINGKAT 2, BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
25 Januari 2022 (Selasa) **10.00 pagi**	**Prosiding Bil. 1(i) Tahun 2020: Prosiding berhubung Perolehan Kapal Peronda Generasi Kedua Bagi Tentera Laut Diraja Malaysia**	**Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF):** (i) Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, Menteri Kanan Pertahanan; (ii) Yang Berbahagia Dato' Sri Muez bin Abdul Aziz, Ketua Setiausaha

LAMPIRAN A

MESYUARAT PROSIDING JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS
BIL. 1(J) TAHUN 2020
BERTEMPAT DI BILIK JAWATANKUASA 1
TINGKAT 2, BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
08.03.2022 (Selasa) **10.30 pagi**	**Prosiding Bil. 1(j) Tahun 2020: Prosiding berhubung Perolehan Kapal Peronda Generasi Kedua Bagi Tentera Laut Diraja Malaysia**	**Boustead Heavy Industries Corporation Berhad:** (i) YBrs. Dr. Salihin Abang, Pengarah Bukan Eksekutif Bebas; (ii) YBrs. Puan Hajah Saadatul Nafisah Bashir Ahmad, Pengarah Bukan Esekutif Bebas **Alliance IFA (M) Sdn. Bhd.:** (i) YBrs. Tuan Prabhat Kumar, Pengarah Eksekutif

GAMBAR PROSIDING

BIL. 1/2020

18 NOVEMBER 2020


PARLIMEN
MALAYSIA


Prosiding Jawatankuasa
Kira-kira Wang Negara (PAC),
Parlimen Keempat Belas
Bil. 1 Tahun 2020
Perolehan Kapal Peronda Generasi
Kedua bagi Tentera Laut Diraja
Malaysia dan Sistem Pertahanan
Udara Stand-mesak bagi Tiga
Perkhidmatan
PARLIMEN
MALAYSIA


Bil. 1 Tahun 2020
Perolehan Kapal Peronda Generasi Kedua bagi Tentera Laut Diraja Malaysia dan Sistem Pertahanan Udara Starstreak bagi Tiga Perkhidmatan
PARLIMEN MALAYSIA


PARLIMEN MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA

BIL. 1(C)/2020

1 DISEMBER 2020


PEMBEKALAN ENAM BUAH SECOND GENERATION PATROL VESSEL (SGPV)
BERKEUPAYAAN LITORAL COMBAT SHIP (LCS), TLDM
RM9.128 Billon
Mei 2019
BNS memaklumkan kelewatan mencecah 24 -34 bulan
Cadangan penyerahan LCS yang dikemukakan oleh BNS mengalami pelanjutan tempoh serahan yang panjang.
LCS
PENYERAHAN MENGIKUT KONTRAK (BULAN)
VARIATION PROPOSAL PERTAMA
SERAH (BULAN)
LEWAT (BULAN)
VARIATION PROPOSAL KEDUA TERTAKLUK KELULUSAN VO DAN TAMBAHAN MASA BERIKUT
CADANGAN DIMAJUKAN OLEH SYARIKAT BNS
LEWAT (BULAN)
1 April 2019 Dis 2020 20 +32 bulan Feb 2022 34
2 Februari 2020 April 2021 14 +40 bulan Dis 2022 32
3 Disember 2020 Ogos 2021 8 +46 bulan Jun 2023 30
4 Oktober 2021 Oktober 2021 - +50 bulan Feb 2024 28
5 Ogos 2022 Ogos 2022 - +64 bulan Dis 2024 26
6 Jun 2023 Jun 2023 - +72 bulan Jun 2025 24
*Maklumat setakat Mei 2019



Y.B DATO' HAJI MOHD FASI
AHLI PARLIMEN SABAK




BILIK KAWALAN
NAIB PENGERUSI
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN


SYARIKAT
Holdings Berhad
65%
BHIC Berhad
8%
BHIC Trading Sdn Bhd
Boustead Penang Shipyard Sdn Bhd
BHIC Aerotech Sdn Bhd
Perstim Industries Sdn Bhd
21%
69% (BHC)
BNS Sdn Bhd
10% (LTAT)
MOF Golden Share
PARLIMEN MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA

BIL. 1(D)/2020

16 DISEMBER 2020


16 Dis 20
PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


KELUAR
PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA

BIL. 1(E)/2020

29 JULAI 2021


CHAIRMAN
PARLIMEN
MALAYSIA


X
DATO' SRI MUEZ BIN ABDUL AZIZ
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERTAHANAN
PARLIMEN
MALAYSIA


X
SILA KOSONGKAN
PARLIMEN
MALAYSIA


X
X
SILA KOSONGKAN
PARLIMEN
MALAYSIA


CHAIRMAN
PARLIMEN
MALAYSIA


X
BILA KOSONGKAN
PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA

BIL. 1(F)/2020

25 OKTOBER 2021


X
SILA KOSONGKAN
PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


TAPAK PELUPUSAN DAN LOJI INSINERATOR
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
PARLIMEN
MALAYSIA


PENGERUSI
NAIB PENGERUSI
PARLIMEN
MALAYSIA


ISMAIL
YBRS. TUAN HAJI ISMAIL BIN MOKHTAR
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN
PEMBERSIHAN AWAM (SWCORP)
PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA

BIL. 1(G)/2020

27 SEPTEMBER 2021


YBHG. DATUK ISHAM ISHAK
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


X
SILA KOSONGKAN
PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


Opsi 2019
November 2019
PARLIMEN
MALAYSIA

BIL. 1(H)/2020

11 DISEMBER 2021

(Lawatan Kerja dan Prosiding di Pangkalan TLDM Lumut)


Y.B PUAN WONG SHU QI
AHLI PARLIMEN KLUANG
PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA

BIL. 1(I)/2020

25 JANUARI 2022


PARLIMEN
MALAYSIA


DATO' SERI HISHAMUDDIN BIN TUN
HUSSEIN
MENTERI KANAN PERTAHANAN
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
PARLIMEN
MALAYSIA


CADANGAN HALA TUJU TERKINI
PENSTRUKTURAN KORPORAT
• Penglibatan LTAT sebagai anchor
• BNS diletakkan di bawah Special Purpose Vehicle (SPV)
• SPV akan bertindak sebagai Bankruptcy Remote Entity (Ring Fencing)
• MOF kekal memegang saham khas
• Penyusunan semula barisan ahli Lembaga Pengarah BNS dan SPV serta pengurusan korporat
PELAN PEMULIHAN PROJEK LCS
• 2 LCS + 2 LCS + 2 LCS
• Kerajaan berhak membatalkan kontrak atau mengurangkan skop
• Penyiapan detail design dibuat keutamaan
• Pemantauan akan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Khas LCS dipengerusikan oleh KSN
IMPLIKASI KEWANGAN
• 2 tahun pertama akan menggunakan baki projek sedia ada
• Tambahan kos projek bergantung kepada prestasi syarikat dalam melaksanakan LCS 1 dan LCS 2
• Pembayaran terus kepada OEM/Vendor
***Tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri
PARLIMEN MALAYSIA


***Tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri
YBHG. DATO' SRI MUEZ BIN ABD AZIZ
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
PARLIMEN MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA



CADANGAN HALA TUJU TERKINI
PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA

BIL. 1(J)/2020

8 MAC 2022


HON. TUAN WONG KAH WOH
CHAIRMAN
PARLIMEN
MALAYSIA


ALLIANCE IFA FORENSICS
PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


ALLIANCE IFA FORENSICS
YBRS. DR. SALIHIN BIN ABANG
PENGARAH BUKAN PEGAWAI EKSEKUTIF
BOUSTEAD HEAVY INDUSTRIES CORPORATION
PARLIMEN
MALAYSIA


X
SILA KOSONGKAN
YBRS. ENCIK PRABHAT KUMAR GUP
PENGARAH EKSEKUTIF
ALLIANCE IFA
PARLIMEN
MALAYSIA


CHAIRMAN
VICE CHAIRMAN
PARLIMEN
MALAYSIA